

# NOTA BESTARI KOMSAS

## ANTOLOGI "BINTANG HATI"



### UNIT 1: Puisi Tradisional

#### 1. Syair Burung Nuri

##### Maksud

##### Rangkap 1

Penyair menceritakan sebuah warkah yang ditulis oleh seorang yang dipandang hina sehinggakan kata-kata yang ditulisnya itu mungkin dianggap salah berdasarkan buah fikirannya yang kurang sempurna.

##### Rangkap 2

Menurut penyair, seseorang itu dianggap hina jika dia tidak berakal, bersikap kurang sopan, berakhlak rendah, dan hidup dalam keadaan miskin.

##### Rangkap 3

Penyair juga memohon maaf sekiranya perkara yang ditulis daripada perasaan kecewanya itu menghasilkan kata-kata yang kurang menarik dalam warkah tersebut.

##### Rangkap 4

Penyair menulis lembaran yang jelas tentang adab kepada pasangan yang sedang bercinta agar mereka tidak kecewa dan menjadikan surat sebagai saluran meluahkan perasaan.

##### Rangkap 5

Penyair menceritakan nasib malang yang ditempuhinya secara berulang kali sehingga boleh membawa kemudaratan dan menyebabkan dirinya sentiasa dalam keadaan sedih dan kecewa.

##### Rangkap 6

Penyair mengisahkan kehidupannya terumbang-ambing tanpa arah tuju, tidak terurus hingga melupakan makan dan minum.

##### Rangkap 7

Namun penyair tersedar bahawa tiada guna hidup dalam kekecewaan sehingga boleh menyebabkan kehidupannya menjadi hancur.

##### Rangkap 8

Penyair sedar apabila berada dalam keadaan yang sangat kecewa boleh menyebabkan fikirannya tidak waras. Sekiranya dituruti perasaan kecewa itu, penyair berfikir lebih baik mati daripada hidup dalam keadaan sebegitu.

##### Tema

Adab dalam kehidupan seseorang.

##### Persoalan

- Kepentingan memiliki ilmu pengetahuan dan berakhlak mulia.
- Kekecewaan yang boleh merosakkan kehidupan seseorang.
- Kebijaksanaan dalam mengawal diri ketika bercinta.
- Rasional dalam berfikir dan membuat tindakan.

##### Bentuk dan Ciri-ciri Syair

- Terdiri daripada lapan rangkap.
- Berisi empat baris dalam setiap rangkap.
- Semua baris merupakan maksud.
- Bilangan katanya tiga hingga enam patah kata sebaris.
- Terdiri daripada sepuluh hingga tiga belas suku kata sebaris.
- Bentuknya terikat.

##### Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- Inversi. Contohnya, *Dituliskan sahifah supaya nyata.*
- Simile. Contohnya, *Laksana cermin jatuh ke batu.*
- Sinkope. Contohnya, *Sajak dan nazam banyak tak kena.*
- Repetisi. Contohnya, *Hanyutlah badan ke sana ke mari.*
- Asonansi. Contohnya, *Bermula warkah surat rencana.* (perulangan vokal a).
- Aliterasi. Contohnya, *Gundahlah fikir tiada tertentu.* (perulangan konsonan t).

##### Nilai

- Kesedaran.
- Merendah diri.
- Rasional.
- Hemah tinggi.

##### Pengajaran

- Kita sepatutnya bersikap merendah diri.
- Kita haruslah insaf akan kesalahan yang telah dilakukan.
- Kita janganlah mementingkan percintaan dalam kehidupan.
- Kita tidak boleh berputus asa.
- Kita janganlah bertindak mengikut kata hati.

#### 2. Seloka Santap Istiadat (Za'ba)

##### Maksud

##### Rangkap 1

Santap beradat merupakan istiadat santap raja di majlis kebesaran. Santap tersebut bertujuan untuk meraikan dan menghormati tetamu. Majlis santapan ini bukanlah sekadar untuk mengenyangkan perut tetapi merupakan majlis santapan yang mengajar si penjamu selera agar makan secara sopan dan mengikut tatacara yang tepat.

##### Rangkap 2

Berdasarkan tatacara dan ketertiban sewaktu makan, nasi hendaklah disuap menggunakan tangan kanan manakala lauk perlulah diangkat secara sopan. Ketika nasi sampai ke mulut hendaklah dikunyah dengan perlahan-lahan sebagai tanda tertib dan tidak gelojoh sewaktu makan. Setelah selesai makan nasi barulah diambil seteguk air minuman sebagai isyarat hormat dan beradab sopan ketika berada dalam majlis santapan itu.

##### Rangkap 3

Dalam aturan dan cara-cara makan dan minum, suapan nasinya bermula daripada suapan pertama hingga ketiga sahaja. Selepas itu, si penjamu selera perlu membasuh tangan, sebelum diikuti dengan menjamah juadah halwa dan memakan buah-buahan.

##### Rangkap 4

Cara-cara makan dan minum yang berikutnya ialah ketujuhannya, orang yang menjamu selera perlu berkumur-kumur untuk membersihkan mulut dan diakhiri dengan memakan sirih. Air sirih kelat yang masuk ke kerongkong si penjamu selera akan menambahkan seri pada wajah mereka.

##### Rangkap 5

Tatacara dan peraturan santapan ini merupakan majlis santap beradat kebesaran yang diajarkan oleh generasi terdahulu.

##### Tema

Ajaran beradab sopan dan tatacara makan dan minum di dalam majlis mengikut tertib berpandukan didikan generasi terdahulu.

##### Persoalan

- Adab sopan dan tertib ketika menjamu selera dalam sesuatu majlis.
- Cara-cara menjamu selera dalam sesuatu majlis.
- Masyarakat Melayu yang mengutamakan nilai kesopanan ketika makan dan minum.
- Kepentingan beradab sopan dan tertib ketika menjamu selera.

##### Bentuk dan Ciri-ciri Seloka

- Terdiri daripada lima rangkap.
- Rangkap pertama mempunyai lima baris, rangkap kedua mempunyai tujuh baris, rangkap ketiga mempunyai enam baris, rangkap keempat mempunyai empat baris, dan rangkap kelima mempunyai dua baris.
- Bilangan katanya dua hingga enam patah kata.
- Terdiri daripada tujuh hingga empat belas suku kata.
- Berbentuk bebas.

### Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Anafora. Contohnya, *Santap beradat, santap istiadat, Santap raja di majlis kebesaran, Santap merai, hormat-menghormat*;
- (b) Repetisi. Contohnya, *Santap beradat, santap istiadat*.
- (c) Bahasa klasik. Contohnya, *peroman*.
- (d) Kata ganda. Contohnya, *hormat-menghormat, mulia-memuliakan, buah-buahan dan berkumur-kumur*.
- (e) Personifikasi. Contohnya, *Kelat jatuh ke rengkungan*.
- (f) Asonansi. Contohnya, *Ketujuh berkumur-kumur* (perulangan vokal u).
- (g) Aliterasi. Contohnya, *Isyarat menghormat, mulia-memuliakan*. (perulangan konsonan m).
- (h) Rima akhir bagi rangkap pertama ialah *abacb*, rima akhir bagi rangkap kedua ialah *aaaabaa*, rima akhir bagi rangkap ketiga ialah *abcabc*, rima akhir bagi rangkap keempat ialah *abcc* dan rima akhir bagi rangkap kelima ialah *ab*.

### Nilai

- (a) Kesopanan.  
(b) Kepatuhan.  
(c) Hormat-menghormati.  
(d) Kesederhanaan.

### Pengajaran

- (a) Kita hendaklah bersikap sopan dan beradab ketika sedang menjamu selera.  
(b) Kita mestilah hormat-menghormati antara satu dengan yang lain ketika sedang menjamu selera di dalam sesuatu majlis.  
(c) Kita hendaklah mengikut peraturan ketika makan dengan mendahului perkara yang utama kemudian diikuti dengan perkara-perkara yang berikutnya.  
(d) Kita mestilah bersederhana ketika makan dengan tidak mengambil makanan secara berlebihan.



## UNIT 2: Sajak

### 1. Sajak Kijang yang Lelah (Wan Marzuki Wan Ramli)

#### Maksud

##### Rangkap 1

Kehidupan seekor kijang tua yang berasakan dirinya tidak lagi diperlukan seperti zaman mudanya yang gagah dan berkuasa.

##### Rangkap 2

Ketika itu sang kijang berasa sangat sedih dan resah. Kekuatan dalamannya semakin hilang dan yang tinggal hanyalah harapan.

##### Rangkap 3

Namun hari ini, sang kijang cuba membina kekuatan untuk menghabiskan sisa-sisa hidupnya walaupun berasa serik dan tidak berdaya lagi setelah keinginannya terhalang.

##### Rangkap 4

Sang kijang tetap berhati-hati kerana takut tersadung akar dan terkena jerat manusia. Biarpun dalam keadaan yang lemah, sang kijang tetap meneruskan perjalanannya di dalam hutan tebal tersebut. Namun jauh di sudut hatinya, sang kijang telah menanam tekad untuk terus melangkah walaupun pelbagai halangan menantinya dengan menggunakan akal fikiran serta kewarasannya.

### Tema

Keperitan hidup seekor kijang tua dalam mengharungi kehidupan.

### Persoalan

- (a) Ketabahan hidup dalam menghadapi masa tua.  
(b) Realiti kehidupan apabila kekuasaan semakin hilang ketika diri menginjak usia tua.  
(c) Sikap berhati-hati dalam menjalani kehidupan seharian.  
(d) Kekuatan fizikal dan mental amat penting untuk menghadapi cabaran hidup.

### Bentuk dan Ciri-ciri Sajak

- (a) Terdiri daripada empat rangkap.  
(b) Rangkap pertama mempunyai empat baris, rangkap kedua dan ketiga mempunyai lima baris, dan rangkap keempat mempunyai sepuluh baris.

- (c) Bilangan katanya dua hingga tujuh patah kata.  
(d) Terdiri daripada empat hingga tujuh belas suku kata.  
(e) Bentuknya bebas.

### Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Metafora. Contohnya, *dahan kalbu, dedaun resah, pepohon batin*.
- (b) Personifikasi. Contohnya, *Menghambat waktu yang bersisa*.
- (c) Hiperbola. Contohnya, *suara nyaringnya tidak lagi gah bergema*.
- (d) Asonansi. Contohnya, *terus mengorak penuh berhemah* (perulangan vokal e).
- (e) Aliterasi. Contohnya, *Dia cuba bangkit dengan kekuatan kaki* (perulangan konsonan k).
- (f) Rima akhir bagi rangkap pertama ialah *aaab*, rima akhir bagi rangkap kedua ialah *aabcb*, rima akhir bagi rangkap ketiga ialah *aabcb*, dan rima akhir bagi rangkap keempat ialah *abcdeefee*.

### Nada

Melankolik.

### Nilai

- (a) Ketabahan.  
(b) Kesungguhan.  
(c) Ketelitian.  
(d) Hemah tinggi.  
(e) Berwaspada.

### Pengajaran

- (a) Kita mestilah tabah dalam menghadapi dugaan hidup.  
(b) Kita haruslah berusaha untuk mengubah kehidupan.  
(c) Kita hendaklah bertekad ketika melakukan sesuatu perkara.  
(d) Kita disarankan untuk mengamalkan sikap berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara.  
(e) Kita perlulah menggunakan kewarasan akal fikiran dalam membuat sebarang tindakan.  
(f) Kita mestilah reda terhadap ketentuan takdir.

### 2. Sajak Pesan Ibu Beribu-ribu (Rahman Shaari)

#### Maksud

##### Rangkap 1

Setiap anak mempunyai seorang ibu sahaja tetapi terdapat banyak pesanan ibu kepada anak dalam menghadapi kehidupan.

##### Rangkap 2

Pesanan ibu kepada anak meliputi keseluruhan kehidupan anaknya. Ibu berpesan agar anaknya rajin belajar supaya dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan berhati-hati dalam memilih kawan. Ibu juga berpesan agar anaknya mencari rakan yang baik dan menjauhi rakan yang boleh mempengaruhi anaknya melakukan perkara yang negatif. Ibu berpesan lagi agar si anak berwaspada ketika keluar dari rumah kerana bimbang akan bahaya yang mungkin menimpa diri. Walaupun si anak berasa jemu dengan setiap pesanan ibu namun ibu tidak pernah berhenti berpesan. Pesannya sentiasa bertambah dari sehari ke sehari, termasuklah pesanan agar menjaga kesihatan diri.

##### Rangkap 3

Suatu hari penyajak melihat rakannya bersedih kerana ditinggalkan oleh kekasihnya. Dia baru menyedari bahawa kekasihnya ialah seorang penipu dan telah ditangkap.

##### Rangkap 4

Ketika itu rakan penyajak telah menyedari bahawa dia telah mengabaikan pesanan ibunya agar berhati-hati dalam memilih sahabat. Setelah itu, penyajak mula menerima hakikat kebenaran pesanan ibunya dan merindui pesanan-pesanan ibunya.

##### Rangkap 5

Akhirnya, penyajak mengakui bahawa ibunya lebih arif dalam menilai perkara yang baik dan yang buruk. Penyajak sanggup menerima lebih banyak pesanan ibunya kerana dia tidak akan bosan mendengarnya. Penyajak sedar bahawa sepenuhnya tanggungjawab seorang ibu apabila beliau dapat menyampaikan pesanan yang baik kepada anaknya.

## Tema

Seorang ibu yang tidak pernah jemu berpesan dan memberi nasihat kepada anak kesayangannya.

## Persoalan

- Kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya.
- Sikap berhati-hati dalam memilih sahabat.
- Kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan sebagai penyuluh kehidupan.
- Sikap tidak ambil peduli terhadap pesanan ibu akan membawa musibah kepada diri anak-anak.
- Pengalaman yang mengajar manusia tentang erti kehidupan.

## Bentuk dan Ciri-ciri Sajak

- Terdiri daripada lima rangkap.
- Rangkap pertama mempunyai tiga baris, rangkap kedua mempunyai lapan belas baris, rangkap ketiga mempunyai sembilan baris, rangkap keempat mempunyai lapan baris, dan rangkap kelima mempunyai sepuluh baris.
- Bilangan katanya satu hingga tujuh patah kata.
- Terdiri daripada dua hingga enam belas suku kata.
- Bentuknya bebas.

## Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- Anafora. Contohnya, *yang mana permata, yang mana kaca yang mana budaya, yang mana buaya.*
- Repetisi. Contohnya, *tapi ibu tetap ibu.*
- Hiperbola. Contohnya, *kawan berhantu.*
- Asonansi. Contohnya, *setiap langkah kita diiringi pesanan ibu* (perulangan vokal *i*).
- Aliterasi. Contohnya, *kerana kehilangan kekasih* (perulangan konsonan *k*).
- Rima akhir bagi rangkap pertama ialah *aaa*, rima akhir bagi rangkap kedua ialah *aaaabbcccaaaaaaaa*, rima akhir bagi rangkap ketiga ialah *abbacdddd*, rima akhir bagi rangkap keempat ialah *aabbbbbb* dan rima akhir bagi rangkap kelima ialah *abccaaaaa*.

## Nada

Melankolik.

## Nilai

- Kasih sayang.
- Kesungguhan.
- Kebijaksanaan.
- Berhati mulia.

## Pengajaran

- Kita mestilah sentiasa patuh dan mendengar nasihat ibu bapa.
- Kita hendaklah rajin dalam menuntut ilmu pengetahuan.
- Kita disarankan untuk menjaga kesihatan supaya tidak memudaratkan diri sendiri.
- Kita hendaklah menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita.
- Kita perlulah bijak dalam memilih sahabat yang boleh memberi tunjuk ajar kepada kita.

## 3. Sajak Senja di Palang Besi (Pena Alam)

### Maksud

#### Rangkap 1

Suatu senja menyaksikan tebaran cahayanya yang makin suram dan hanya dapat dilihat oleh penyajak melalui celah-celah lubang sel penjara yang memisahkannya dengan dunia luar yang terpaksa diisi dengan suasana yang sepi dan penuh kekesalan di hati.

#### Rangkap 2

Waktu senja yang dahulunya membawa bahagia kepada penyajak kini bertukar sayu tatkala menjelang malam kerana penyajak terpaksa hidup di dalam sel penjara yang menyakitkan, terbuang, dan terasing dari dunia luar.

#### Rangkap 3

Dalam sel penjara yang bersambung antara palang besi, penyajak resah berteleku dalam suasana hening akibat dipenjarakan tanpa ditemani suasana bising. Pada waktu senja yang semakin menghampiri malam, penyajak merasakan jiwanya semakin sunyi dan merasakan itulah hukuman kemanusiaan terhebat yang perlu ditempuhinya.

## Tema

Kesengsaraan dan kesepian seorang banduan yang hidup di dalam sel penjara.

## Persoalan

- Penyesalan hidup yang tiada berpenghujung.
- Kehidupan di dalam sel penjara yang amat memilukan.
- Penderitaan hidup yang terpaksa ditempuhi sendirian.
- Harga kebebasan bagi sebuah kehidupan.

## Bentuk dan Ciri-ciri Sajak

- Terdiri daripada tiga rangkap.
- Rangkap pertama dan kedua mempunyai enam baris, dan rangkap ketiga mempunyai lapan baris.
- Bilangan katanya tiga hingga sembilan patah kata.
- Terdiri daripada tujuh hingga lapan belas suku kata.
- Berbentuk bebas.

## Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- Anafora. Contohnya, *dalam keterbuangan yang merangkul dalam keterasingan yang mencengkam*
- Responsi. Contohnya, *dalam keterbuangan yang merangkul dalam keterasingan yang mencengkam*
- Metafora. Contohnya, *jemari malam, samudera jiwa.*
- Personifikasi. Contohnya, *Senja mula menangis.*
- Kata ganda. Contohnya, *kuntum-kuntum, dedawai.*
- Inversi. Contohnya, *Pilu wajahmu sang senja.*
- Asonansi. Contohnya, *hukuman terhebat hikayat kemanusiaan* (perulangan vokal *a*).
- Aliterasi. Contohnya: *Tanpa pasir pantai atau silir angin* (perulangan konsonan *p*).
- Rima akhir bagi rangkap pertama ialah *abcdef*, rima akhir bagi rangkap kedua ialah *aabcbb*, dan rima akhir bagi rangkap ketiga ialah *abcdeddd*.

## Nada

Melankolik.

## Nilai

- Ketabahan.
- Kebebasan.
- Keredaan.

## Pengajaran

- Kita hendaklah menghindarkan diri daripada terjebak dengan gejala negatif yang boleh menjerumuskan seseorang itu ke dalam penjara.
- Kita hendaklah menghargai nikmat kebebasan hidup yang dikurniakan oleh Tuhan.
- Kita mestilah menjadi orang yang mematuhi undang-undang negara.
- Kita hendaklah berfikir secara rasional dalam membuat sebarang tindakan agar tidak tersilap langkah melakukan perkara yang negatif.

## 4. Sajak Bintang (Siti Zaleha M. Hashim)

### Maksud

#### Rangkap 1

Pada suatu malam, penyajak duduk di halaman rumahnya sambil memerhatikan gugusan bintang di langit. Penyajak ingin terbang ke langit untuk mengambil bintang-bintang itu dan memberikan bintang-bintang itu kepada ayah dan ibunya. Penyajak merasakan perbuatannya itu akan membuatkan ibunya gembira dan ayahnya bahagia apabila melihat rumah mereka diterangi oleh cahaya bintang tersebut.

#### Rangkap 2

Namun begitu, ibu penyajak mengatakan bahawa penyajak tidak perlu berbuat demikian kerana ayah dan ibu penyajak sudah mempunyai bintang yang bercahaya di rumah dan dalam jiwa mereka. Hal ini demikian kerana penyajak ialah bintang hati ayah dan ibunya.



## Tema

Kasih sayang yang utuh antara anak dengan ibu bapanya.

## Persoalan

- Kasih sayang yang mendalam sesama ahli keluarga.
- Pengorbanan dan jasa ibu bapa yang tiada nilainya.
- Tanggungjawab seorang anak untuk membahagiakan ibu bapanya.
- Kebahagiaan ibu bapa terhadap anak yang taat dan bertanggungjawab.

## Bentuk dan Ciri-ciri Sajak

- Terdiri daripada dua rangkap.
- Rangkap pertama mempunyai sepuluh baris dan rangkap kedua mempunyai lapan baris.
- Bilangan katanya tiga hingga lima patah kata.
- Terdiri daripada enam hingga sepuluh suku kata.
- Bentuknya bebas.

## Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- Anafora. Contohnya, *bintang itu adalah aku bintang hati ayah dan ibu.*
- Metafora. Contohnya, *bintang hati.*
- Personifikasi. Contohnya, *menghias langit yang terbentang.*
- Kata ganda. Contohnya, *bintang-bintang.*
- Asonansi. Contohnya, *begitu juga ibu* (perulangan vokal *u*).
- Aliterasi. Contohnya, *begitu juga jiwa mereka* (perulangan konsonan *j*).
- Rima akhir bagi rangkap pertama ialah *abccdded* dan rima akhir bagi rangkap kedua ialah *aabaccaa*.

## Nada

Romantis.

## Nilai

- Kasih sayang.
- Mengenal jasa.
- Ketaatan.
- Tanggungjawab.
- Kejujuran.

## Pengajaran

- Kita mestilah mengamalkan kasih sayang dalam kalangan ahli keluarga.
- Kita hendaklah mengenang jasa ibu dan bapa yang banyak berbudi kepada kita.
- Kita perlulah taat akan ajaran dan perintah kedua-dua ibu bapa yang membesarkan kita sejak kecil.
- Kita hendaklah bertanggungjawab dalam membahagiakan dan menggembirakan hati ibu bapa pada setiap masa.
- Kita seharusnya jujur dalam berkata-kata untuk menyatakan kebenaran.



## UNIT 3: Prosa Tradisional

### Bahagia Sesudah Derita

#### Sinopsis

Cerita dimulakan dengan kisah sepasang suami isteri yang miskin telah berjalan-jalan mengelilingi negeri lalu pergi berjumpa dengan Maharaja Indera Dewa. Setelah dilihat oleh orang ramai akan pasangan yang memakai pakaian carik itu, mereka telah melemparkan kayu dan batu ke arah pasangan miskin tadi hingga menyebabkan tubuh suami isteri itu bengkak-bengkak dan berdarah. Betara Angkasa Indera Dewa telah mengarahkan mereka mengusir pasangan miskin itu. Hal ini telah menyebabkan pasangan miskin tadi melarikan diri ke dalam hutan. Dalam perjalanan pulang, pasangan itu telah terjumpa tempat orang membuang sampah. Takdir Allah telah menentukan mereka untuk berjumpa dengan sebiji ketupat basi dan buku tebu lalu dimakannya. Pasangan miskin ini mengambil keputusan untuk tidur di sana. Pada hari yang berikutnya, pasangan ini mencuba nasib lagi untuk meminta makanan tetapi masih gagal.

Melihat isterinya yang sakit, Si Miskin masuk ke dalam hutan untuk mencari ubat dan pucuk kayu untuk dimakan. Tidak lama selepas itu, isterinya telah hamil tiga bulan dan mengidam hendak makan buah mangga. Si Miskin pergi ke sebuah kedai menjual buah-buahan lalu

meminta buah yang telah dibuang daripada peniaga itu. Hal ini telah menyebabkan peniaga-peniaga itu berasa amat kasihan kepadanya lalu memberikan buah, juadah, nasi dan kain. Namun, si isteri menangis lagi kerana dia masih mengidam buah mangga yang ditanam dalam taman raja.

Si suami terus berjumpa dengan Maharaja Indera Dewa untuk menyatakan hasratnya meminta sebiji buah mangga. Setelah mendengar permintaan itu, baginda menyuruh orangnya memberikan setangkai buah mangga kepada Si Miskin itu. Buah mangga itu telah dibawa pulang lalu diberi kepada isterinya. Selang tiga hari, si isteri mengidam lagi hendak makan buah mangga di taman raja. Sekali lagi dia telah berjumpa dengan Maharaja Indera Dewa untuk menyatakan tujuannya tetapi hanya meminta sehelai daun mangga. Namun begitu, baginda telah memberikan sebiji buah mangga kepada si miskin itu. Kehidupan pasangan ini menjadi senang apabila sering diberi barangan keperluan oleh orang ramai.

Pada malam empat belas haribulan, isteri Si Miskin telah melahirkan seorang bayi lelaki lalu dinamakan Marakarma. Pasangan ini akhirnya berpindah ke sebuah pondok. Pada suatu hari, si suami telah menggali tanah untuk mendirikan tiang rumah. Dia telah terjumpa taju yang mengandungi emas. Emas itu dibawa oleh Si Miskin kepada saudagar di negeri Anta Beranta. Si Miskin hanya mahukan saudagar di negeri Anta Beranta itu memberikannya sepasang kasut, tetapi apabila melihat emas yang terlalu banyak saudagar itu meminta tempoh selama tujuh tahun untuk menunaikan permintaan Si Miskin. Kemudian, Si Miskin pergi berjumpa dengan saudagar lain lalu meminta mereka membelikan tongkat, payung, pedang, otar-otar, keris, pelana kuda dan kain.

Si Miskin balik ke rumah lalu mandi. Kemudian dia memangku anaknya itu sambil menyeru jika benar anaknya itu ialah anak dewa, maka dia mahu dibinakan sebuah negeri di dalam hutan itu yang lengkap dengan sebuah kota, istana, menteri, hulubalang dan rakyat. Dengan takdir Allah Taala, jadilah sebuah negeri yang lengkap lalu dia menjadi Maharaja Indera Angkasa di negeri Pura bernama Puspa Sari dan isterinya bernama Tuan Puteri Ratna Dewi. Tidak lama selepas itu, Ratna Dewi telah mengandung lagi lalu melahirkan seorang bayi perempuan yang diberi nama Tuan Puteri Nila Kesuma. Sambutan kelahiran secara besar-besaran telah dilakukan selama empat puluh hari empat puluh malam mengikut adat istiadat istana.

## Tema

Ketabahan hidup sepasang suami isteri yang miskin tinggal di negeri Anta Beranta.

## Persoalan

- Kecekan hati menghadapi cabaran hidup.
- Sikap memandang hina terhadap orang miskin.
- Kasih sayang seorang suami terhadap isteri.
- Kesetiaan isteri terhadap suami.
- Sikap belas kasihan terhadap golongan miskin.

## Watak dan Perwatakan

### Maharaja Indera Angkasa

- Suami Tuan Puteri Ratna Dewi.
- Berasal dari raja keenderaan.
- Disumpah oleh Betara Guru kerana membawa isteri turun ke bumi tanpa memberitahunya.
- Seorang yang miskin sebelum menjadi seorang raja.
- Seorang yang tabah mengharungi cabaran hidup dalam kemiskinan.
- Seorang yang sayang akan isteri.
- Maharaja Indera Angkasa juga merupakan seorang yang bijak.

### Tuan Puteri Ratna Dewi

- Isteri Maharaja Indera Angkasa.
- Berasal dari raja keenderaan.
- Disumpah menjadi miskin oleh Betara Guru kerana mengikut suaminya turun ke bumi.
- Seorang yang tabah mengharungi cabaran hidup dalam kemiskinan.
- Tuan Puteri Ratna Dewi juga seorang yang setia akan suaminya.
- Seorang yang mementingkan diri sendiri.

### Maharaja Indera Dewa

- (a) Raja di negeri Anta Beranta.
- (b) Seorang yang berhati mulia.

### Betara Angkasa Indera Dewa

- (a) Salah seorang raja di negeri Anta Beranta.
- (b) Seorang yang tidak berperikemanusiaan.

### Plot

#### Binaan Plot

- (a) Permulaan – Pasangan suami isteri yang miskin telah mencari rezeki dengan meminta sedekah di negeri Anta Beranta.
- (b) Perkembangan – Pasangan ini pergi ke istana Maharaja Indera Dewa. Namun begitu, mereka telah diusir oleh Betara Angkasa Indera Dewa dan dilempar dengan batu serta kayu oleh orang di istana itu hingga menyebabkan badan pasangan itu bengkak dan berdarah. Mereka melarikan diri ke dalam hutan. Pasangan suami isteri itu akhirnya mengambil keputusan untuk tinggal di kawasan pembuangan sampah. Mereka makan ketupat basi dan buku tebu sahaja.
- (c) Klimaks – Maharaja Indera Dewa telah memberi setangkai buah mangga dan sebiji buah nangka kepada Si Miskin itu. Begitu juga dengan peniaga-peniaga yang lain telah banyak memberi barangan keperluan harian kepada pasangan itu. Semasa membina pondok, Si Miskin telah menjumpai tajau berisi emas. Setelah Marakarma lahir, dia telah menyeru kuasa anaknya itu untuk membina kota yang lengkap. Si Miskin telah menjadi raja dan digelar Maharaja Indera Angkasa manakala isterinya Tuan Puteri Ratna Dewi.
- (d) Peleraian – Kehidupan pasangan ini amat bahagia dan lahir pula seorang puteri, iaitu Tuan Puteri Nila Kesuma. Baginda telah mengadakan acara keramaian selama empat puluh hari empat puluh malam.

#### Teknik Plot

- (a) Dialog.
- (b) Imbas kembali.
- (c) Monolog.
- (d) Pemerian.

### Latar

#### Latar Tempat

- (a) Negeri Anta Beranta.
- (b) Hutan.
- (c) Tempat pembuangan sampah.
- (d) Pasar.
- (e) Kedai menjual buah.
- (f) Taman Maharaja Indera Dewa.
- (g) Puspa Sari.

#### Latar Masa

- (a) Waktu siang.
- (b) Waktu petang.
- (c) Waktu malam.
- (d) Tiga bulan.
- (e) Selang tiga hari.
- (f) Malam empat belas haribulan.

#### Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang memandang hina terhadap orang miskin.
- (b) Masyarakat yang mengamalkan sikap kasih sayang.
- (c) Masyarakat yang setia terhadap pasangan.
- (d) Masyarakat yang memiliki sikap belas kasihan.
- (e) Masyarakat yang percaya akan kuasa sakti.
- (f) Masyarakat yang suka berhibur.

### Gaya Bahasa

- (a) Bahasa Arab. Contohnya, *masyhur; Allah Taala; Wallahualam.*
- (b) Bahasa istana. Contohnya, *baginda; titah; kakanda; patik; berputeralah.*
- (c) Bahasa klasik. Contohnya, *hatta; cetera; adapun.*
- (d) Simile. Contohnya, *...rupa kainnya carik-carik berjurai-jurai seperti ubur-uburlah rupanya.*
- (e) Repetisi. Contohnya, *Maka ada yang memberi buah, ada yang memberi juadah; ada yang memberi nasi, ada yang memberi kain, ada yang memberi buah-buahan.*

### Nilai

- (a) Kasih sayang.
- (b) Kegigihan.
- (c) Baik hati.
- (d) Ketaatan.
- (e) Berdikari.
- (f) Belas kasihan.

### Pengajaran

- (a) Kita perlulah gigih berusaha untuk mencapai sesuatu.
- (b) Kita hendaklah taat akan suami.
- (c) Kita haruslah mengamalkan sikap belas kasihan terhadap orang lain.
- (d) Kita mestilah sayang akan isteri.
- (e) Kita janganlah memandang hina terhadap orang lain.



## UNIT 4: Cerpen

### 1. Legasi Tapai Ubi (Ghazali Lateh)

#### Sinopsis

Sejak kecil lagi Parjo membantu emak dan bapanya menjual tapai ubi. Sebut sahaja 'tapai ubi Wak Salikon' semua orang sudah tahu dan nama Parjo sudah sebatu dengan makanan tersebut sehinggakan rakan-rakan sekolah menggelarnya 'Parjo Tapai'. Proses membuat tapai ubi agak rumit, kerana banyak pantang larang yang perlu dipatuhi, antaranya adalah tidak boleh memberitahu orang semasa membuat tapai, elakkan daripada terkena kotoran atau minyak dan tidak boleh membuat bising kerana dikhuatiri tapai tidak menjadi.

Dengan hasil jualan tapai ubi itulah Parjo dan adik-adiknya berjaya sehingga ke menara gading. Setelah tamat belajar di matrikulasi selama dua tahun, Parjo berjaya melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan. Profesor Haidar telah memberi tugas kepada Parjo untuk membuat kajian bagi membuktikan tapai ubi dapat membantu mengurangkan serangan kanser. Kajian telah dilakukan dengan teliti dan akhirnya dia mendapati tapai ubi dapat menghasilkan bakteria yang sangat bermanfaat kepada manusia, iaitu menghalang pertumbuhan sel-sel kanser. Hasil kajian Parjo telah mendapat pengiktirafan daripada pihak universiti sehinggalah dibawa pada peringkat antarabangsa.

Parjo telah membawa emak dan bapanya pada majlis konvokesyen. Kajian bertajuk "Tapai Ubi Sebagai Agen Penghalang Kanser" telah berjaya mengiktirafnya sebagai Dr. Parjo. Bagi Dr. Parjo, kejayaan itu ialah hasil inspirasi emak dan bapanya membuat tapai ubi. Akhirnya, kilang Perusahaan Tapai Ubi Wak Salikon telah didirikan di kampung Dr. Parjo kerana permintaan yang semakin meningkat. Dr. Parjo menjadi pensyarah perubatan dan meneruskan kajian tentang potensi tapai ubi sebagai pencegah alternatif kepada berbagai-bagai jenis penyakit dengan tumpuan terhadap penyakit kanser.

#### Tema

Kesungguhan seorang anak kepada peniaga tapai ubi yang ingin membuktikan bahawa makanan tradisional tersebut mampu menjadi penawar penyakit berbahaya seperti kanser.

#### Persoalan

- (a) Ketaatan seorang anak kepada ibu bapa.
- (b) Ketelitian semasa melakukan sesuatu.
- (c) Kanser yang boleh mengakibatkan kematian.
- (d) Pengorbanan ibu bapa untuk menyekolahkan anak-anak.
- (e) Menghargai pengorbanan dan membalas jasa ibu bapa.
- (f) Bercita-cita tinggi demi kemajuan pada masa depan.

#### Watak dan Perwatakan

##### Parjo

- (a) Anak sulung Wak Salikon.
- (b) Penerima Ijazah Kedokteran.
- (c) Pensyarah universiti.
- (d) Taat akan emak dan bapanya.
- (e) Seorang yang bersungguh-sungguh melakukan sesuatu.
- (f) Tidak melupakan jasa emak dan bapanya.
- (g) Seorang yang teliti.

### Wak Salikon

- (a) Bapa Parjo.
- (b) Gigih melakukan pekerjaan.
- (c) Mementingkan pendidikan anak-anak.
- (d) Bercita-cita tinggi untuk mengembangkan perniagaannya.
- (e) Teliti ketika melakukan kerja.

### Emak

- (a) Emak Parjo.
- (b) Gigih membantu suami menjalankan perniagaan tapai.
- (c) Teliti ketika melakukan kerja.
- (d) Prihatin terhadap anak.

### Profesor Haidar

- (a) Pensyarah kepada Parjo.
- (b) Berpandangan jauh.

### Plot

#### Binaan Plot

- (a) Permulaan – Sejak kecil lagi, Parjo membantu emak dan bapanya menjual tapai ubi sehingga dipanggil “Parjo Tapai”. Walaupun dia berasa muak dengan panggilan itu, namun lama-kelamaan dia sudah terbiasa dengan gelaran tersebut kerana dia ingin membantu emak dan bapanya mencari rezeki.
- (b) Perkembangan – Proses membuat tapai ubi agak rumit. Bermula dengan proses mencabut ubi, mengopek kulit, memotong pendek, menjerang air, merebus sehinggalah proses memeram sebelum ubi matang untuk dimakan. Banyak pantang larang yang perlu dipatuhi semasa membuat tapai ubi. Melalui hasil jualan tapai ubi itulah Parjo dan adik-adiknya berjaya menjejakkan kaki ke manara gading.
- (c) Klimaks – Parjo berjaya membuktikan bahawa tapai ubi dapat mengurangkan risiko penyakit kanser. Kajian Parjo telah diiktiraf oleh pihak universiti dan dibawa pada peringkat antarabangsa. Parjo berjaya memperoleh ijazah kedoktoran sekali gus mendapat gelaran Dr. Parjo.
- (d) Peleraian – Dr. Parjo bertugas sebagai pensyarah. Dia masih meneruskan kajian tentang potensi tapai ubi sebagai pencegah alternatif kepada pelbagai jenis penyakit yang lain, terutamanya penyakit kanser. Perniagaan tapai ubi bapanya di kampung semakin berkembang sehinggalah terbinanya kilang Perusahaan Tapai Ubi Wak Salikon.

#### Teknik Plot

- (a) Dialog.
- (b) Imbas kembali.
- (c) Saspens.
- (d) Kejutan.
- (e) Pemerian.

#### Gaya Bahasa

- (a) Laras bahasa Sains. Contohnya, *bakteriosin; manihot esculanta; metastasis*.
- (b) Peribahasa. Contohnya, *alah bisa tegal biasa*.
- (c) Repetisi. Contohnya, *Tapai! Tapai! Tapai!*
- (d) Sinkope. Contohnya, *“Buat tapai ubi tak boleh bagitahu orang tahu!”*

#### Latar

##### Latar Masa

- (a) Waktu pagi.
- (b) Selepas sembahyang isyak.
- (c) Permulaan semester.
- (d) Enam puluh hari.

##### Latar Tempat

- (a) Kantin sekolah.
- (b) Rumah Wak Salikon.
- (c) Fakulti perubatan di universiti.
- (d) Kilang Perusahaan Tapai Ubi Wak Salikon.

##### Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang bersungguh-sungguh melakukan kerja.
- (b) Masyarakat yang gigih berusaha untuk mencari rezeki.
- (c) Masyarakat yang teliti semasa melakukan sesuatu kerja.
- (d) Masyarakat yang berpandangan jauh.
- (e) Masyarakat yang mengenang jasa ibu bapa.
- (f) Masyarakat peniaga yang bijak mengembangkan perniagaan.

### Nilai

- (a) Kegigihan.
- (b) Kerajinan.
- (c) Kesyukuran.
- (d) Kasih sayang.
- (e) Kerjasama.

### Pengajaran

- (a) Kita hendaklah tabah mengharungi susah payah dalam kehidupan.
- (b) Kita haruslah rajin untuk mencari rezeki.
- (c) Kita perlulah bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu perkara.
- (d) Kita patutlah menghargai jasa ibu bapa.
- (e) Kita mestilah bijak merebut peluang demi kemajuan.
- (f) Kita janganlah memandang hina terhadap orang lain.

## 2. Sekeping Tanah (A. Rahman C.M.)

### Sinopsis

Cerpen ini dimulakan dengan tindakan Hisyam yang pergi menemui abangnya, Harun untuk berbincang mengenai sebidang tanah pusaka peninggalan arwah ayah mereka di bandar. Menurut Hisyam, dia bercadang untuk membangunkan tanah pusaka peninggalan arwah ayahnya di bandar itu kerana kakaknya, Halimah juga bersetuju dengan cadangannya. Hal ini demikian kerana Halimah sudah berasa tidak selesa menetap di rumah pusaka itu dengan keluarganya kerana bimbang akan menimbulkan masalah apabila dia meninggal dunia.

Hisyam menyatakan cadangan kepada abangnya tentang hasratnya untuk menubuhkan sebuah syarikat keluarga yang boleh membangunkan tanah pusaka itu dengan membina kondo. Harun mempersoalkan cadangan adiknya itu atas faktor kewangan dan faktor tahap pendidikan yang dicapai oleh adiknya itu. Hisyam menegaskan bahawa mereka boleh membuat pinjaman bank dan urusan pinjaman wang tersebut boleh diuruskan oleh kakaknya, Halimah yang merupakan seorang pengurus bank.

Selepas Hisyam gagal memujuk abangnya untuk mengekalkan tanah pusaka itu, pada malamnya, dia telah ke rumah pusaka untuk menemui kakaknya, Halimah. Hisyam memberitahu tentang kedegilan abangnya yang mendesaknya supaya menjual tanah pusaka peninggalan arwah ayah mereka itu. Selepas perbincangan diadakan, Hisyam dan Halimah bersepakat untuk membangunkan tanah yang terletak di bandar itu tetapi mereka merahsiakan hal itu daripada pengetahuan abangnya, Harun. Bagi melicinkan proses untuk membangunkan tanah pusaka itu, mereka telah menubuhkan sebuah syarikat atas nama Binajaya Sdn. Bhd. dan melantik seorang peguam untuk membeli tanah pusaka mereka yang telah dijual itu sebelum dibangunkan semula.

Sebulan kemudian, Harun, Hisyam dan Halimah menurunkan tandatangan menjual tanah pusaka dengan harga RM6 625 000.00 kepada Binajaya Sdn. Bhd. di hadapan pegawai pentadbiran tanah dan seorang peguam. Harun gembira menerima cek bernilai RM 2 650 000.00. Begitu juga dengan Hisyam yang menerima jumlah yang sama dan Halimah pula menerima RM 1 325 000.00. Rumah pusaka bapa mereka telah didermakan kepada sebuah keluarga di Sungai Pencala.

Pada minggu itu juga tertegak papan tanda bahawa di atas tapak tanah itu akan dibina sebuah kondo mewah setinggi 25 tingkat. Hati Harun terdetik apabila melihat nama adiknya, Hisyam bin Sulaiman tertera pada papan kenyataan tapak kondo itu sebagai pengurus Binajaya Sdn. Bhd. Namun begitu, dia tidak membuat apa-apa tindakan kerana ingin melihat dahulu perkembangannya dan berfikir mungkin nama itu bukan adiknya.

Setelah tiga tahun setengah projek kondo mewah itu dibina, sebahagian besar pembeli kondo mewah itu mengambil kunci rumah masing-masing. Harun tergamam apabila melihat adiknya, Hisyam dan Halimah yang sebenarnya menguruskan projek pembinaan Kondo Jaya itu. Mereka menyerahkan kunci rumah kediaman mewah itu kepada para pembeli. Harun berasa dirinya ditipu dan dipermainkan oleh adik-adiknya.



Pada malamnya, Harun telah menelefon Hisyam untuk meluahkan rasa kecewanya kerana ditipu dan dipermainkan oleh adik-adiknya. Hisyam menjelaskan perkara yang sebenar kepada abangnya, berhubung pembinaan Kondo Jaya di atas tapak tanah pusaka peninggalan arwah ayah mereka itu. Harun berasa terpuak dengan tindakannya tiga tahun setengah yang lalu.

Hisyam menyerahkan jawatan Pengurus Syarikat Binajaya Sdn. Bhd. kepada Halimah memandangkan kakaknya berpendidikan tinggi dan telah meletakkan jawatannya di bank. Hisyam pula bercadang untuk memandu teksi kerana kerjaya itu sudah sebatian dengan kehidupannya.

### Tema

Konflik adik-beradik dalam mempertahankan harta pusaka warisan keluarga.

### Persoalan

- Keberanian mengambil risiko untuk kesejahteraan masa depan.
- Kerjasama dan kolaboratif dalam menjayakan projek usahasama.
- Kebijaksanaan merancang masa depan.
- Keutuhan integriti dalam memikul tanggungjawab.
- Kepentingan pendidikan untuk mengubah kehidupan seseorang.

### Watak dan Perwatakan

#### Hisyam/Hisyam bin Sulaiman

- Anak bongsu daripada tiga beradik.
- Bekerja sebagai pemandu teksi di sebuah bandar raya.
- Mempunyai tiga orang anak, iaitu Zaki, Linda dan Nora.
- Patuh akan arahan dan pesanan abang sulungnya.
- Bersikap rasional dan berpandangan jauh dalam membuat keputusan.
- Berhemah tinggi.
- Penyayang terhadap ahli keluarganya.
- Bersikap amanah dan jujur ketika dia menguruskan Syarikat Binajaya Sdn. Bhd.
- Merendah diri.
- Berani dalam membuat keputusan.

#### Harun

- Anak sulung daripada tiga beradik.
- Bapa kepada dua orang anak lelaki, Saleh dan Musa.
- Penyayang dan bertanggungjawab terhadap anak-anaknya.
- Bijak berhujah.
- Berpendirian tegas.
- Bersifat sensitif.

#### Halimah

- Anak kedua daripada tiga beradik.
- Dia bertugas sebagai pengurus sebuah bank. Selepas meletakkan jawatannya di bank, dia menjadi pengurus baharu Syarikat Binajaya Sdn. Bhd.
- Berpengalaman luas dalam bidang pengurusan kewangan.
- Patuh akan arahan abangnya.
- Berhemah tinggi apabila berbicara dengan abangnya.
- Bijak dan teliti dalam melakukan kerja.
- Berpandangan jauh.
- Prihatin dan bersimpati terhadap kesusahan abangnya.
- Amanah dalam memikul tanggungjawab untuk mengambil alih pengurusan Syarikat Binajaya Sdn. Bhd. daripada adiknya, Hisyam.

### Plot

#### Binaan Plot

- Permulaan – Cerpen ini dimulakan dengan hasrat Hisyam yang ingin membangunkan sebidang tanah pusaka peninggalan arwah ayahnya di bandar kerana memikirkan potensi tanah pusaka itu.
- Perkembangan – Hisyam berbincang dengan abangnya, Harun dan kakaknya, Halimah berhubung cadangannya untuk membangunkan tanah pusaka peninggalan arwah ayah mereka di bandar. Namun begitu, Harun tidak bersetuju dengan cadangan Hisyam yang dianggap menyusahkan dan rumit. Harun bertegas meminta Hisyam menjual tanah pusaka itu. Sementara itu, Hisyam dan Halimah bersetuju

menjual tanah pusaka itu tetapi kemudiannya membeli tanah itu semula untuk dibangunkan.

- Klimaks – Harun tergamam melihat adiknya, Hisyam dan Halimah yang sebenarnya menguruskan projek pembinaan Kondo Jaya itu. Mereka menyerahkan kunci rumah kediaman kepada para pembeli. Harun berasa dirinya ditipu dan dipermainkan oleh adik-adiknya.
- Peleraian – Hisyam menjelaskan perkara yang sebenar kepada abangnya, Harun berhubung pembinaan Kondo Jaya di atas tapak tanah pusaka peninggalan arwah ayah mereka itu. Hisyam menyerahkan jawatan pengurus Syarikat Binajaya Sdn. Bhd. kepada Halimah. Halimah bersetuju untuk menerima jawatan tersebut. Hisyam pula bercadang untuk memandu teksi kerana kerjaya itu sudah sebatian dengan kehidupannya.

### Teknik Plot

- Pemerian.
- Dialog.
- Imbas kembali.
- Monolog.
- Kejutan.
- Suspens.

### Gaya Bahasa

- Bahasa Arab. Contohnya, *Astaghfirullah*.
- Kata ganda. Contohnya, *dalam-dalam; mati-mati; bulat-bulat; dan angan-angan*.
- Metafora. Contohnya, *mata batinnya*.
- Sinkope. Contohnya, *Tak boleh. Kamu saja, Syam*.
- Repetisi. Contohnya, *Dia cabar saya. Dia hina saya*.
- Peribahasa. Contohnya, *tukar tangan; perah otak*.
- Perlambangan. Contohnya, *Pisau di tangan abang*.
- Personifikasi. Contohnya, *Hatinya teringin sangat untuk membuat panggilan telefon kepada adiknya itu tetapi otaknya melarang*.

### Latar

#### Latar Tempat

- Rumah Harun.
- Rumah Halimah.
- Rumah Hisyam.
- Pejabat Tanah.
- Sebidang tanah pusaka di bandar.
- Kondo Jaya.

#### Latar Masa

- Waktu petang.
- Waktu tengah hari.
- Waktu malam.
- Sebulan selepas urusan pinjaman bank diluluskan.
- Setelah tiga tahun setengah.

#### Latar Masyarakat

- Masyarakat yang bijak merancang masa depan.
- Masyarakat penyayang terhadap ahli keluarganya.
- Masyarakat yang berani mengambil risiko untuk kesejahteraan masa depan.
- Masyarakat yang bersatu hati dalam menjayakan projek usahasama.
- Masyarakat yang berpendidikan tinggi.
- Masyarakat kota yang gigih mencari rezeki.
- Masyarakat yang menghormati orang yang lebih tua.
- Masyarakat yang terlibat dalam gejala negatif.

### Nilai

- Amanah.
- Baik hati.
- Hormat-menghormati.
- Kebijaksanaan.
- Kasih sayang.
- Keberanian.
- Kegigihan.
- Hemah tinggi.

### Pengajaran

- Kita hendaklah bijak merancang masa depan demi kesenangan hidup dan keluarga.

- (b) Kita mestilah mengamalkan sikap amanah dan jujur dalam menjalankan tugas.
- (c) Kita perlulah menjaga hak keluarga dengan sebaik-baiknya.
- (d) Kita janganlah mudah terpengaruh dengan gejala negatif yang boleh merosakkan maruah dan diri.
- (e) Kita perlulah menghormati orang yang lebih tua daripada kita.
- (f) Kita hendaklah menyayangi ahli keluarga dengan sepenuh hati.
- (g) Kita hendaklah berani mengambil risiko demi kesejahteraan kehidupan masa depan.
- (h) Kita mestilah bersatu hati dalam menjayakan satu-satu projek usahasama.
- (i) Kita hendaklah rajin menuntut ilmu supaya menjadi masyarakat yang berpendidikan tinggi.
- (j) Kita hendaklah gigih mencari rezeki untuk menyara keluarga.

### 3. Bawod (*Janathan Kandok*)

#### Sinopsis

Cerpen Bawod mengisahkan hubungan yang akrab antara Beluntung dengan dua ekor haiwan peliharaannya, Tuyog yang merupakan seekor kerbau dan Bawod yang merupakan seekor kambing. Cerita bermula apabila pada suatu petang hujan lebat telah turun di kampung Beluntung menyebabkan air Sungai Layong telah melepasi paras tebing dan menenggelamkan rumput-rumput di halaman rumah Beluntung yang terletak berhampiran sungai itu. Keadaan ini mengundang keresahan di jiwa Beluntung kerana memikirkan keselamatan nyawa dua ekor haiwan peliharaannya, Tuyog dan Bawod. Dalam keadaan hujan yang lebat dan angin yang kencang, Beluntung turun dari rumah untuk mencari dan menyelamatkan haiwan-haiwan peliharaannya itu daripada mati lemas walaupun tindakannya itu dilarang oleh ibunya. Namun, dia berasa kecewa apabila pencariannya itu tidak berhasil.

Keesokan harinya, pada awal-awal pagi, Beluntung telah turun ke tanah mencari haiwan-haiwan peliharaannya berbekalkan lampu suluh. Namun, Beluntung berasa sedih kerana dia masih gagal menemukan haiwannya itu dan menyangkakan haiwannya itu telah mati lemas. Setelah dia selesai membasuh kakinya di sungai, dia akhirnya menemukan haiwan-haiwan peliharaannya itu berdekatan dengan pokok nangka yang rimbun. Beluntung berusaha memanaskan badan kambingnya, Bawod yang kesejukan dengan menyalakan unggun api dan memberikan kambingnya itu makan pucuk ubi kayu. Akhirnya, kambingnya dapat diselamatkan daripada mati kesejukan.

Beluntung menggunakan khidmat kerbaunya, Tuyog yang ditunggangnya setiap hari untuk ke sekolah. Dia terpaksa menggunakan khidmat kerbaunya untuk meredah air sungai yang agak dalam. Sesampainya di sekolah, Beluntung akan menambat kerbaunya, Tuyog pada pohon kelapa di halaman sekolahnya. Beluntung gigih ke sekolah memandangkan dia akan menghadapi peperiksaan darjah enam yang tinggal dua bulan sahaja lagi. Beluntung tekun belajar tatkala Cikgu Rambayut mengajarkan mata pelajaran Ilmu Alam di kelasnya. Sewaktu rehat, Beluntung akan pergi mendapatkan kerbaunya, Tuyog yang tertambat pada pohon kelapa.

Beluntung sering menjadi bahan ejekan kawan-kawannya seperti Basil kerana tindakannya membawa kerbau yang ditunggangnya, Tuyog ke sekolah. Beluntung tidak mengendahkan usikan dan ejekan kawan-kawannya kerana sememangnya dia amat memerlukan khidmat kerbaunya untuk membawanya ke sekolah disebabkan jalan berlumpur dan beberapa batang sungai perlu diharungi.

Seperti biasa, suatu pagi dalam keadaan masih hujan renyai-renyai, Beluntung tekad ke sekolah dengan menunggang kerbaunya, Tuyog dengan memakai baju hujan. Tetapi, pada kali ini, kambingnya, Bawod turut mengekorinya hingga ke sekolah walaupun terpaksa meredah hujan yang lebat dan mengharungi air sungai. Kegigihan Bawod menyuntik suatu semangat kepada Beluntung untuk belajar bersungguh-sungguh demi peperiksaan darjah enam yang kian hampir. Pada waktu rehat, Beluntung menuju ke tempat Bawod dan Tuyog ditambat namun dia melihat kambingnya telah tiada. Rupa-rupanya, kambingnya telah masuk ke dalam

bilik darjahnya sehingga menyebabkan dia diusik lagi oleh kawan-kawan sekelasnya. Beluntung menambat kambingnya, Bawod pada sebatang pohon.

Ketika di dalam kelas, Beluntung mendengar suara kerbaunya menguak dan disusuli dengan suara kambingnya. Dia menyangkakan kerbaunya diganggu oleh anjing, tetapi sangkaannya meleset apabila dia mendapati leher kerbaunya telah terjerut tali. Setelah membuka ikatan tali yang melilit leher Tuyog, Beluntung kembali ke kelasnya. Beluntung berasa kesabarannya tercabar apabila Basil telah membuang buku-bukunya ke lantai. Berlaku pertengkaran kecil antara mereka. Cikgu Rambayat meminta Basil memungut buku Beluntung semula dan memohon maaf. Beluntung tidak mahu berkelahi dengan Basil kerana dia bertekad untuk fokus dalam pelajarannya dan menjadi salah seorang pelajar terbaik di SRK Timbang Pasir.

Pada suatu pagi, Beluntung telah menyertai Pesta Lumba Kerbau peringkat Kampung Layong. Dia menunggangi Tuyog ketika menyertai perlumbaan itu. Dia berjaya memenangi perlumbaan itu dengan memperoleh hadiah sebanyak RM10.00. Dia memutuskan untuk membeli seekor kambing lain dengan menggunakan wang kemenangannya itu supaya kambingnya, Bawod mempunyai kawan. Sebelum dia pergi ke Pesta Lumba Kerbau, bapanya berpesan kepadanya agar menambat Bawod pada pohon nangka. Pagi itu, bapa dan ibunya tidak turut pergi ke pesta itu hingga mengundang pertanyaan di hati Beluntung.

Beluntung mengenang kembali peristiwa yang berlaku pada seminggu yang lalu. Bapanya berasa amat girang apabila Beluntung berjaya lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan darjah enam. Lebih membanggakan bapanya, hanya dua orang anak Kampung Layong yang mempunyai sijil darjah enam tetapi mereka sekadar lulus sahaja berbanding dengan Beluntung yang lulus dengan cemerlang. Beluntung turut teringat akan kata-kata bapanya perihal dirinya boleh menjadi seorang guru apabila besar kelak.

Beluntung berasa hairan apabila melihat banyak orang kampung berada di rumahnya dan di sungai berhampiran dengan rumahnya selepas dia pulang dari Pesta Lumba Kerbau. Beluntung mencari ibunya di dapur dan mendapati ibunya sedang memasak sambil tertawa riang bersama jiran. Selepas memeluk ibunya, dia mencari bapanya dan mendapati bapanya duduk tenang sahaja sambil sesekali tergelak mendengar perbualan rakan-rakannya di halaman rumah. Beluntung tersenyum apabila bapanya memaklumkan kehadiran ramai orang kampung ke rumah mereka kerana bapanya akan mengadakan kenduri kesyukuran. Namun begitu, Beluntung terkejut hingga menyebabkan dia tersungkur dan pengsan buat seketika akibat tersadung tunggul kayu sewaktu berlari mendapatkan kambingnya. Bawod sudah disembelih untuk dijadikan lauk kenduri bagi meraikan kejayaan cemerlangnya dalam peperiksaan darjah enam. Beluntung menangis apabila kambing peliharaan yang dianggap sebagai sahabat baiknya itu telah mati disembelih. Orang kampung memujuk Beluntung. Begitu juga dengan bapanya yang memeluk Beluntung dan berasa kesal atas tindakannya yang tidak berbincang lebih dahulu dengan anaknya itu.

#### Tema

Persahabatan yang utuh antara manusia dengan haiwan peliharaannya.

#### Persoalan

- (a) Kegigihan seorang murid dalam mengejar impian.
- (b) Kedaifan hidup di luar bandar bukan suatu penghalang untuk bersaing dalam dunia pendidikan.
- (c) Pengorbanan dan kesetiaan antara dua ekor haiwan.
- (d) Kekuatan kasih sayang pengikat kebahagiaan sesebuah keluarga.
- (e) Kesetiaan haiwan peliharaan terhadap tuan.

#### Watak dan Perwatakan

##### Beluntung

- (a) Anak tunggal dalam keluarganya.
- (b) Berumur dua belas tahun dan bersekolah dalam darjah enam di Sekolah Rendah Kerajaan Timbang Pasir.
- (c) Dia mempunyai dua ekor haiwan peliharaan, iaitu Tuyog dan Bawod.



- (d) Penyayang dan prihatin terhadap haiwan peliharaannya.
- (e) Bersikap rasional dalam membuat keputusan.
- (f) Gigih dalam menuntut ilmu.
- (g) Penyabar apabila diejek oleh kawan-kawan sekelasnya.
- (h) Bijak dalam pelajaran.
- (i) Seorang yang patuh akan arahan bapanya.

#### Bawod

- (a) Seekor kambing peliharaan Beluntung.
- (b) Bersifat seperti manusia apabila bersahabat baik dengan Tuyog, seekor kerbau.
- (c) Sangat setia kepada tuannya, Beluntung dan kepada Tuyog, seekor kerbau.
- (d) Seekor kambing yang penakut akan air hujan dan air sungai.
- (e) Bersifat gigih apabila sanggup meredah air sungai.
- (f) Bawod menjadi haiwan sembelihan untuk kenduri kesyukuran.

#### Tuyog

- (a) Seekor kerbau peliharaan Beluntung.
- (b) Tuyog dijadikan haiwan tunggangan Beluntung ke sekolah pada setiap hari.
- (c) Bersifat seperti manusia apabila bersahabat baik dengan Bawod, seekor kambing.
- (d) Sangat setia kepada tuannya, Beluntung.
- (e) Kerbau yang suka berendam dalam air sungai.
- (f) Kerbau yang gagah dan pantas berlari.

#### Plot

##### Binaan Plot

- (a) Pengenalan – Cerpen ini dimulakan dengan kisah Beluntung yang berasa cemas dan resah apabila haiwan-haiwan peliharaannya, seekor kambing dan seekor kerbau disangkakan mati lemas akibat limpahan air sungai di halaman rumahnya yang terletak berhampiran Sungai Layong.
- (b) Perkembangan – Penulis memerihalkan kisah Beluntung yang gigih ke sekolah dengan menunggang kerbau peliharaannya, Tuyog walaupun terpaksa meredah hujan lebat dan jalan berlumpur kerana peperiksaan darjah enam kian hampir.
- (c) Perumitan – Beluntung dicemuh dan dipermainkan oleh kawan-kawannya kerana dia telah membawa kerbau peliharaannya ke sekolah. Dia dicemuh dan dikatakan berbau kerbau. Keadaan menjadi lebih tegang apabila pada suatu hari, kawan sekelasnya, iaitu Basil telah mencampakkan buku-bukunya ke lantai hingga menyebabkan tercetis pertenggaran kecil.
- (d) Klimaks – Beluntung berjaya memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan darjah enam. Selain itu, Beluntung juga berjaya menjuarai perlumbaan kerbau dalam Pesta Lumba Kerbau peringkat kampungnya. Ketika pulang dari Pesta Lumba Kerbau, Beluntung kehairanan apabila mendapati banyak orang kampung berada di rumahnya. Beluntung gembira apabila mengetahui bapanya akan mengadakan kenduri kesyukuran sebagai meraikan kejayaannya dalam peperiksaan darjah enam.
- (e) Peleraian – Beluntung terkejut apabila mendengar Bawod menjerit-jerit. Ketika dia menuju ke arah Bawod itu, kakinya telah tersepak tunggul kayu lalu menyebabkan dia pengsan seketika. Setelah sedar dari pengsan, Beluntung menangis semahu-mahunya apabila mendapati Bawod, kambing peliharaan yang dianggap sebagai sahabatnya itu telah disembelih untuk dijadikan lauk kenduri kesyukuran itu.

##### Teknik Plot

- (a) Pemerian.
- (b) Dialog.
- (c) Imbas kembali.
- (d) Imbas muka.
- (e) Kejutan.
- (f) Saspens.

##### Gaya Bahasa

- (a) Personifikasi. Contohnya, *Cahaya itu merayapi kawasan sekitar.*
- (b) Simile. Contohnya, *Dia memandang kecewa ke halaman rumah yang sudah kelihatan seperti tasik kecil.*
- (c) Sinkope. Contohnya, *Hisyy ..., asyik tanya saja.*

- (d) Inversi. Contohnya, *Di hadapannya, Tuyog tertambat pada pohon nangka.*
- (e) Repetisi. Contohnya, *Bawod takut akan air, takut akan hujan.*
- (f) Peribahasa. Contohnya, *Bapa tentu senang hati.*

#### Latar

##### Latar Tempat

- (a) Rumah Beluntung.
- (b) Kelas darjah enam.
- (c) Sekolah Rendah Kerajaan Timbang Pasir.
- (d) Bawah pohon kelapa, halaman sekolah.
- (e) Padang Kampung Layong.
- (f) Tebing sungai.

##### Latar Masa

- (a) Waktu awal pagi.
- (b) Waktu pagi.
- (c) Waktu rehat.
- (d) Waktu siang.
- (e) Seminggu yang lalu.
- (f) Dalam tempoh dua bulan.

##### Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang patuh dan taat akan suruhan kedua-dua ibu bapa.
- (b) Masyarakat penyayang terhadap ahli keluarganya.
- (c) Masyarakat yang berani menyertai pertandingan walaupun berdepan dengan saingan yang lebih hebat.
- (d) Masyarakat pendidik yang amanah dan bertanggungjawab dalam memikul tugas.
- (e) Masyarakat kampung yang bermuafakat dan bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan.
- (f) Masyarakat kampung yang berpendidikan rendah.
- (g) Masyarakat murid yang gigih dan tekun menuntut ilmu.

#### Nilai

- (a) Berdikari.
- (b) Baik hati.
- (c) Tanggungjawab.
- (d) Kerjasama.
- (e) Kebijaksanaan.
- (f) Kasih sayang.
- (g) Kegigihan.
- (h) Keberanian.

#### Pengajaran

- (a) Kita mestilah bersifat penyayang terhadap sesama insan.
- (b) Kita hendaklah sentiasa bersyukur atas kejayaan yang diperolehi.
- (c) Kita hendaklah amanah dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang diberikan.
- (d) Kita perlulah rajin dan gigih dalam menuntut ilmu demi kejayaan masa depan.
- (e) Kita mestilah berani menyertai sebarang aktiviti yang boleh memberikan manfaat kepada diri.
- (f) Kita hendaklah gigih dalam menempuh sebarang cabaran dan rintangan demi kejayaan masa depan.
- (g) Sebagai seorang anak, kita mestilah patuh dan taat akan suruhan kedua-dua ibu bapa.
- (h) Kita mestilah berhemah tinggi dan berbuat baik terhadap jiran sekampung.
- (i) Kita mestilah mempunyai perasaan simpati dan belas kasihan.



## UNIT 5: Drama

### Tenang-tenang Air di Tasik (Norhashimah Hashim)

#### Sinopsis

Drama ini dimulakan dengan tindakan Muzafar yang memberitahu ibunya tentang kerelaannya untuk melatih sekumpulan peserta cacat penglihatan mengendalikan kayak dengan betul sebelum mereka menyertai ekspedisi berkayak merentasi Tasik Permai. Ibu Muzafar tidak bersetuju dengan tindakannya kerana dia bimbang akan keselamatan anak tunggalnya itu. Menurut ibunya lagi, tindakannya itu akan menambahkan beban dan menyusahkannya kelak.

Walau bagaimanapun, Muzafar bertegas untuk melatih kumpulan peserta itu memandangkan ramai pekerja di tempat peranginannya yang bercuti. Muzafar juga berjanji untuk menjaga keselamatannya sepanjang empat hari tiga malam dia berada di tempat peranginan tersebut. Azizi berasa hairan apabila Muzafar menceritakan kisah ibunya yang melarangnya melatih kumpulan orang cacat penglihatan sedangkan ibu Muzafar merupakan seorang wanita yang disegani sebagai seorang pemimpin wanita yang unggul, berfikiran terbuka, dan berpandangan jauh. Namun, Azizi memujuk Muzafar dengan alasan ibunya terlalu menyayanginya sehingga menyebabkan dia berasa bimbang dan bertindak sedemikian.

Para pekerja di Permai Resort menyambut kedatangan kumpulan peserta yang cacat penglihatan itu dengan baik dan mesra. Kumpulan itu terdiri daripada 36 orang tetapi enam orang daripadanya berpenglihatan normal. Selepas para peserta berehat, Azizi dan Muzafar mula menerangkan, memberi tunjuk ajar dan melatih para peserta tersebut tentang cara-cara berkhayak dengan betul dan cara-cara memberi serta mendapatkan pertolongan seandainya kayak terbalik. Mereka dibantu oleh beberapa orang sukarelawan seperti Nurul, Haris, dan Chee Keong.

Pada malamnya, Azizi bersembang dengan Muzamir di beranda chalet. Dalam perbualan mereka, Muzamir melahirkan rasa gembiranya dan berterima kasih kepada Azizi dan Muzafar kerana dia akhirnya berpeluang merasai pengalaman berkhayak. Hal ini demikian kerana Muzamir berasa kecewa terhadap rakan-rakan sepejabatnya yang memandangkan rendah dan memperkecilkan keupayaannya sebagai orang kelainan upaya. Lantaran itulah, dia berusaha untuk mengatur ekspedisi berkhayak tersebut untuk membuktikan keupayaannya berkhayak seperti orang yang normal. Dia berasa bersyukur dan gembira apabila pihak pengurusan tempat peranginan itu bersedia menerima kehadiran mereka.

Seterusnya, Nurul dan Azizi bercerita tentang peristiwa ekspedisi berkhayak merentasi Tasik Permai yang telah ditempuhi oleh mereka. Nurul mengucapkan terima kasih kepada Azizi dan Muzafar yang banyak memberikan tunjuk ajar dan membantu pasukannya sepanjang ekspedisi tersebut. Azizi juga berterima kasih kepada Nurul, Haris dan Chee Keong yang turut membantu untuk memudahkan ekspedisi berkhayak merentasi Tasik Permai pada siang itu. Azizi juga memperoleh pengajaran dan menyatakan kekagumannya terhadap Nurul, Haris dan Chee Keong yang mempunyai darjah kesabaran yang tinggi dalam mengajar dan membimbing rakan-rakannya yang cacat penglihatan sehingga mereka mampu berkhayak dengan begitu baik.

Dalam perbualan antara Muzafar, Haris, dan Nurul, Muzafar dapat mengetahui kisah sedih Muzamir yang berasal dari sebuah keluarga yang ternama dan kaya di Kelantan tetapi diserahkan kepada keluarga angkat di Johor ketika dia berusia tiga bulan disebabkan dia dilahirkan cacat penglihatan. Muzafar membelek mukanya di hadapan cermin untuk melihat persamaannya dengan Muzamir. Azizi menegaskan bahawa Muzafar dan Muzamir banyak mempunyai persamaan dari segi wajah dan perawakan.

Muzafar pulang ke rumah setelah aktiviti ekspedisi berkhayak di Tasik Permai selama empat hari tiga malam bersama Muzamir dan rakan-rakannya tamat. Ibu Muzafar bersyukur apabila anaknya, Muzafar pulang ke rumah dengan selamat. Muzafar memujuk ibunya ke studio untuk menonton rakaman ekspedisi berkhayak merentasi Tasik Permai bersama-sama para peserta yang cacat penglihatan tersebut. Ibu Muzafar tergamam apabila melihat persamaan yang ada pada Muzafar dan Muzamir melalui tayangan video yang ditayangkan oleh anaknya, Muzafar.

Muzafar berasa hairan apabila ibunya tidak mahu meneruskan tontonan video peserta-peserta ekspedisi berkhayak di Tasik Permai. Muzafar juga mula sangsi akan status dirinya sebagai anak tunggal apabila melihat reaksi ibunya yang seolah-olah menyimpan suatu rahsia dan selepas dia mengetahui latar belakang Muzamir. Muzafar menceritakan kepada Azizi tentang perasaannya sewaktu dia membantu Muzamir akibat kayaknya terbalik. Muzafar juga menitiskan air mata sewaktu mereka bersalaman dan berpelukan sebelum Muzamir berangkat pulang.

## Tema

Sikap prejudis segelintir masyarakat terhadap golongan kelainan upaya.

## Persoalan

- Keberanian melakukan aktiviti yang mencabar keupayaan sebenar seseorang.
- Kerjasama yang utuh dalam melakukan sesuatu aktiviti.
- Kasih sayang pengikat hubungan kekeluargaan.
- Kepentingan sikap bertoleransi dalam melaksanakan tugas.
- Kegigihan dalam mempelajari ilmu baharu.

## Watak dan Perwatakan

### Muzafar

- Anak tunggal dalam keluarga.
- Dia mempunyai wajah dan perawakan yang seiras dengan Muzamir.
- Bapanya sudah meninggal dunia manakala ibunya bekas seorang pegawai.
- Bekerja di sebuah tempat peranginan yang bernama Permai Resort.
- Amanah dan bertanggungjawab.
- Rasional dan berpendirian tegas dalam membuat keputusan.
- Penyayang.
- Gigih dalam melakukan sesuatu perkara.

### Muzamir

- Sebaya dan seiras dengan Muzafar dari segi wajah dan perawakan.
- Berasal daripada sebuah keluarga yang kaya dan ternama di Kelantan tetapi ketika berusia tiga bulan, dia telah diserahkan kepada keluarga angkat di Johor disebabkan dia dilahirkan buta.
- Gigih menjalani latihan berkhayak.
- Mengenal budi.
- Tabah dengan kecacatan matanya yang buta itu.

### Ibu Muzafar

- Balu yang kematian suami.
- Seorang yang pandai bergaya moden.
- Mantan pegawai dan kini bergiat aktif dalam pertubuhan sukarela Jawatankuasa Kaum Ibu.
- Seorang wanita yang disegani sebagai seorang pemimpin wanita yang unggul, berfikiran terbuka, dan berpandangan jauh.
- Penyayang.
- Pandai menyimpan rahsia.
- Bersifat pilih kasih dalam membesarkan anak-anak.
- Mementingkan status dan maruah keluarga.

## Plot

### Binaan Plot

- Pengenalan – Muzafar memberitahu ibunya berkaitan dengan tugasnya yang akan melatih sekumpulan peserta cacat penglihatan untuk berkhayak dengan betul sebelum mereka menyertai ekspedisi berkhayak merentasi Tasik Permai. Ibu Muzafar tidak bersetuju dengan tindakannya kerana tindakannya itu akan menambahkan beban dan menyusahkannya kelak.
- Perkembangan – Para pekerja di Permai Resort menyambut kedatangan kumpulan peserta yang cacat penglihatan dengan baik dan mesra. Mereka terdiri daripada 36 orang tetapi enam orang daripadanya berpenglihatan normal. Keesokannya, Azizi dan Muzafar mula memberi tunjuk ajar dan melatih peserta tersebut tentang cara-cara berkhayak dengan betul. Azizi dan Muzafar dibantu oleh beberapa orang sukarelawan seperti Nurul dan Haris.
- Perumitan – Muzamir meluahkan rasa kecewanya terhadap rakan-rakan sepejabatnya yang memandangkan rendah dan memperkecilkan keupayaannya disebabkan dia merupakan orang kelainan upaya. Lantaran itulah, dia berusaha untuk mengatur ekspedisi berkhayak tersebut untuk membuktikan keupayaannya berkhayak seperti orang yang normal. Dia berasa bersyukur dan sangat gembira apabila pihak pengurusan tempat peranginan itu bersedia menerima kehadiran mereka. Muzafar mengetahui kisah sedih Muzamir yang berasal dari sebuah keluarga yang ternama dan kaya di Kelantan tetapi diserahkan kepada keluarga angkat di Johor ketika dia berusia tiga bulan disebabkan dia dilahirkan cacat

penglihatan. Muzafar pulang ke rumah setelah program selama empat hari tiga malam bersama-sama dengan Muzamir dan rakan-rakannya tamat.

- (d) Klimaks – Muzafar memujuk ibunya ke studio untuk menonton rakaman ekspedisi berkanu merentasi Tasik Permai oleh para peserta yang cacat penglihatan tersebut. Ibu Muzafar tergamam apabila melihat persamaan yang ada pada Muzafar dan Muzamir melalui tayangan video yang ditayangkan itu.
- (e) Peleraian – Muzafar berasa hairan apabila ibunya tidak mahu meneruskan tontonan video peserta-peserta ekspedisi berkanu di Tasik Permai. Muzafar juga mula sangsi akan status dirinya sebagai anak tunggal apabila melihat reaksi ibunya yang seolah-olah menyimpan suatu rahsia dan selepas dia mengetahui latar belakang Muzamir. Muzafar menceritakan kepada Azizi tentang suatu perasaan lain yang dirasainya sewaktu dia membantu Muzamir apabila kayaknya terbalik. Muzafar juga menitiskan air mata sewaktu mereka bersalaman dan berpelukan sebelum Muzamir berangkat pulang.

#### Teknik Plot

- (a) Pemerian.
- (b) Dialog.
- (c) Imbas kembali.
- (d) Imbas muka.
- (e) Monolog.
- (f) Kejutan.
- (g) Saspens.

#### Gaya Bahasa

- (a) Bahasa Arab. Contohnya, *Insya-Allah; Assalamualaikum*.
- (b) Bahasa Inggeris. Contohnya, *rafting; commando rescue; water confidence*.
- (c) Metafora. Contohnya, *lautan mimpi*.
- (d) Sinkope. Contohnya, *Habis tu, kenapa Zam tak dapat tidur?*
- (e) Repetisi. Contohnya, *Tidak ... tidak ... tidak*.
- (f) Peribahasa. Contohnya, *Tak ada beban, batu digalas; mati akal; ambil hati; sampai hati; jantung hati*.

#### Latar

##### Latar Tempat

- (a) Rumah batu mewah.
- (b) Tasik Permai.
- (c) Pekarangan Permai Resort.
- (d) Studio, Permai Resort.

##### Latar Masa

- (a) Waktu pagi.
- (b) Waktu siang.
- (c) Waktu malam.
- (d) Empat hari tiga malam.

##### Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang mengamalkan sikap bertolak ansur dan bertoleransi dalam melaksanakan tugas.
- (b) Masyarakat penyayang terhadap ahli keluarganya.
- (c) Masyarakat yang berani melakukan aktiviti yang mencabar keupayaan sebenar seseorang.
- (d) Masyarakat yang bekerjasama dan bantu-membantu dalam menjayakan ekspedisi berkanu.
- (e) Masyarakat golongan berada dan ternama yang mementingkan kedudukan dan maruah keluarga.
- (f) Masyarakat golongan kelainan upaya yang gigih mempelajari ilmu baharu untuk membuktikan keupayaan diri yang sebenar.
- (g) Masyarakat yang bertanggungjawab dalam memikul tugas.
- (h) Masyarakat yang berhemah tinggi.

##### Nilai

- (a) Kerjasama.
- (b) Baik hati.
- (c) Bertanggungjawab.
- (d) Berhemah tinggi.
- (e) Kasih sayang.
- (f) Keberanian.
- (g) Kegigihan.
- (h) Kesabaran.
- (i) Rasional.

#### Pengajaran

- (a) Kita hendaklah bijak menyusun sesuatu aktiviti ketika memberi latihan kepada orang lain.
- (b) Kita mestilah menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab.
- (c) Kita hendaklah gigih mempelajari ilmu baharu tanpa menjadikan kekurangan diri sebagai penghalang.
- (d) Kita janganlah memandang rendah terhadap orang kelainan upaya.
- (e) Kita mestilah berpendirian tegas dalam membuat keputusan.
- (f) Kita perlulah menanamkan sifat sabar ketika membimbing orang kelainan upaya.
- (g) Kita hendaklah menyayangi ahli keluarga dengan sepenuh hati.
- (h) Kita hendaklah berani mengambil keputusan untuk membuktikan keupayaan diri yang sebenar.
- (i) Kita mestilah mengamalkan sikap kerjasama dalam menjalankan aktiviti berpasukan.

## NOVEL



### Tawanan Komander Caucasus (Ruzaini Yahya)

*Edisi: Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan Negeri Sembilan.*

#### Sinopsis

Farhani dan rakan-rakannya dalam usaha mereka untuk kembali ke pangkuan keluarga masing-masing dengan selamat setelah menjadi tawanan tentera kumbang. Cerita bermula apabila warga Sekolah Menengah Seri Kencana dan penduduk kampung dikejutkan dengan berita kehilangan Kim Yong yang keluar mencari kumbang di pinggir hutan di kampungnya. Pelbagai spekulasi tentang kehilangan Kim Yong telah dibuat. Sebagai rakan sekelas, Farhani, Chea Mei, Mira, Haikal, Devnath dan Wei turut bersimpati dan bersedih atas kehilangan Kim Yong. Mereka bersepatat menziarahi Puan Lee, ibu Kim Yong yang begitu sedih atas kehilangan anak tunggalnya itu.

Setelah sebulan berita kehilangan Kim Yong berlalu, Cikgu Salimah selaku guru Sains Tingkatan Satu Arif di Sekolah Menengah Seri Kencana telah memberikan satu tugas kepada murid-muridnya untuk mencari serangga bagi memastikan zoo mini serangga yang diilhamkan di sekolah mereka itu menjadi suatu kenyataan. Dalam pembahagian tugas itu, Farhani, Chea Mei dan Mira ditugaskan untuk mencari kumbang. Sementara itu, Haikal berasa terkilan kerana Cikgu Salimah tidak memberikan tugas mencari kumbang itu kepadanya. Oleh sebab itu, Haikal memperlekehkan kewibawaan Farhani dan rakan-rakannya untuk mencari kumbang tersebut. Farhani bertekad untuk mendapatkan kumbang tersebut.

Bagi melengkapkan tugas yang diarahkan oleh Cikgu Salimah, Farhani, Chea Mei dan Mira telah bersetuju dan bersepatat untuk mencari kumbang di dusun datuk Farhani. Disebabkan Farhani tiba awal di dusun datuknya, dia mengisi masa menunggu kedatangan Mira dan Chea Mei dengan mencari kumbang lebih dahulu sehingga pencariannya itu telah membawanya jauh ke dalam dusun datuknya. Akhirnya, Farhani menemukan sebuah rumah lama dan masuk ke dalam rumah lama itu. Dia menemukan anak tangga yang menuruni ke ruang bawah tanah hingga membawanya ke dimensi kerajaan kumbang. Sementara itu, Mira dan Chea Mei telah tiba di dusun datuk Farhani setengah jam lewat daripada masa yang telah dijanjikan tetapi mereka tidak nampak kelibat Farhani di situ.

Chea Mei dan Mira terkejut apabila ibu Farhani, iaitu Puan Asmah memaklumkan kepada mereka bahawa Farhani telah pergi ke dusun datuknya selepas solat zohor. Ibu Farhani bersedih atas kehilangan Farhani memandangkan Farhani ialah anak bongsunya. Encik Adnan, bapa Farhani meminta isterinya bertenang dan bersabar. Peristiwa kehilangan Farhani dan Kim Yong yang dikaitkan dengan kejadian mereka keluar mencari kumbang telah menjadi perbualan masyarakat setempat dan seluruh rakyat Malaysia. Cikgu Salimah berasa bersalah atas kehilangan Farhani. Dia mengajak murid-murid di kelas



Tingkatan Satu Arif menjejaki kehilangan misteri Farhani di dusun datuk Farhani. Di dalam dusun datuk Farhani, mereka telah menemukan sebuah rumah usang. Haikal telah mengajak Devnath dan Wei untuk kembali semula pada malamnya untuk menjejaki kehilangan Farhani di ruang bawah tanah di rumah usang itu setelah mereka menemukan sapu tangan milik Farhani.

Kesilapan Farhani melangkah kakinya ke alam dimensi kerajaan kumbang menyebabkan dia telah ditawan oleh tentera Komander Caucasus. Dia telah dibawa oleh kumbang Bara untuk menghadap Maharaja Tanduk di sebuah istana. Selepas itu, Farhani juga telah dikurung di dalam sebuah tabung uji bersaiz besar di sebuah makmal rahsia Komander Caucasus yang akan menjadikannya sebagai bahan uji kaji untuk mencapai impian Komander Caucasus menakluki dunia dan menguasai manusia. Di makmal rahsia itu, Farhani telah bertemu secara tidak sengaja dengan Kim Yong yang telah dilaporkan hilang selama sebulan lebih itu.

Komander Caucasus merupakan seekor kumbang yang tamak dan gila kuasa apabila dia dan tenteranya cuba merampas takhta kerajaan kumbang dengan menggulingkan takhta Maharaja Tanduk dan giat memburu Puteri Coleoptera dan para pengikutnya yang sedang bersembunyi. Suatu ketika, suatu kejadian huru-hara telah berlaku menyebabkan Bara dan Dara Bintik yang merupakan pengikut Puteri Coleoptera bergegas menyelamatkan diri dengan membawa bersama Farhani dan Kim Yong. Di satu kawasan perkhemahan, Bara dan Dara Bintik telah membawa Farhani dan Kim Yong menghadap Puteri Coleoptera yang sangat baik dan sopan. Puteri Coleoptera memohon bantuan mereka berdua untuk menumpaskan Komander Caucasus yang kejam dan tidak berhati perut itu.

Sementara itu, ketika Haikal, Devnath dan Wei mencari jejak kehilangan Farhani di ruang bawah tanah rumah lama itu, mereka telah memasuki dimensi kerajaan kumbang sehingga mereka ditangkap oleh tentera kumbang Bara. Apabila mereka bertiga tersedar dari pengsan, mereka terkejut setelah mendapati mereka menjadi tawanan kumbang yang bersaiz besar di sebuah kawasan hutan. Mereka juga terkejut kerana telah bertemu semula dengan Farhani dan Kim Yong di situ yang berada dalam keadaan selamat. Farhani dan Kim Yong meyakinkan mereka bertiga bahawa kumbang-kumbang itu berhati baik dan merupakan sahabat mereka berdua. Sekali lagi kumbang Bara menyuarakan bantuan daripada mereka berlima untuk membantu Puteri Coleoptera dan pengikutnya menewaskan Komander Caucasus dan tenteranya.

Tiba-tiba, mereka mendapat maklumat bahawa tempat persembunyian mereka itu dapat dikesan oleh tentera Caucasus sehingga menyebabkan Puteri Coleoptera, semua pengikutnya, Farhani, dan empat orang rakannya terpaksa meninggalkan tempat itu. Setelah menempuh perjalanan yang memenatkan, akhirnya mereka tiba di tempat persembunyian baru. Lima buah khemah berjaya didirikan. Tidak lama kemudian, tempat persembunyian mereka telah diserang hendap oleh tentera Komander Caucasus setelah mendapat maklumat daripada si pembelot, Dara Bintik.

Dalam serang hendap itu, Haikal, Devnath dan Wei telah ditangkap sekali lagi dan ditawan oleh tentera Komander Caucasus bersama-sama dengan Puteri Coleoptera dan Bara. Namun dalam serang hendap itu, Farhani dan Kim Yong berjaya menyembunyikan diri masing-masing. Maharaja Caucasus yang telah menaiki takhta kerajaan kumbang dengan cara menggulingkan Maharaja Tanduk itu berasa amat marah apabila Kim Yong dan Farhani gagal ditangkap. Maharaja Caucasus mengarahkan tenteranya segera mencari Kim Yong dan Farhani yang amat diperlukan untuk dijadikan bahan uji kaji bagi mencapai impiannya menakluki dunia dan manusia.

Pada suatu malam, Dara Merah, Farhani, Kim Yong, kunang-kunang, dan pengikut mereka telah menyusun strategi untuk menumpaskan Komander Caucasus dan tenteranya melalui penggunaan cecair *Endosulfan* sekali gus membebaskan semua tawanan yang dipenjarakan oleh Komander Caucasus. Akhirnya, strategi yang telah dirancang itu digunakan pada satu tengah malam. Mereka berjaya menewaskan Komander Caucasus yang kejam dan para tenteranya sekali gus berjaya membebaskan Puteri Coleoptera, Bara, Maharaja Tanduk dan tiga orang rakannya, Haikal, Wei dan Devnath yang telah dikurung itu dengan selamat. Manakala, Komander Caucasus, Dara Bintik dan para tenteranya telah dikurung.

Puteri Coleoptera telah ditabalkan sebagai pemerintah kerajaan kumbang yang baharu. Puteri Coleoptera terhutang budi atas kerjasama dan bantuan daripada Farhani dan empat orang rakannya. Sebagai tanda terima kasih, Puteri Coleoptera menghadiahkan sebuah lambang kebesaran kerajaan kumbang yang diperbuat daripada logam perak berukir cantik kepada setiap seorang. Farhani dan empat orang rakannya telah dibenarkan untuk kembali ke pangkuan keluarga masing-masing namun mereka kecewa kerana kepulangan mereka tidak dapat dilihat oleh ahli keluarga disebabkan mereka telah menjadi halimunan.

Setelah kata sepakat diambil, Farhani dan empat orang rakannya kembali ke dimensi kerajaan kumbang untuk bertemu dengan kumbang Bara. Setelah meminum serum yang diberikan oleh Bara, akhirnya mereka berjaya kembali menjadi manusia asal dan pulang ke pangkuan keluarga masing-masing dengan selamat. Berita kepulangan mereka telah mendapat liputan yang meluas daripada syarikat media cetak dan media elektronik. Namun, mereka bersepakat untuk merahsiakan cerita sebenar mereka yang menjadi tawanan Komander Caucasus daripada kerajaan kumbang itu.

## Inti Pati Bab

### Bab 1: Hilang

- Sekolah dikejutkan dengan berita kehilangan Kim Yong yang merupakan anak hartawan di bandar ini dan merupakan pewaris tunggal kekayaan milik mendiang bapanya yang telah meninggal dunia.
- Farhani bersimpati dan bersedih atas kehilangan rakan sekelasnya itu walaupun Kim Yong seorang yang bersikap angkuh dan sombong.
- Farhani dan rakan-rakannya menziarahi Puan Lee, ibu Kim Yong yang sangat bersedih dan tidak henti-henti menangis atas kehilangan anak tunggalnya itu pada suatu petang untuk menyatakan rasa simpati mereka.
- Ketika Farhani dan rakan-rakannya tiba di rumah Kim Yong, terdapat juga beberapa orang anggota polis yang masih menyiasat dan mencari bahan maklumat untuk menyelesaikan kes kehilangan Kim Yong itu.
- Farhani dan rakan-rakannya melihat terdapat sebuah zoo mini kepunyaan Kim Yong yang dibina di pekarangan rumahnya yang menempatkan berbagai-bagai spesies kumbang yang pelbagai rupa dan warna.
- Seminggu selepas kehilangan Kim Yong, Farhani, rakan-rakannya dan masyarakat membuat pelbagai andaian dan sebab atas kehilangannya itu.
- Setelah sebulan kes kehilangan Kim Yong, berita sensasi mengenainya semakin jarang diperkatakan kecuali Farhani yang masih tertanya-tanya dan mencari jawapan tentang misteri kehilangan rakan sekelasnya itu.

### Bab 2: Misi Memburu Kumbang

- Cikgu Salimah memahami kerenah anak-anak muridnya yang sedang beralih emosi daripada zaman kanak-kanak kepada alam remaja. Farhani tidak suka suasana yang bingung dan bising. Farhani teringat akan suasananya di rumahnya yang sunyi kerana hanya dia, ibu dan bapanya yang masih ada di rumahnya kini.
- Cikgu Salimah memberikan arahan kepada setiap murid tentang tugas masing-masing untuk menangkap serangga dan mereka dipecahkan kepada empat kumpulan yang akan menangkap kumbang, pepatung, rama-rama dan belalang.
- Cikgu Salimah menegur sikap Haikal, Devnath dan Wei yang membuat bising dengan ketawa tidak berhenti-henti.
- Cikgu Salimah memuji Farhani yang rajin mengakses maklumat berkaitan kumbang daripada laman sesawang.
- Haikal mengusik dengan menyangkal keupayaan Farhani dan ahli kumpulannya yang ditugaskan untuk mencari kumbang.
- Sementara itu, Farhani bertekad untuk membuktikan keupayaannya mencari kumbang-kumbang yang dikehendaki oleh Cikgu Salimah kepada Haikal.
- Mira pula bersemangat untuk mencari kumbang tanpa rasa takut.

### Bab 3: Meneroka Rumah Usang

- Farhani menunggu kedatangan Mira dan Chea Mei di pinggir dusun datuknya hampir setengah jam.

- Sementara menunggu kedatangan rakan-rakannya itu, Farhani bertindak dengan mencari kumbang lebih dahulu hingga akhirnya membawa langkahnya semakin jauh ke dalam kebun datuknya.
- Tanpa disangka, Farhani terjumpa dengan sebuah rumah kayu lama yang sebahagian dindingnya hampir roboh.
- Farhani memberanikan dirinya dengan menyelip masuk ke dalam rumah lama itu untuk meneroka secara lebih terperinci keadaan di dalam rumah lama itu.
- Farhani mendapati rumah lama itu mengandungi tangga curam menuju ke ruangan bawah tanah menyebabkan dia berasa teruja untuk menuruni tangga ke ruangan bawah tanah itu.
- Farhani merasakan adanya perubahan pada ketumpatan udara ketika dia berada di bawah tanah itu.
- Setelah dia menapak maju dan mundur antara ruangan perbezaan udara tersebut, Farhani dapat merasakan seolah-olah dia berada di ambang dimensi lain.
- Ketika Farhani melintasi dimensi baharu itu, secara tiba-tiba muncul serakan cahaya dan kelihatan lembaga hitam bersaiz agak dengan mata kemerah-merahan yang merenung tepat ke arahnya.

#### Bab 4: Di manakah Farhani?

- Chea Mei resah memikirkan cara untuk meminta keizinan neneknya untuk pergi mencari kumbang bersama-sama dengan Farhani dan Mira kerana jam telah menunjukkan angka tiga petang.
- Chea Mei bimbang kalau-kalau neneknya tidak mengizinkan untuk pergi kumbang disebabkan neneknya patuh akan amanah bapanya yang melarangnya keluar rumah.
- Chea Mei mencuri-curi keluar dari rumahnya melalui pintu belakang apabila jarum jam menunjukkan angka pukul tiga setengah.
- Sementara itu, Mira bersungut apabila tiada kelihatan seorang pun rakannya di tepi dusun datuk Farhani ketika dia tiba di situ. Mira cuba mencari kumbang di kawasan sekelilingnya sebelum Chea Mei tiba selepas jam tiga setengah petang.
- Setelah hampir dua jam Mira dan Chea Mei menantikan kemunculan Farhani di situ, mereka mengambil keputusan untuk pergi ke rumah Farhani.
- Ibu Farhani, Puan Asmah mesra menyambut kedatangan Mira dan Chea Mei ke rumahnya tetapi kehairanan apabila Mira dan Chea Mei menyatakan tujuan kedatangan mereka untuk bertemu dengan Farhani.
- Puan Asmah dan Encik Adnan meminta Mira dan Chea Mei menceritakan semula keseluruhan peristiwa yang berlaku itu.
- Keluarga Mira dan keluarga Chea Mei datang ke rumah Farhani pada waktu malam. Masing-masing kebingungan tentang kehilangan Farhani yang keluar mencari kumbang.
- Encik James Ren mencadangkan agar laporan polis dibuat berkaitan dengan kes kehilangan Farhani.
- Puan Asmah menagisi kehilangan anak bongusnya itu, iaitu Farhani tetapi ditenangkan oleh suaminya, Encik Adnan dan ibu Mira, iaitu Puan Mariah.
- Mira membuat andaian bahawa Farhani disembunyikan oleh makhluk halus tetapi andaianya itu disangkal oleh bapanya, Encik Zainal. Sekali lagi Puan Asmah menyetujui andaian Mira tetapi disangkal keras oleh suaminya, Encik Adnan malahan dia yakin bahawa Farhani selamat.

#### Bab 5: Tawanan *Chalcosoma Caucasus*

- Farhani berdepan dengan satu lembaga yang merupakan seekor kumbang besar yang berketinggian satu setengah meter dan pandai berkata-kata. Kumbang tersebut memarahi dan menuduh Farhani sebagai makhluk Allah yang paling zalim.
- Farhani menjelaskan tugasnya mencari kumbang adalah untuk zoo mini di sekolahnya.
- Kumbang tersebut memarahi Farhani kerana mengurung kaumnya dan dijadikan bahan uji kaji di makmal. Farhani menyangkal dakwaan kumbang tersebut.
- Kumbang tersebut memperkenalkan dirinya sebagai Komander *Chalcosoma Caucasus* sebagai ketua tentera kerajaan kumbang. Farhani dikelilingi oleh kumbang dari spesies *Chalcosoma Caucasus*.
- Komander *Chalcosoma Caucasus* menuduh manusia yang menyebabkan spesiesnya kian terancam kerana terkena racun yang diletakkan dalam makanan.

- Farhani menyangkal tuduhan Komander *Chalcosoma Caucasus* itu yang menyalahkan manusia yang membunuh spesies mereka. Komander *Chalcosoma Caucasus* menggertak Farhani sebagai bahan makanannya.
- Komander *Chalcosoma Caucasus* meminta Bara membawa Farhani masuk ke dalam kota kerana Farhani telah menjadi tawanan mereka pada hari itu. Tubuh Farhani menggeletar apabila mendengar kata-kata kumbang tersebut yang mahu menjadikannya sebagai makanan mereka selama berbulan-bulan.

#### Bab 6: Menjelajah Kota

- Bara menjalankan tugas yang diperintahkan oleh Komander *Chalcosoma Caucasus* dengan membawa Farhani menelusuri terowong-terowong gelap yang bercabang-cabang.
- Farhani memuji kecantikan tubuh Bara yang mengeluarkan cahaya yang bersinar-sinar. Bara memberitahu Farhani bahawa dia merupakan kumbang spesies *Lampyridae*.
- Farhani melihat kota yang diperbuat daripada batu yang kukuh, berbentuk segi empat dan kelihatan sama di mana-mana. Farhani terpegun seketika melihat pintu gerbang di hadapannya yang sungguh indah. Farhani merakamkan keadaan kota dan pintu gerbang dengan menggunakan telefon bimbit yang dibawa di dalam koceknya.
- Farhani merayu kepada Bara agar tidak mencengkam lengannya dengan kuat dan berjanji bahawa dia tidak akan melarikan diri.
- Bara melepaskan cengkamannya kerana dia yakin bahawa Farhani tidak akan melarikan dirinya memandangkan Farhani tidak tahu selok-belok di dalam kota dan mahligai itu.

#### Bab 7: Menghadap Maharaja Tanduk

- Bara membawa Farhani masuk menghadap Maharaja Tanduk. Farhani berasa kagum akan keindahan ruang dalam mahligai Maharaja Tanduk yang mempunyai lantai berkaca-kaca warna kebiruan dan berdinding putih mutiara yang dilimpahi cahaya daripada cangkerang kaum Bara.
- Dara Bintik memaklumkan bahawa Maharaja Tanduk murka kerana Bara mengambil masa terlalu lama untuk membawa Farhani masuk menghadapnya sedangkan Komander *Chalcosoma Caucasus* telah lama tiba di mahligai itu.
- Komander *Chalcosoma Caucasus* menegur Bara yang lambat tiba di mahligai Maharaja Tanduk.
- Secara tiba-tiba, Farhani merasakan tubuhnya lemah setelah dia minum air minuman yang diberikan oleh Dara Bintik selepas dia memperkenalkan dirinya kepada Maharaja Tanduk.
- Dalam keadaan yang lemah itu, Farhani dapat merasakan tubuhnya diusung untuk dibawa ke suatu tempat.
- Farhani menyesal kerana meminum air yang dihulurkan oleh Dara Bintik tetapi dia tidak berani menolak pemberian air minuman itu.

#### Bab 8: Disembunyikan Bunian?

- Sudah masuk hari ketiga Farhani hilang menyebabkan warga sekolah gempar dengan kehilangan seorang lagi murid di Sekolah Menengah Seri Kencana. Kisah kehilangan dua orang murid sekolah ini menjadi perbualan masyarakat setempat dan seluruh rakyat Malaysia.
- Cikgu Salimah berasa menyesal kerana menugaskan anak-anak muridnya mencari serangga bagi menjadikan zoo mini serangga di sekolah menjadi suatu kenyataan.
- Cikgu Salimah telah mengunjungi keluarga Farhani untuk bertanya khabar dan menyatakan rasa simpatinya. Encik Adnan dan Puan Asmah reda dengan kehilangan Farhani dan tidak sesekali menyalahkan Cikgu Salimah apatah lagi untuk membawa kes tersebut ke mahkamah.
- Abang Farhani, Muhammad Faris Akmal bercakap dengan sinis dan menyalahkan Cikgu Salimah atas kehilangan adiknya, Farhani.
- Pada petang itu, Cikgu Salimah telah mengajak beberapa orang murid di kelas Farhani untuk mencari jejak kehilangan Farhani di dusun tersebut. Ketika mereka sedang mencari jejak Farhani di dusun milik datuk Farhani, Haikal tiba-tiba menjerit memanggil Cikgu Salimah dan rakan-rakannya kerana dia telah menemukan sebuah rumah usang di dalam dusun itu.
- Haikal memberikan cadangan agar Cikgu Salimah, Mira dan Chea Mei tunggu di luar rumah usang itu sementara dia, Devnath dan Wei akan meninjau keadaan di dalam rumah usang itu.

### Bab 9: Makmal Rahsia

- Farhani tersedar dirinya berada di dalam sebuah balang kaca besar di sebuah makmal. Farhani melihat ada sebuah lagi balang kaca yang sama saiz berhampiran dengannya. Dia nampak ada objek lain yang bergerak-gerak di dalam balang kaca itu.
- Tiba-tiba, Farhani mendengar bunyi ketukan bertalu-talu sebanyak tiga kali dari balang kaca di sebelahnya sebagai tanda minta tolong. Mereka berbalas-balas ketukan itu sehingga mereka berhenti mengetuk apabila terdengar suara bercakap-cakap di luar makmal dan disertai bunyi yang sangat bising.
- Keadaan di dalam makmal menjadi hiruk-pikuk dengan bunyi tapak kaki berlarian ke sana-sini dan jeritan yang kedengaran begitu jelas.
- Dalam keadaan kelim-kabut itu, Bara membuka pintu balang kaca dan mencengkam lengan Farhani lalu menyeretnya pergi tetapi Farhani bertegas mahu menyelamatkan seseorang yang terkurung di dalam balang kaca. Farhani berusaha membuka balang kaca yang menempatkan Kim Yong dan akhirnya dia berjaya.
- Farhani mengusung Kim Yong keluar bersama-sama dengan Bara dan Dara Bintik dan mereka bergerak secepat mungkin meninggalkan makmal rahsia Komander Caucasus itu.
- Ketika mereka sedang mengusung Kim Yong melalui terowong yang sempit, Kim Yong tiba-tiba tersedar. Dia terkejut kerana sedang diusung oleh Farhani dan dua ekor kumbang. Kim Yong yang masih lemah berpaut pada bahu Farhani.
- Setelah berjalan selama hampir dua jam, mereka akhirnya keluar dari terowong yang gelap dan lembap. Mereka kini berada di sebuah hutan yang mempunyai beberapa buah khemah di sekeliling sebuah khemah yang lebih besar.

### Bab 10: Bertemu Puteri Coleoptera

- Farhani menghulurkan minuman yang diisi di dalam tempurung kelapa yang cantik kepada Kim Yong yang dahaga dan keletihan.
- Farhani tergamam apabila Kim Yong yang selama ini bersikap sombong dan tidak suka bergaul dengan rakan-rakannya mengucapkan terima kasih kepadanya dan memanggil namanya.
- Kim Yong berjanji bahawa dia tidak akan bersikap sombong, akan berkawan dengan semua orang, dan mengalu-alukan Farhani dan rakan-rakan yang lain ke rumahnya.
- Farhani dan Kim Yong dibawa oleh Bara untuk menghadap Tuan Puteri Coleoptera. Puteri Coleoptera mempelawa Farhani dan Kim Yong ke meja makan. Farhani dan Kim Yong makan buah-buahan yang berada di atas meja itu dengan gelojoh kerana kelaparan. Sementara itu, Puteri Coleoptera, Bara, dan Dara Bintik mendiamkan diri dan menikmati makanan mereka dengan tertib.
- Puteri Coleoptera menanyakan sebab Farhani dan Kim Yong datang ke dunia kumbang. Bara menjelaskan kepada Puteri Coleoptera bahawa Farhani dan Kim Yong bukanlah sengaja datang ke situ tetapi ditawan oleh Komander Caucasus.
- Puteri Coleoptera mengimbas kembali muslihat Komander Caucasus yang menyebabkan dia tersingkir dari kerajaan kumbang dan terpaksa melarikan diri kerana semua tentera Komander Caucasus sedang memburunya sekali gus ingin membunuhnya.
- Puteri Coleoptera menjelaskan niat jahat Komander Caucasus yang menawan Kim Yong dan Farhani untuk dijadikan bahan uji kaji makmalnya. Menurut Puteri Coleoptera, Komander Caucasus mempunyai impian yang besar untuk menakluki kerajaan kumbang dan juga manusia.
- Komander Caucasus berkeinginan untuk mentransformasikan dirinya menjadi manusia untuk membalas dendam terhadap manusia yang banyak membunuh kumbang. Komander Caucasus juga bercita-cita untuk mengambil alih takhta Maharaja Tanduk.
- Bara menegaskan bahawa mereka tiada halangan untuk membebaskan Farhani dan Kim Yong kembali ke dunia asal manusia tetapi mereka terpaksa melalui kawalan ketat tentera Caucasus.
- Tambahan pula, Bara amat memerlukan bantuan Farhani dan Kim Yong untuk menewaskan Komander Caucasus. Farhani menyatakan persetujuannya untuk membantu kumbang-kumbang itu hingga menyebabkan kumbang-kumbang itu menarik nafas kelegaan.

### Bab 11: Musuh Menjadi Sahabat

- Setelah selamat menemani Cikgu Salimah, Mira dan Chea Mei

sampai ke rumah masing-masing, Haikal segera menyuarakan hasratnya untuk kembali ke rumah usang itu pada malam nanti. Kedua-dua rakannya keberatan untuk berbuat demikian tetapi demi setia kawan, mereka sanggup menemani Haikal meneruskan usaha mencari Farhani di rumah usang itu.

- Haikal yakin bahawa Farhani mungkin masih di situ berdasarkan penemuan sapu tangan berwarna merah jambu milik Farhani yang ditemuinya di ruangan bawah tanah rumah usang itu.
- Haikal, Devnath dan Wei bertemu semula selepas solat isyak di tempat yang telah dijanjikan. Kemudian, mereka bergerak ke rumah usang di dusun datuk Farhani.
- Ketika mereka berada di ruang bawah tanah rumah usang itu, Devnath dan Wei mendapati Haikal begitu bersungguh-sungguh dan berani mencari petanda untuk menjejaki kehilangan Farhani itu.
- Ketika mereka asyik mencari bukti kehadiran Farhani di situ, tanpa disengajakan Haikal telah memasuki dimensi dunia kumbang apabila ditarik oleh suatu daya di pintu maya. Keadaan itu menyebabkan Devnath dan Wei turut sama memasuki dimensi dunia kumbang itu.
- Mereka kehairanan dan bingung memikirkan dimensi tersebut kerana udaranya ringan dan nafas mereka tidak berat.
- Setelah hampir setengah jam berjalan, mereka akhirnya tiba di sebuah kota yang susunannya sangat teratur. Sesampainya mereka di satu sudut bangunan, mereka bertiga telah diserang hendap dan ditangkap sehingga menyebabkan mereka pengsan.
- Ketika tersedar dari pengsan, Haikal, Devnath dan Wei mendapati diri mereka berada di sebuah kawasan hutan dan beberapa buah khemah. Dalam keadaan masih terpinga-pinga, mereka terkejut apabila muncul makhluk yang pelik serupa kumbang tetapi saiz badannya sahaja berbeza.
- Mereka terkejut lagi sekali apabila mendengar suara Farhani yang memberitahu Bara bahawa mereka itu ialah kawan-kawannya. Farhani memandang wajah kawan-kawannya yang pucat lesi dengan mengatakan bahawa dia belum mati.
- Kemunculan Kim Yong secara tiba-tiba sekali lagi menimbulkan rasa terkejut mereka. Farhani memberitahu Haikal, Wei dan Devnath bahawa kumbang-kumbang itulah yang telah menculik mereka.
- Farhani menjelaskan secara panjang lebar perihal Bara, Dara Bintik dan Puteri Coleoptera yang merupakan pemerintah sebenar kerajaan kumbang kepada kawan-kawannya itu. Haikal menghulurkan salam perkenalan kepada Bara dan Dara Bintik. Tindakannya itu turut diikuti oleh Wei dan Devnath.
- Bara menyuarakan hasrat kaum kumbangnya yang memohon pertolongan Farhani dan kawan-kawannya untuk membantu mereka menumpaskan Komander Caucasus.
- Puteri Caucasus memberitahu bahawa Komander Caucasus dan tenteranya semakin hampir dengan tempat persembunyian mereka dan mengarahkan semua pengikut agar segera berpindah dari situ.

### Bab 12: Diburu Caucasus

- Bara segera mengarahkan kumpulan kumbang yang menjadi pengawal Puteri Coleoptera bersiap sedia untuk meninggalkan kawasan itu. Bara hairan apabila rahsia tempat persembunyian mereka dapat diketahui Komander Caucasus.
- Bara segera membantu Puteri Coleoptera menyembunyikan harta warisan kerajaan kumbang, terutama cap mohor yang menjadi bukti bahawa baginda pewaris sah takhta kerajaan kumbang.
- Farhani dan rakan-rakannya menyertai rombongan Puteri Coleoptera meninggalkan kawasan yang pernah didiami selama beberapa bulan itu. Sementara itu, Kim Yong menjawab pertanyaan Haikal bahawa mereka sekarang berada di dunia kumbang.
- Perjalanan yang jauh menyebabkan Haikal, Devnath dan Wei keletihan serta kelaparan. Bara segera menghulurkan buah-buahan yang belum pernah mereka lihat sebelum ini untuk dimakan. Haikal membisikkan ucapan terima kasih kepada Bara kerana memberikannya buah-buahan itu.
- Setelah menempuh perjalanan yang panjang, akhirnya mereka tiba di suatu kawasan yang terdiri daripada pokok-pokok besar bersaiz satu hingga dua pemeluk yang berdiri gagah seakan-akan memagari kawasan itu.
- Dalam masa tidak sampai satu jam, lima buah khemah siap dipasang. Khemah Puteri Coleoptera, iaitu khemah yang paling besar berada di tengah-tengah dengan dikelilingi empat buah khemah lain.



- Dara Bintik menyoal Bara dan kemudian memberitahu Bara bahawa dia sudah letih berpindah-randah untuk mengelakkan diri daripada diburu oleh Komander Caucasus dan tenteranya.
- Serentak dengan ucapan kemaafan daripada Dara Bintik, tiba-tiba khemah mereka telah diserang oleh tentera Komander Caucasus. Walau bagaimanapun, Farhani berjaya bersembunyi di dalam semak-samun yang berhampiran.
- Sangkaan Farhani tepat apabila dia melihat khemah mereka telah diserang hendap oleh tentera Caucasus. Farhani melihat Bara yang berusaha melindungi Puteri Coleoptera telah ditangkap dan salah seekor kumbang telah menumbuk perutnya sehingga menyebabkan Bara terbongkok menahan kesakitan.
- Farhani juga menyaksikan semua rakannya menjadi tawanan tentera Caucasus dan Farhani juga melihat Dara Bintik telah berpaling tadah terhadap Puteri Coleoptera.
- Farhani terkejut apabila mengetahui Kim Yong juga terselamat daripada menjadi tawanan tentera Caucasus apabila dia cepat-cepat memanjat pokok untuk menyembunyikan dirinya sewaktu khemah mereka diserang hendap.
- Kim Yong menegaskan bahawa mereka mesti melakukan sesuatu perkara untuk membebaskan Bara, Puteri Coleoptera dan rakan-rakannya daripada ditawan oleh tentera Caucasus.

### Bab 13: Terperangkap!

- Haikal, Devnath dan Wei telah ditawan oleh tentera Caucasus dan dibawa ke mahligai Maharaja Caucasus.
- Sepanjang perjalanan, Devnath berasa tangannya sakit akibat dikilas oleh tentera Caucasus. Haikal juga turut merasai kesakitan itu dan berdoa agar Farhani serta Kim Yong dapat melepaskan diri daripada menjadi tawanan tentera Caucasus.
- Sesampainya mereka di mahligai yang sangat indah, semua tawanan dibawa masuk menghadap Maharaja Caucasus yang berdiri berhampiran sebuah peterana yang dihias serba indah. Maharaja Caucasus mengarahkan semua tawanan dipenjarakan kecuali anak-anak manusia.
- Maharaja Caucasus berang dan mengarahkan tenteranya mencari Farhani dan Kim Yong apabila dia mendapati anak-anak manusia yang ditawan itu bukanlah Farhani dan Kim Yong.
- Sementara itu, Kim Yong mengingatkan Farhani agar mereka lebih berhati-hati dengan keadaan persekitaran kerana mereka menjadi buruan tentera Caucasus.
- Ketika mereka berdua berada di kawasan air sungai yang jernih, mereka telah ditangkap dan diheret masuk ke dalam semak belukar yang tebal. Seekor kumbang lain telah menekup kuat mulut Farhani dan mengarahkan mereka agar diam.
- Tiba-tiba kedengaran suara riuh-rendah beberapa ekor kumbang. Salah seekor kumbang yang bertindak sebagai ketua kumbang itu kelihatan sedang marah-marah kepada kumbang-kumbang yang lain akibat kegagalan mereka menemukan dirinya dan Kim Yong.
- Seketika, Farhani tertanya-tanya status sebenar kumbang yang telah menyembunyikan dirinya dan Kim Yong daripada ditawan oleh tentera Caucasus itu tadi.

### Bab 14: Di Penjara

- Dara Merah memperkenalkan dirinya kepada Farhani dan Kim Yong. Dara Merah juga memperkenalkan dua ekor kumbang jantan yang mengiringinya, iaitu kunang-kunang.
- Dara Merah memaklumkan kepada mereka berdua tentang Dara Bintik yang telah menjadi pembelot dan bertindak membocorkan lokasi persembunyian Puteri Coleoptera di dalam hutan itu kepada Komander Caucasus.
- Sebagai pengikut setia Puteri Coleoptera, Dara Merah memohon bantuan dan kerjasama daripada Farhani dan Kim Yong untuk membantu kumbang-kumbang itu membebaskan Puteri Coleoptera dan semua pengikutnya, termasuklah rakan-rakan Farhani daripada penjara. Sebagai balasan, Dara Merah berjanji akan membantu mereka untuk kembali ke pangkuan keluarga masing-masing.
- Dara Merah, kunang-kunang, Farhani dan Kim Yong berbincang tentang strategi terbaik untuk menyelamatkan Puteri Coleoptera dan semua pengikutnya serta rakan-rakannya itu.
- Sementara itu, di dalam penjara yang berbau hapak dan busuk, Wei, Haikal dan Devnath sebak dan sedih apabila terkenang akan keluarga masing-masing. Devnath juga dihimpit rasa kesal atas kedegilannya keluar dari rumah pada malam kejadian walaupun dilarang oleh ibunya. Namun, dia tidak menyesal mengambil keputusan untuk menyertai misi mencari Farhani itu.

- Di kem persembunyian Dara Merah, Farhani menggenggam sebotol cecair *Endosulfan* yang dijumpainya sewaktu dia kembali ke tempat rakan-rakannya ditawan. Farhani yakin cecair itu dibawa oleh Haikal.
- Farhani membawa dan menunjukkan sebotol cecair *Endosulfan* kepada Dara Merah sebagai bahan yang boleh digunakan untuk membunuh kumbang. Dara Merah berasa gembira kerana cecair itulah yang ingin dicarinya dan ingin digunakan kepada Komander Caucasus.
- Menurut Dara Merah, cecair racun itulah yang telah membunuh adik-adiknya yang memakan sayur-sayuran di kebun manusia pada suatu ketika dahulu.
- Tengah malam itu, mereka berlima mengatur strategi bagi membebaskan Puteri Coleoptera, semua pengikut, dan rakan-rakannya.
- Dara Merah mengambil botol kecil berisi *Endosulfan* daripada tangan Farhani untuk digunakan sebagai salah satu alat untuk menewaskan Maharaja Caucasus dan tenteranya.
- Farhani dan Kim Yong tertanya-tanya status sebenar Dara Merah apabila mendapati kumbang-kumbang yang mengiringinya itu begitu patuh dan taat kepadanya.
- Sementara itu, di dalam penjara, Haikal merasakan sesuatu perkara akan berlaku. Kenyataannya itu disambut pula oleh Wei dan Devnath. Kemudian, mereka terdengar suara yang biasa didengari, iaitu suara Farhani yang meminta Haikal, Wei dan Devnath bersedia untuk melarikan diri dari penjara itu kerana mereka akan datang untuk menyelamatkan mereka.

### Bab 15: Pertarungan

- Malam kian larut sewaktu Farhani, Kim Yong, Dara Merah, dan kunang-kunang tiba di mahligai ketua kerajaan kumbang. Dara Merah melewati pintu mahligai dengan botol kecil berisi *Endosulfan* di dalam genggamannya.
- Farhani kebasahan dan sesekali menggigit kesejukan akibat terkena hujan ketika sedang bersembunyi di balik pagar yang ditutupi pohon renek. Dia sudah bersedia melakukan tindakan yang selanjutnya jika Dara Merah gagal dalam misinya.
- Dara Merah telah menyamar sebagai Dara Bintik. Dia ke dapur untuk memasukkan setitis cecair *Endosulfan* ke dalam minuman Maharaja Caucasus.
- Ketika di dapur, Dara Merah mendapati kumbang spesies Weevil sedang bertugas. Dara Merah memberikan alasan untuk membawa minuman kepada Maharaja Caucasus dan meminta Weevil berehat. Hal itu menimbulkan kehairanan kepada Weevil kerana Dara Bintik tidak pernah bersikap ringan tangan.
- Dara Merah meletakkan minuman itu di atas meja kecil sebelum dia bergegas meninggalkan kamar itu tetapi dipanggil oleh Maharaja Caucasus. Maharaja Caucasus mengizinkan Dara Merah meminum air itu disebabkan kesetiannya itu. Dara Merah yang menyamar sebagai Dara Bintik menolak pelawaan itu atas dasar hormat dan dia hanya akan meminum sisa minuman Maharaja Caucasus.
- Penyamaran Dara Merah sebagai Dara Bintik terbongkar setelah diketahui oleh Weevil. Weevil berlari keluar mendapatkan bantuan tentera. Sementara itu, Maharaja Caucasus telah mengayun tangannya yang dipenuhi duri tajam dan mengenai tepat pada tubuh Dara Merah sehingga menyebabkan tubuhnya cedera.
- Maharaja Caucasus jatuh tersungkur akibat pengaruh cecair racun itu. Weevil kembali semula ke kamar dan Dara Merah bertindak untuk keluar segera dari tempat itu.
- Di penjara, Kim Yong dan Farhani telah membebaskan Haikal, Wei, dan Devnath. Mereka bertindak menyelamatkan diri dengan bantuan beberapa ekor kumbang lain yang setia terhadap Dara Merah. Mereka menjadi penunjuk jalan dengan melalui terowong rahsia yang dibina oleh kumbang-kumbang yang merancang pemberontakan terhadap Maharaja Caucasus. Di pertengahan terowong, mereka menemui Puteri Coleoptera, Bara, dan kunang-kunang.
- Tidak jauh dari lubang terowong, kedatangan mereka telah dinantikan oleh tentera Caucasus yang lengkap bersenjata dan diketuai oleh Dara Bintik. Namun, tindakan pantas Farhani menggunakan semburan cecair *Endosulfan* itu telah menyebabkan semua tentera kumbang itu pengsan satu persatu ke tanah akibat terhidu racun itu.
- Setelah keadaan mengizinkan, Farhani memberikan arahan kepada Puteri Coleoptera dan para pengikut setianya agar membuka topeng keselamatan yang telah dipakai.

### Bab 16: Pertabalan Puteri Coleoptera

- Komander Caucasus, Dara Bintik dan pasukan tenteranya telah dimasukkan ke bilik kurungan ketika malam beransur siang.
- Dara Merah ingin menunaikan janjinya untuk menghantar Farhani berlima kembali ke dunia manusia tetapi Bara memujuk mereka agar menanggungkan seketika kepulangan mereka untuk sama-sama menyaksikan majlis pertabalan Puteri Coleoptera sebagai tonggak kerajaan kumbang.
- Farhani dan rakan-rakannya akhirnya menyaksikan peristiwa pertabalan Puteri Coleoptera sebagai ketua kerajaan kumbang dalam majlis yang gilang-gemilang.
- Puteri Coleoptera berterima kasih atas bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh Farhani berlima. Puteri Coleoptera menghadiahinya Farhani dan rakan-rakannya lambang kebesaran kerajaan kumbang yang diperbuat daripada logam perak yang berukir cantik.
- Sebagai balasan, Farhani menghadiahinya Puteri Coleoptera sehelai sapu tangan merah jambu miliknya yang bersulam huruf 'F', Bara telah dihadiahinya lampu suluh milik Haikal dan Dara Merah dihadiahinya *Endosulfan* oleh Farhani.
- Puteri Coleoptera melantik Bara sebagai penasihatnya, manakala Dara Merah pula dilantik sebagai komander tentera.
- Pada masa yang dijanjikan, akhirnya Dara Merah menghantar Farhani dan rakan-rakannya hingga ke gerbang dimensi yang menghubungkan mereka ke dunia di ruang bawah tanah berhampiran dusun datuk Farhani.
- Kim Yong menyatakan rasa seriknya yang pernah dikurung di dalam tabung uji tetapi dia mendapat pengajaran yang amat bermakna.
- Akhirnya, mereka berlima dapat kembali ke dunia manusia. Mereka berazam untuk tidak memburu serangga sebaliknya hanya menggunakan serangga plastik untuk ditempatkan di dalam zoo mini di sekolah nanti. Mereka juga berjanji tidak akan menceritakan kisah dan pengalaman yang telah mereka tempuhi mengenai kerajaan kumbang.
- Mereka mendapati lambang kerajaan kumbang yang dihadiahinya oleh Puteri Coleoptera telah bertukar menjadi serdak berwarna putih perak.

### Bab 17: Serum

- Farhani tiba di rumahnya pada waktu malam dan dari kejauhan dia dapat melihat bapanya duduk di sisi ibunya yang kesedihan. Farhani juga dapat melihat abangnya dan kereta milik kedua-dua kakaknya terparkir di depan rumah.
- Farhani memberikan salam banyak kali namun dia kecewa kerana tiada seorangpun ahli keluarganya yang dapat mendengar suaranya dan melihat kepulangannya itu.
- Farhani tergamam apabila mendengar bapa, ibu, abang dan kakaknya berbincang tentang kehilangannya sejak dua minggu sedangkan dia merasakan baru beberapa hari dia berada di dimensi kumbang.
- Farhani mendapati Kim Yong turut mengalami masalah yang sama. Farhani dan Kim Yong pergi menemui Haikal, Devnath dan Wei. Akhirnya mereka berjumpa dan ternyata mereka menghadapi masalah yang sama.
- Wei memberikan cadangan agar mereka kembali ke dimensi kerajaan kumbang untuk mencari penawar bagi mengembalikan diri mereka sebagai manusia asal.
- Setelah mereka mencapai kata muafakat, mereka kembali ke mahligai Puteri Coleoptera dan mereka berjaya menemui Bara. Bara membawa mereka berlima ke makmal untuk mengambil formula vaksin bagi meneutralkan serum yang telah mengubah diri Farhani dan rakan-rakannya menjadi halimunan.
- Wei menanyakan Bara sebab manusia lain tidak dapat melihat mereka sedangkan kumbang-kumbang dapat melihat mereka dengan jelas.
- Bara menjelaskan tujuan serum itu dicipta adalah untuk mengaburi penglihatan manusia terhadap kumbang ketika kumbang tersebut memasuki kebun-kebun atau hutan-hutan di dunia manusia.
- Farhani sanggup menanggung risiko untuk meminum formula vaksin itu walaupun formula itu belum pernah diuji kepada sesiapa pun.
- Bara menghulurkan botol kecil berisi formula vaksin kepada setiap remaja itu dan berdoa agar formula itu bertindak positif ke atas mereka.

### Bab 18: Kepulangan

- Farhani kembali ke rumahnya pada waktu subuh dan berharap formula yang diminumnya akan mengembalikan dirinya sebagai manusia dan bukanlah sebagai halimunan.
- Farhani mengetuk pintu beberapa kali sehingga akhirnya pintu rumah itu dibuka oleh ibunya, Puan Asmah. Mereka berdua bertangisan dan sesudah itu seluruh rumahnya menjadi terang-benderang apabila seorang demi seorang ahli keluarganya memeluk Farhani.
- Berita kepulangan Farhani dan empat orang sahabatnya tersebar ke merata ceruk bandar. Sekolah Menengah Seri Kencana kembali menjadi tumpuan anggota polis, guru, rakan-rakan dan pihak media yang mahu mendapatkan cerita eksklusif mengenai peristiwa kehilangan mereka.
- Farhani dan kawan-kawannya menjelaskan kepada pihak wartawan bahawa mereka sebenarnya tersesat di dalam hutan tetapi mereka tidak menceritakan kejadian sebenar yang menimpa mereka.
- Wei menjawab pertanyaan seorang wartawan bahawa mereka dapat mencari jalan keluar disebabkan kecekapan Devnath sebagai ahli pengakap yang mencari jalan keluar.
- Farhani menjelaskan bahawa mereka terpaksa makan buah-buahan dan pucuk-pucuk kayu sepanjang tempoh mereka tersesat di hutan dan atas ajaran bapanya yang banyak mengajar tentang ikhtiar hidup di dalam hutan.
- Farhani dan rakan-rakannya telah bersepakat dan berjanji untuk merahsiakan cerita sebenar tentang dimensi kumbang untuk mengelakkan kerajaan dimensi kumbang menjadi mangsa serakah nafsu manusia.
- Kim Yong meminta diri untuk pulang ke rumahnya untuk membebaskan kumbang-kumbang peliharaannya.
- Haikal dan rakan yang lain turut berminat ke rumah Kim Yong untuk membebaskan kumbang-kumbang peliharaannya.
- Kim Yong tekad untuk membebaskan semua kumbang peliharaannya agar semua kumbang itu dapat menikmati erti kebebasan sepenuhnya.

### Tema

Kegigihan remaja berdepan dengan berbagai-bagai cabaran dan rintangan.

### Persoalan

- Perbezaan kehidupan antara dimensi kumbang dengan dunia manusia.
- Ketamakan kuasa hingga mengancam nyawa orang lain.
- Keinginan menakluki dunia dan menguasai manusia.
- Kepatuhan dan kesetiaan pengikut terhadap ketua/pemimpin.
- Kasih sayang ibu bapa yang mendalam terhadap anak-anak.
- Tanggungjawab murid dalam menyempurnakan tugasan.
- Semangat setia kawan yang tinggi.
- Kesungguhan mempertahankan seni budaya dan warisan.
- Toleransi yang utuh antara remaja berbilang kaum.

### Watak dan Perwatakan

#### Farhani

- Berusia 13 tahun dan merupakan anak bongsu daripada enam orang adik-beradik.
- Murid Tingkatan Satu Arif dan bersekolah di Sekolah Menengah Seri Kencana.
- Bapanya bekerja sebagai renjer hutan manakala ibunya seorang suri rumah.
- Cekal dan tabah dalam mengharungi pelbagai dugaan.
- Penyayang terhadap ahli keluarga.
- Bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan oleh guru Sains.
- Bijak mengatur strategi untuk menewaskan musuh.
- Simpati akan kesusahan orang lain.
- Taat akan ibu bapa.
- Berani mengambil tindakan tanpa memikirkan keselamatan nyawa.
- Mengenang budi terhadap orang yang berjasa.
- Rajin mencari maklumat tambahan berkaitan pelbagai spesies kumbang yang akan dicarinya.
- Pandai menyimpan rahsia.
- Mengamalkan semangat bekerjasama.
- Prihatin terhadap rakan sekelas.

### Komander Caucasus

- (a) Ketua tentera kerajaan kumbang dan kumbang kepercayaan Maharaja Tanduk.
- (b) Berasal daripada kumbang spesies *Chalcosoma Caucasus*, iaitu mempunyai sesungut yang panjang dan berketinggian satu setengah meter.
- (c) Mempunyai pengikut setia yang terdiri daripada tentera kumbang daripada spesies yang sama.
- (d) Berpandangan jauh dan bercita-cita besar untuk menakluki dunia dan manusia.
- (e) Kejam dan zalim apabila berusaha menjadikan Kim Yong dan Farhani sebagai 'tikus makmal'.
- (f) Tamak akan kuasa apabila bertindak merampas takhta kerajaan kumbang daripada Maharaja Tanduk.
- (g) Berpendirian tegas dalam membuat keputusan.
- (h) Penderitaan terhadap manusia yang dianggap sebagai makhluk pembunuh kepada kaumnya.

### Kim Yong

- (a) Anak tunggal kepada Puan Lee. Bapa kandungnya telah meninggal dunia.
- (b) Mempunyai seorang bapa tiri yang garang, iaitu Encik Kwok.
- (c) Pewaris tunggal kekayaan milik bapanya yang merupakan seorang hartawan.
- (d) Rakan sekelas Farhani di Tingkatan Satu Arif.
- (e) Ego, angkuh, dan enggan bergaul dengan rakan-rakan sekelasnya.
- (f) Meminati serangga spesies kumbang.
- (g) Berhemah tinggi apabila dia mengucapkan terima kasih kepada Farhani.
- (h) Sedar akan kesilapan apabila dia memohon maaf daripada Farhani.
- (i) Mengamalkan semangat bekerjasama untuk menewaskan Komander Caucasus.

### Puteri Coleoptera

- (a) Anak saudara Maharaja Tanduk dan merupakan pewaris takhta koloni kumbang selepas ayahandanya mangkat.
- (b) Merupakan seekor kumbang betina spesies *Chrysomelidae* yang memiliki cangkerang yang amat cantik berwarna kehijauan, berkilat dan bersesungut panjang.
- (c) Bertatertib dan sopan.
- (d) Murah dengan senyuman apabila berbicara dengan Farhani walaupun baru pertama kali mereka bertemu.
- (e) Baik hati, iaitu Puteri Coleoptera mempelawa Farhani dan Kim Yong menjamu selera bersama-samanya.
- (f) Mengenang budi, iaitu menghadahi Farhani dan rakan-rakannya lambang kebesaran kerajaan kumbang yang diperbuat daripada logam perak yang berukir cantik.
- (g) Bijak bertindak apabila sentiasa berpindah-randah dari satu tempat ke tempat yang lain untuk mengelakkan tempat tinggalnya dikesan oleh tentera Caucasus dan Komander Caucasus yang sedang giat memburunya.
- (h) Bersikap jujur dan berterus-terang, iaitu meluahkan rasa kesalnya tentang sikap tamak dan gila kuasa Komander Caucasus yang bercita-cita besar untuk menakluki dunia dan menguasai manusia.

### Plot

#### Binaan Plot

- (a) Permulaan – Warga Sekolah Menengah Seri Kencana dan penduduk kampung dikejutkan dengan berita kehilangan Kim Yong yang keluar mencari kumbang di pinggir hutan di kampungnya. Pelbagai spekulasi tentang kehilangan Kim Yong telah dibuat. Farhani dan rakan-rakannya turut bersimpati dan bersedih atas kehilangan Kim Yong.
- (b) Perkembangan – Farhani, Chea Mei dan Mira telah bersepatat untuk mencari kumbang di dusun datuk Farhani. Disebabkan Farhani tiba awal di dusun datuknya, dia mengisi masa menunggu kedatangan rakannya dengan mencari kumbang terlebih dahulu sehingga membawanya jauh ke dalam dusun datuknya. Di dusun itu dia menemukan sebuah rumah usang. Farhani memasuki rumah usang itu. Dia menemukan anak tangga yang menuruni ke ruang bawah tanah hingga membawanya ke dimensi kerajaan kumbang.
- (c) Perumitan – Ibu Farhani bersedih atas kehilangan Farhani. Peristiwa kehilangan Farhani dan Kim Yong yang dikaitkan dengan kejadian mereka keluar mencari kumbang telah

menjadi perbualan masyarakat setempat dan seluruh rakyat Malaysia. Cikgu Salimah berasa bersalah atas kehilangan Farhani. Dia mengajak murid-muridnya menjejaki kehilangan misteri Farhani di dusun datuk Farhani. Di dusun datuk Farhani, mereka telah menemukan sebuah rumah usang. Haikal, Devnath, dan Wei telah bertekad untuk kembali semula ke rumah usang itu pada malamnya untuk menjejaki kehilangan Farhani di ruang bawah tanah di rumah usang itu setelah mereka menemukan sapu tangan milik Farhani di situ. Sementara itu, Farhani yang tersilap melangkah ke alam dimensi kumbang telah ditawan oleh tentera Komander Caucasus. Dia dibawa oleh kumbang Bara untuk menghadap Maharaja Tanduk di sebuah istana. Selepas itu, Farhani telah dikurung di dalam tabung uji di sebuah makmal rahsia yang akhirnya menemukannya dengan Kim Yong. Komander Caucasus dan tenteranya berniat jahat dengan cuba merampas takhta kerajaan kumbang daripada Maharaja Tanduk. Dia mengarahkan tenteranya untuk memburu, menangkap dan membunuh Puteri Coleoptera dan para pengikutnya. Hal ini menyebabkan Puteri Coleoptera dan pengikut setianya terpaksa berpindah-randah untuk mengelakkan diri mereka menjadi mangsa kekejaman Komander Caucasus. Puteri Coleoptera memohon bantuan mereka berdua untuk menumpaskan Komander Caucasus yang kejam dan tidak berhati perut itu. Sementara itu, Haikal, Devnath dan, Wei telah memasuki dimensi kerajaan kumbang menyebabkan mereka ditangkap oleh tentera kumbang Bara.

- (d) Klimaks – Haikal, Devnath, dan Wei telah ditangkap sekali lagi dan ditawan oleh tentera Komander Caucasus bersama-sama dengan Puteri Coleoptera dan Bara, tetapi Farhani dan Kim Yong berjaya menyembunyikan diri masing-masing. Maharaja Caucasus yang telah menaiki takhta kerajaan kumbang dengan cara menggulingkan Maharaja Tanduk itu berasa amat marah apabila Kim Yong dan Farhani gagal ditangkap. Maharaja Caucasus mengarahkan tenteranya segera mencari Kim Yong dan Farhani yang amat diperlukan untuk dijadikan bahan uji kaji bagi mencapai impiannya menakluki dunia dan manusia.
- (e) Peleraian – Pada suatu malam, Farhani, Kim Yong, Dara Merah, kunang-kunang, dan pengikut mereka telah melancarkan serangan dan ternyata mereka berjaya menewaskan Komander Caucasus yang kejam dan para tenteranya. Mereka juga berjaya membebaskan Puteri Coleoptera, Bara, Maharaja Tanduk dan tiga orang rakannya, Haikal, Wei dan Devnath dengan selamat. Komander Caucasus, Dara Bintik dan para tenteranya telah dipenjarakan. Puteri Coleoptera telah ditabalkan sebagai pemerintah kerajaan kumbang yang baharu. Puteri Coleoptera terhutang budi atas kerjasama dan bantuan daripada Farhani dan empat orang rakannya. Farhani dan empat orang rakannya telah dibenarkan pulang ke pangkuan keluarga masing-masing. Namun begitu, mereka kecewa apabila kepulangan mereka tidak dapat dilihat oleh ahli keluarga masing-masing disebabkan mereka telah menjadi halimunan. Setelah kata sepakat diambil, Farhani dan empat orang rakannya telah kembali ke dunia kerajaan kumbang. Setelah meminum serum yang diberikan oleh Bara, akhirnya mereka berjaya kembali menjadi manusia asal dan pulang ke pangkuan keluarga masing-masing dengan selamat. Berita kepulangan mereka telah mendapat liputan yang meluas daripada syarikat media cetak dan media elektronik. Namun begitu, mereka bersepatat untuk merahsiaikan cerita sebenar mereka yang menjadi tawanan Komander Caucasus daripada kerajaan kumbang itu.

#### Teknik Plot

- (a) Pemerian. Contohnya, pengarang memerihalkan keadaan zoo mini kepunyaan Kim Yong yang menempatkan berbagai-bagai spesies kumbang.
- (b) Dialog. Contohnya, perbualan antara Puan Asmah, iaitu ibu Farhani dengan Mira dan Chea Mei ketika Mira dan Chea Mei berkunjung ke rumah Farhani. Dalam pertemuan itu, Mira menyatakan hajatnya dan Chea Mei untuk berjumpa dengan Farhani tetapi niat baik mereka itu telah mengundang perasaan hairan kepada Puan Asmah.
- (c) Imbas kembali. Contohnya, Farhani teringat semula tentang kisah Puteri Balqis yang pernah diceritakan oleh Ustazah Hamizah.



- (d) Imbas muka. Contohnya, Farhani membayangkan tindakan Komander Caucasus yang akan meratah mentah-mentah dagingnya dan Kim Yong sekiranya misi yang diketuai oleh Bara itu menemui kegagalan dan mereka berjaya ditawan sekali lagi oleh Komander Caucasus itu.
- (e) Saspens. Contohnya, pembaca tertanya-tanya tentang tahap keselamatan Farhani dan kejadian yang bakal dialaminya sewaktu Farhani masuk ke dalam rumah usang di dalam kawasan dusun datuknya secara berseorangan pada pertama kalinya.
- (f) Kejutan. Contohnya, pembaca tidak menyangka akan peristiwa Haikal yang terjumpa sapu tangan berwarna merah jambu berhuruf 'F' milik Farhani di ruangan bawah tanah rumah usang. Pembaca juga tidak menyangka bahawa Haikal berani untuk menjejaki kehilangan Farhani bersama dengan Devnath dan Wei di ruangan bawah tanah rumah usang itu walaupun mereka sebenarnya tidak mengetahui kejadian sebenar dan bahaya yang bakal menunggu kedatangan mereka itu.
- (g) Teknik monolog. Contohnya, Farhani bermonolog sendirian dengan memujuk dirinya bahawa dia bukanlah seorang penakut memandangkan dia merupakan anak kepada renjer hutan.

#### Latar

##### Latar Tempat

- (a) Rumah Kim Yong.
- (b) Rumah Farhani.
- (c) Rumah usang/lama.
- (d) Pinggir dusun datuk Farhani.
- (e) Sekolah Menengah Seri Kencana.
- (f) Ruangan bawah tanah rumah usang.
- (g) Terowong gelap yang bercabang-cabang.
- (h) Balang kaca tabung uji yang besar.
- (i) Kota kerajaan kumbang.
- (j) Mahligai Maharaja Tanduk.
- (k) Makmal Kerajaan Kumbang.
- (l) Mahligai Maharaja Caucasus.

##### Latar Masa

- (a) Setiap hari.
- (b) Waktu subuh.
- (c) Waktu siang.
- (d) Waktu pagi.
- (e) Waktu petang.
- (f) Waktu malam.
- (g) Pukul 2:30 petang.
- (h) Pukul 5:30 petang.
- (i) Pukul 8:00 malam.

##### Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang mengamalkan nilai kasih sayang dalam kehidupan.
- (b) Masyarakat yang rajin menimba ilmu sains.
- (c) Masyarakat yang gigih menghadapi cabaran dan dugaan hidup.
- (d) Masyarakat yang prihatin terhadap soal keselamatan murid.
- (e) Masyarakat yang berdedikasi dalam menjalankan tugas.
- (f) Masyarakat yang hormat-menghormati antara satu dengan yang lain tanpa mengira kaum dan agama.
- (g) Masyarakat yang bekerjasama dan saling menolong ketika saat getir.
- (h) Masyarakat kumbang yang berani menggadaikan nyawa untuk menyelamatkan nyawa manusia dan kumbang yang lain.
- (i) Masyarakat yang taat akan perintah agama.
- (j) Masyarakat yang menghargai budaya dan warisan bangsa.
- (k) Masyarakat yang baik hati terhadap orang lain.

##### Gaya Bahasa

- (a) Kosa kata nama-nama saintifik pelbagai spesies kumbang. Contohnya, *Lampyridae*; *Chalcosoma Caucasus*; *Coccinellidae*; *Weevil*; *Chrysomelidae*; dan *Cicindelidae*.
- (b) Bahasa Arab. Contohnya, *Insya-Allah*; *Alhamdulillah*; *Assalamualaikum*.
- (c) Bahasa Istana. Contohnya, *tuanku*; *beta*.
- (d) Peribahasa. Contohnya, *sudah gaharu cendana pula*; *Bapa borek anak rintik*.

- (e) Simile. Contohnya; *Bunyi ranting-ranting yang dipijak umpama muzik mengiringi langkah mereka*.
- (f) Sinkope. Contohnya, *Cikgu, boleh tak kalau kita balik saja*.
- (g) Repetisi. Contohnya, *Hilang? Hilang ke mana? Dia diculikkah? Diculik siapa?*
- (h) Perlambangan. Contohnya, *Ada butiran jernih yang hampir gugur dari matanya*.

#### Nilai

- (a) Baik hati. Contohnya, Farhani menghulurkan air minuman yang diisi di dalam tempurung kelapa yang cantik kepada Kim Yong yang begitu dahaga dan keletihan sewaktu mereka tiba di sebuah hutan selepas melarikan diri bersama-sama dengan Bara dan Dara Bintik dari makmal rahsia yang dikuasai oleh Komander Caucasus dan tenteranya.
- (b) Hemah tinggi. Contohnya, Puan Asmah melayani kunjungan Mira dan Chea Mei ke rumahnya dengan begitu mesra dan ramah.
- (c) Hormat-menghormati. Contohnya, walaupun berlainan agama dan bangsa, Devnath dan Wei memahami dan amat menghormati cara hidup Haikal sebagai seorang muslim apabila mereka faham kelewatan Haikal tiba ke tempat mereka berkumpul disebabkan Haikal menunaikan solat isyak terlebih dahulu.
- (d) Kasih sayang. Contohnya, Puan Lee, iaitu ibu Kim Yong amat bersedih dengan kehilangan anak tunggalnya yang dilaporkan hilang sewaktu pergi mencari kumbang di kawasan pinggir hutan di kampungnya.
- (e) Keberanian. Contohnya, Dara Merah berani menyamar sebagai Dara Bintik untuk menundukkan Maharaja Caucasus yang gagah walaupun Dara Merah hanyalah seekor kumbang betina.
- (f) Kebijaksanaan. Contohnya, Farhani menggunakan semburan *Endosulfan* untuk menewaskan Dara Bintik dan pasukan tentera Caucasus.
- (g) Kepatuhan. Contohnya, Bara dan Dara Merah merupakan koloni kumbang yang patuh dan setia kepada ketua mereka, Puteri Coleoptera apabila sanggup berkorban apa-apa sahaja untuk menyelamatkan ketua mereka itu.
- (h) Kerjasama. Contohnya, Kim Yong, Farhani, Dara Merah, kunang-kunang, dan ahli-ahli kumbang yang lain bekerjasama dan bermuafakat dalam misi mereka untuk menyelamatkan Puteri Coleoptera, Bara, dan rakan-rakannya yang telah menjadi tawanan Maharaja Caucasus.
- (i) Ketabahan. Contohnya, Farhani tabah menghadapi saat-saat dia ditawan oleh Komander Caucasus dan pasukan tenteranya dengan menurut sahaja arahan kumbang-kumbang tersebut demi keselamatan nyawanya.

#### Pengajaran

- (a) Kita hendaklah gigih menempuh sebarang cabaran dan rintangan. Contohnya, Farhani gigih berdepan dengan berbagai-bagai cabaran seperti peristiwa dia terpaksa menyelamatkan diri daripada menjadi orang tawanan tentera Caucasus dan peristiwa dia dan empat orang sahabatnya yang gigih berikhtiar untuk pulang ke pangkuan keluarga masing-masing dengan selamat.
- (b) Kita mestilah menyayangi ahli keluarga kita. Contohnya, Puan Lee, iaitu ibu Kim Yong amat bersedih dengan kehilangan anak tunggalnya yang dilaporkan hilang sewaktu pergi mencari kumbang di kawasan pinggir hutan di kampungnya.
- (c) Kita hendaklah rajin membuat rujukan sebagai persediaan awal menghadapi satu-satu tugas. Contohnya, Farhani rajin mencari maklumat berkaitan spesies kumbang melalui laman sesawang sebagai persediaan awal untuk memudahkan tugasannya mengenal pasti kepelbagaian spesies kumbang tersebut kelak.
- (d) Kita perlulah mengamalkan sikap baik hati sesama insan. Contohnya, Farhani menghulurkan air minuman yang diisi di dalam tempurung kelapa yang cantik kepada Kim Yong yang begitu dahaga dan keletihan sewaktu mereka tiba di sebuah hutan selepas melarikan diri bersama-sama dengan Bara dan Dara Bintik dari makmal rahsia.
- (e) Kita hendaklah mencintai dan berbangga akan budaya dan warisan bangsa. Contohnya, nenek Chea Mei sangat berbangga akan dirinya yang berketurunan baba dan nyonya. Dia mahir dalam ilmu sulaman dan sentiasa memakai pakaian tradisional yang diadaptasi daripada pakaian Melayu, iaitu kebaya nyonya.

- (f) Kita perlulah melayan tetamu yang datang ke rumah dengan sopan santun. Contohnya, Encik Adnan dan Puan Asmah melayani kunjungan Cikgu Salimah ke rumah mereka dengan begitu mesra dan ramah.
- (g) Kita hendaklah yakin akan kebolehan diri sendiri tanpa perlu bergantung pada orang lain. Contohnya, walaupun seorang gadis, Farhani berusaha mencari kumbang di dusun milik datuknya bersama-sama dengan Mira dan Chea Mei tanpa meminta khidmat bantuan sama ada daripada rakan lelaki sekelasnya, abang, atau ayahnya.

## 2

### Chot (Azizi Haji Abdullah)

Edisi: Melaka, Pahang, Terengganu, dan Kelantan

#### Sinopsis

Novel ini mengisahkan seorang kanak-kanak bernama Alias yang memiliki seekor beruk bernama Chot. Hubungan antara Alias dengan Chot sangat rapat kerana Alias amat mengharapkan Chot untuk membantunya menyara kehidupannya dan ibunya. Ibu Alias mengalami lumpuh, manakala ayahnya telah meninggal dunia sejak lima tahun yang lalu akibat terjatuh semasa memanjat pokok kelapa. Chot merupakan peninggalan arwah ayahnya yang telah dilatih untuk memetik buah kelapa.

Alias tinggal dan membesar di Kampung Dingin. Dia tinggal di sebuah rumah yang sangat usang kerana hanya beratapkan daun rumbia, berdinginkan buluh, papannya pula sudah dimakan anai-anai, manakala tangganya diperbuat daripada batang kayu dan tempinis lama. Mujurlah Mak Su Kiah, iaitu jiran Alias seorang yang baik hati dan selalu menghantar makanan untuk mereka.

Som ialah jiran dan sahabat Alias yang paling rapat serta memahaminya. Mereka bersekolah di sekolah yang sama. Cabaran hidup Alias bertambah rumit apabila Cikgu Sunan, iaitu guru mata pelajaran Matematik telah menengkingnya sehingga membuatkan Alias terkejut dan jatuh terlentang. Telinga Alias terkena pada bucu meja rakannya. Akibatnya, telinga Alias bengkok dan bermanah serta berbau busuk. Alias mengambil keputusan untuk tidak datang ke sekolah kerana berasa malu.

Chot pernah hilang sebanyak dua kali. Alias mencarinya di sekeliling kawasan kampung kerana dia amat sayang akan beruknya itu. Alias dan Chot mengambil upah dengan memetik buah kelapa di kebun Pak Din, iaitu ayah Som. Upah memetik buah kelapa itu telah digunakan oleh Alias untuk membeli barangan dapur bagi menyara kehidupannya dan ibunya. Alias dan Chot selalu diusik oleh Budin, Kamal, dan Talib semasa memetik buah kelapa. Pada masa yang sama, Chot telah dituduh menceroboh kebun Miah dan merosakkan setandan pisang miliknya. Pak Din berusaha untuk mententeramkan keadaan dan berjanji akan membayar ganti rugi atas kerosakkan tersebut. Rupa-rupanya beruk yang merosakkan kebun pisang Miah itu bukanlah Chot.

Cikgu Sunan berasa bertanggungjawab atas tindakannya yang menyebabkan Alias jatuh terlentang sehingga telinganya bengkok dan bermanah. Dia telah meminta bantuan Som untuk menunjukkan lokasi rumah Alias. Kehadiran Cikgu Sunan ke rumah Alias adalah untuk bertanyakan sebab Alias tidak datang ke sekolah sedangkan peperiksaan akhir akan bermula tidak lama lagi. Chot yang berada di atas pokok langsung berasa kurang senang akan kehadiran Cikgu Sunan. Alias yang baru pulang sambil membawa dua biji buah kelapa bersalaman dengan Cikgu Sunan. Cikgu Sunan ingin melihat telinga Alias yang bengkok dan bermanah itu.

Semasa Cikgu Sunan melihat telinga Alias, Chot yang berada di atas dahan pokok langsung telah meronta-ronta sehingga rantai yang mengikatnya putus. Chot menerkam dan menggigit lengan Cikgu Sunan. Alias cuba untuk melepaskan lengan Cikgu Sunan daripada gigitan Chot tetapi gagal. Alias mengambil lembingnya lalu merodok perut Chot hingga menyebabkan Chot terlukai dan mati. Alias berasa amat sedih kerana beruk yang selama ini membantunya mencari rezeki telah mati dan dia tidak dapat ke sekolah lagi. Cikgu Sunan menenangkan Alias dan berjanji akan menanggung segala kos persekolahannya sehinggalah dia memasuki universiti. Alias menguburkan Chot di tepi pokok langsung dan mencacahkan papan yang tertulis "Tunggu aku di pintu universiti, Chot". Alias memberitahu ibunya tentang hasratnya untuk ke sekolah pada hari esok.

#### Inti Pati Bab

##### Chot Tidak Ada

- Pada waktu pagi, Alias telah dikejutkan oleh ibunya untuk bangun, mandi dan bersembahyang subuh sebelum bersiap-siap hendak ke sekolah.
- Alias meminta keizinan daripada ibunya untuk pergi ke sekolah namun dia mendapati Chot tiada. Hal ini menyebabkan Alias berasa tidak menentu dan terus mencari Chot di sekitar perdu pokok langsung di tepi rumahnya dan di sekeliling kampung walaupun sedar dia akan lewat datang ke sekolah.
- Alias berlari-lari hingga sampai di simpang jalan tempat Som menunggunya. Dia memberitahu Som bahawa Chot hilang.
- Alias menyuruh Som pergi ke sekolah dahulu kerana dia mahu meneruskan usaha mencari Chot di sekeliling kampung.
- Chot yang merupakan seekor beruk itu adalah nyawanya serta punca pendapatannya untuk ke sekolah dan untuk perbelanjaan ibunya.

##### Pastilah Tidak Datang

- Setibanya di sekolah, Som melihat rakan-rakannya yang lain sedang berbaris di perhimpunan. Cikgu Sunan merupakan guru bertugas pada minggu itu dan dia dibantu oleh pengawas sekolah.
- Som masuk ke dalam barisan darjah lima. Dia masih tertanya-tanya sama ada Alias akan datang ke sekolah ataupun tidak. Tambahan pula, Cikgu Sunan sedang memerhatikan barisan kelasnya pada masa itu.
- Semasa di perhimpunan, semua murid mengaminkan doa yang dibaca oleh Ketua Pengawas. Cikgu Sunan menegur sikap murid yang tidak menghayati doa yang dibacakan pada setiap awal minggu.
- Cikgu Sunan digambarkan sebagai seorang guru yang sangat garang. Dia memarahi murid yang bermain-main di sekitar keretanya dan mencalar kereta Volvo miliknya.
- Sikap murid yang membuang sampah dan berbuat bisung di dalam kelas semasa ketiadaan guru juga telah ditegur oleh Cikgu Sunan.
- Cikgu Sunan pernah bertanya kepada Som dan Alias ketika mereka pulang dari sekolah kelmarin apabila mendapati terdapat kesan calar pada pintu depan keretanya itu. Som berasa hairan akan sikap Cikgu Sunan yang sering bertanya kepada Alias setiap kali berlakunya perkara yang tidak baik.
- Som bergerak mengikut barisan menuju ke kelasnya. Som berasa susah hati kerana dia pasti Alias tidak akan datang ke sekolah.

##### Chot Terus Menghilang

- Alias telah mencari Chot di merata-rata tempat termasuk di sekitar kebun Pak Din, kebun pisang Mak Miah, ke hujung kampung, pinggir sungai, dan di tepi sawah tetapi masih tidak menemuinya. Alias memanggil nama Chot berulang-ulang kali. Alias sedar, jika Chot tidak dijumpai dia pasti akan susah nanti.
- Dalam perjalanan, Alias telah bertembung dengan Salleh dan Hamad yang sedang membawa raga berisi kelapa masak pada belakang basikal mereka.
- Alias sempat bertanya kepada Salleh dan Hamad tentang beruknya itu, tetapi diketawakan oleh mereka. Mereka menyuruh Alias mengurung beruknya di dalam kelambu bagi mengelakkan Chot hilang.
- Alias mengambil keputusan untuk ke sekolah apabila menyedari waktu sudah lewat dan dia sanggup dimarahi oleh Cikgu Sunan.

##### Kena Marah, Diejek

- Cikgu Sunan sedang mengajar mata pelajaran Matematik di dalam kelas Som. Sebanyak dua puluh soalan Matematik telah diberi dan semua murid dikehendaki untuk menyalin dan menjawab soalan tersebut.
- Cikgu Sunan berjalan di dalam kelas sambil memerhatikan murid yang sedang menjawab soalan. Som berasa takut sekiranya Cikgu Sunan bertanya tentang Alias. Tiba-tiba Alias muncul di depan pintu kelas dengan memberi salam tetapi tidak dijawab oleh Cikgu Sunan.
- Alias dipanggil oleh Cikgu Sunan untuk bertanyakan sebab dia lewat tiba di sekolah. Alias berasa takut untuk memberitahu hal yang sebenar kepada Cikgu Sunan.

- Cikgu Sunan berasa marah kerana pertanyaannya yang berulang kali itu tidak mendapat jawapan daripada Alias.
- Akhirnya Alias berterus terang dengan mengatakan beruknya telah hilang dan dia mencari beruknya itu di sekeliling kampung sebelum ke sekolah.
- Cikgu Sunan mengatakan bahawa Alias lebih mementingkan beruknya berbanding pelajaran. Alias memberitahu bahawa dia amat menyayangi beruknya itu. Jawapan Alias itu menyebabkan Cikgu Sunan berasa marah hingga menjerit memarahi Alias.
- Pandangan Alias menjadi berpinar-pinar hingga dia terdorong ke belakang dan jatuh terlentang. Telinga kanan Alias terkena bucu meja murid. Alias bangun semula. Dia berasa sakit yang berdenyut-denyut dalam telinganya.
- Cikgu Sunan keluar dari kelas itu dengan perasaan marah dan kesal. Semasa rehat, semua murid berebut-rebut ke kantin namun Alias masih berdiri di tempat tadi untuk menunggu arahan daripada Cikgu Sunan.
- Setelah dibenarkan keluar, Alias hanya duduk di bawah pokok bidara yang rendah. Dia makan sebungkus nasi lemak yang diberi oleh Som. Som bersimpati kepada Alias yang sudah pasti akan diejek oleh kawan-kawannya apabila masuk ke kelas nanti.

#### **Chot Sembunyi di Pokok Cenerai**

- Alias tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian di dalam kelas kerana telinganya sakit. Dia hanya melihat papan tulis sambil menahan kesakitan dan sedaya-upaya tidak menunjukkan apa-apa reaksi.
- Selepas loceng sekolah yang menandakan waktu pulang berbunyi, Alias dan Som diarahkan oleh Cikgu Sunan untuk membuang pasir-pasir di getah tempat pemijak kaki keretanya.
- Alias tidak berasa marah akan Cikgu Sunan, sebaliknya berbangga kerana Cikgu Sunan menyuruh mereka melakukan tugas itu dan bukannya murid lain.
- Som berasa geram kepada Alias kerana masih mahu mengambil hati Cikgu Sunan walaupun sudah jatuh akibat dimarahi oleh cikgunya itu.
- Dalam perjalanan pulang ke rumah, Som ternampak daun pokok cenerai bergoyang-goyang. Som melihat Chot sedang mengintai-intai di celah-celah ranting dan daun pokok itu.
- Som memberitahu Alias tentang hal tersebut. Alias berasa sangat gembira dan memanggil Chot serta memujuknya supaya turun dari pokok. Chot mengikut Alias pulang ke rumahnya.

#### **Denyut Semakin Terasa**

- Alias segera ke pokok langsung untuk mengambil tiga biji pisang untuk Chot. Dia juga mengikat semula rantai Chot yang terputus dengan menggunakan dawai buruk sepanjang sejengkal.
- Alias bercakap dengan Chot sambil menasihati agar Chot tidak memutuskan rantai itu lagi pada masa akan datang.
- Ibu Alias yang sedang tidur menyedari Alias sudah pulang. Ibunya sudah lama menghidap sakit lumpuh.
- Kehadiran Mak Su Kiah yang datang membawa sepinggan nasi dan semangkuk gulai telah mematkan hasrat Alias untuk memasak. Mak Su Kiah ialah jiran sebelah rumah Alias yang sudah kematian suami.
- Mak Su Kiah seorang yang mengambil berat terhadap kehidupan Alias dan ibunya. Kebaikan yang dilakukan oleh Mak Su Kiah itu menyebabkan ibu Alias berasa amat terhutang budi kepadanya.
- Alias sempat bertanya kepada Mak Su Kiah tentang kelapa masak kerana petang itu dia dan Chot akan pergi memetik kelapa. Alias bergantung harapan kepada Chot untuk mencari rezeki setelah kematian ayahnya lima tahun yang lalu akibat terjatuh dari pokok kelapa.
- Tiba-tiba Alias terasa lubang telinganya berdengung-dengung dan semakin sakit. Dia perlu membawa Chot memetik buah kelapa kerana barang-barang dapur seperti beras, ikan kering gelama, dan minyak masak sudah hampir habis.

#### **Nak Ambil Hati Chot**

- Alias mengambil keputusan untuk membenarkan Chot berehat. Dia telah menukar rantai leher Chot. Chot melompat ke atas bahu kanan Alias tetapi Alias mengalih kedudukan beruknya itu ke bahu kirinya. Dia bimbang Chot tersentuh cuping telinganya yang sakit.

- Alias dan Chot lalu di hadapan rumah Som dan mengharapkan Som akan mengikut mereka ke sungai. Namun demikian, hasratnya tidak tercapai kerana Som tidak kelihatan di rumahnya itu.
- Setibanya di sungai, Chot enggan mengikut Alias untuk mandi kerana takut akan air. Chot ditambah pada tiang kayu tempeneh sementara dia mandi. Namun tidak lama kemudian, Alias membuka ikatan rantai pada Chot lalu memandikannya.
- Som datang sambil membawa sebiji pisang bunga untuk diberikan kepada Chot. Selesai mandi, Alias menambat Chot semula pada tiang kayu tempeneh.
- Dalam perjalanan pulang ke rumah, Som bertanya kepada Alias sama ada dia pergi ke sekolah keesokannya atau tidak. Alias menyatakan ketidakpastiannya dengan memberikan alasan bahawa dia kurang sihat.
- Som mengetahui sebenarnya Alias berasa sakit akibat telinganya terkena bucu meja pada tengah hari itu. Alias berharap agar Som tidak memberitahu hal tersebut kepada orang lain.

#### **Sakit Semakin Menjadi-jadi**

- Alias dilahirkan di Kampung Dingin. Pekerjaan penduduk di sana adalah tidak tetap, ada yang menjadi penoreh, mencari buluh, dan mencari pucuk ulam. Penduduk kampung tidak akan melakukan apa-apa kegiatan pada waktu malam melainkan sesetengahnya belajar bersilat.
- Menjelang jam 10 malam, Alias selesai membaca al-Quran juzuk yang ketiga. Som tidak datang ke rumahnya untuk mengaji bersama-sama Alias pada malam itu.
- Alias masih berasa sakit pada telinga kanannya. Alias meniarap di sisi ibunya sambil membuat kerja Matematik yang diarahkan oleh Cikgu Sunan.
- Alias berhasrat untuk memberitahu ibunya bahawa dia tidak dapat hadir ke sekolah keesokannya, tetapi niatnya itu dibatalkan kerana tidak mempunyai alasan yang kukuh.
- Denyutan di telinga Alias semakin kuat dan Alias berasa seperti ada benda berair yang hendak meleleh keluar dari telinganya itu. Alias menyimpan buku latihannya ke dalam beg. Alias tidur di sebelah ibunya sambil menahan kesakitan.
- Alias membayangkan Cikgu Alias berdiri di hadapan kelas sambil bertanyakan sebab dia tidak hadir ke sekolah. Lamunannya terhenti apabila ibunya memadamkan lampu pelita minyak tanah. Akhirnya Alias tertidur dalam kesakitan.

#### **Bersama-sama Chot Memetik Kelapa**

- Pada pagi itu Alias bangun lewat walaupun sudah dikejutkan oleh ibunya. Hal ini demikian kerana telinganya masih berasa sakit. Dia ingin memberitahu perkara itu kepada ibunya tetapi tidak tahu alasan yang boleh diberikan.
- Alias mengambil keputusan untuk tidak pergi ke sekolah kerana ingin memetik buah kelapa bersama-sama dengan Chot. Ibu Alias menasihatnya agar tidak kerap ponteng sekolah.
- Alias sememangnya tidak mahu ponteng sekolah dan dia mahu belajar bersungguh-sungguh. Cikgu Sunan juga pernah memujinya dalam mata pelajaran Matematik.
- Mak Su Kiah menegur Alias yang sudah bersedia untuk pergi memetik kelapa bersama dengan Chot. Mak Su Kiah akan menghantar nasi ke rumah Alias pada tengah hari nanti. Dia juga berasa simpati akan kesusahan hidup yang ditanggung oleh Alias dan ibunya.

#### **Sakit Telinga Semakin Menjadi-jadi**

- Alias memetik buah kelapa di kebun Pak Din bersama-sama dengan Chot. Pak Din digambarkan sebagai seorang yang sangat baik. Oleh itu, Som juga menjadi baik seperti ayahnya.
- Pak Din gemar memilih Alias untuk menguruskan buah kelapa di kebunnya walaupun terdapat pemanjat pokok kelapa lain seperti Said Capik di kampung itu. Hal ini demikian kerana dia bersimpati terhadap Alias.
- Alias memilih pokok kelapa yang sesuai lalu mengarahkan Chot supaya memanjat pokok tersebut. Alias mempelajari cara untuk mengarahkan Chot memanjat dan memetik kelapa daripada arwah ayahnya.
- Alias merasakan telinganya semakin berdenyut kuat dan mendapati ada nanah busuk yang keluar dari telinganya. Dia berfikir sama ada dia mampu meneruskan kerja memetik buah kelapa ataupun tidak. Hal ini demikian kerana dia bimbang keadaan telinganya itu menjadi lebih teruk. Namun demikian, Alias teringat akan barang-barang di dapur rumahnya yang sudah hampir habis.



- Alias mengambil keputusan untuk berehat selama lima belas minit sambil cuba membaca buku sekolah yang dibawanya.
- Tiba-tiba muncul Budin, Kamal, dan Talib yang meminta buah kelapa muda. Alias tidak mengendahkan permintaan itu kerana Pak Din menyuruh dia memetik buah kelapa tua sahaja.
- Kamal mengambil sebiji kelapa milik Pak Din yang agak muda lalu menakik-nakik buah kelapa itu untuk diminum. Alias tidak dapat menghalang perbuatan Kamal.
- Selepas ketiga-tiga pemuda kampung itu beredar, Alias merungkai tali yang menambat Chot. Alias tidak berdaya untuk mengangkat dan mengumpulkan lapan biji kelapa yang telah dipetik kerana telinganya semakin sakit. Alias mengambil keputusan untuk pulang bersama-sama dengan Chot.

#### Dapat Upah Memetik Kelapa

- Setibanya di rumah, Alias terdengar ibunya batuk-batuk dari dalam rumah. Ibunya menganggap tindakan Alias memetik buah kelapa pada pagi itu adalah kerana Alias mahu membalas dendam terhadap Chot yang bertindak melarikan diri.
- Alias mencadangkan agar ibunya minum air kelapa untuk mengurangkan batuknya. Sebaik-baik sahaja Alias hendak menuruni tangga rumahnya, Mak Su Kiah datang membawa nasi dan lauk untuk Alias dan ibunya.
- Alias pergi ke rumah Pak Din untuk meminta Pak Din membelikan ubat batuk untuk ibunya dan memberitahu jumlah buah kelapa yang telah dipetik.
- Semasa menunggu Pak Din, Som menceritakan tentang Cikgu Sunan yang bertanyakan sebab Alias tidak hadir ke sekolah. Som menasihati Alias agar hadir ke sekolah dan membawa wang sebanyak tiga ringgit untuk derma PIBG.
- Pak Din memberi Alias sebanyak lima belas ringgit sebagai upah dia memetik buah kelapa.

#### Ibu Sudah Tahu

- Selepas berjumpa dengan Pak Din, dia singgah di kedai Ah Chai untuk membeli beras, gula, kopi, ikan gelama, dan dua biji pisang untuk Chot.
- Alias menceritakan perihal Pak Din yang memberikan upah sebanyak lima belas ringgit sebagai upah memetik kelapa kerana ibunya berasa hairan apabila dia mempunyai wang sebanyak itu. Dia juga memberitahu bahawa Pak Din akan membelikan ubat batuk untuk ibunya.
- Ibu Alias terhidu bau busuk dan mendapati bau busuk tersebut datang daripada telinga Alias yang bermanah. Dia menyuruh Alias menyapukan minyak angin pada telinganya.
- Alias berasa bimbang sekiranya bau busuk tersebut akan menyebabkan Som tidak mahu berkawan dengannya dan rakan-rakannya yang lain sudah pasti akan mengejeknya nanti. Namun Alias yakin bahawa Chot akan tetap berkawan dengannya.

#### Terus Tidak ke Sekolah

- Sudah seminggu Alias tidak hadir ke sekolah sejak telinganya bengkak dan bermanah. Namun demikian, dia akan pergi ke rumah Som untuk menyalin nota dan kerja rumah.
- Alias membuat pelbagai andaian kerana sedar bau busuk itu akan menyebabkan dia diejek oleh kawan-kawannya, termasuklah Cikgu Sunan.
- Dia bimbang jika Cikgu Sunan menyuruhnya pergi ke klinik di pekan yang jauh itu dan risau sekiranya dia tidak dapat hadir pada hari peperiksaan disebabkan nanah di telinganya yang meleleh.

#### Pertanyaan yang Mendebarkan

- Cikgu Sunan bertanya kepada Som tentang sebab Alias sudah lebih seminggu tidak hadir ke sekolah memandangkan rumah Alias berdekatan dengan rumahnya.
- Cikgu Sunan menasihati murid-murid di dalam kelasnya supaya tidak bersikap seperti Alias yang sering bersama-sama dengan beruknya.
- Cikgu Sunan juga menuduh Som yang dikatakan berkawan dengan Alias dan lama-kelamaan akan menjadi seperti kawannya itu hingga menyebabkan Som berasa malu.
- Tiba-tiba Guru Besar datang dan memanggil Cikgu Sunan ke biliknya.

#### Guru Besar Mulai Bimbang

- Guru Besar mendapati Alias tidak hadir lebih dari lima hari berdasarkan rekod buku kedatangan kelas. Dia bertanyakan hal itu kepada Cikgu Sunan. Cikgu Sunan menyatakan bahawa dia tidak mengetahui sebabnya walaupun sudah bertanya kepada Som.

- Guru Besar sedia maklum perihal Alias sebagai seorang murid yang miskin dan kematian ayah. Namun dia tidak mengetahui perihal ibu Alias yang sakit lumpuh dan perihal Alias mempunyai seekor beruk kerana perkara tersebut dirahsiakan.
- Guru Besar amat sayang akan Alias berbanding dengan Cikgu Sunan. Dia mengarahkan Cikgu Sunan agar menyiasat hal tersebut.
- Tiba-tiba mereka digemparkan dengan kehadiran beruk di belakang hutan sekolah. Ada yang menyangkakan beruk itu ialah beruk Alias dan ada pula yang mengarahkan agar beruk itu ditembak.
- Som mengatakan beruk itu bukanlah beruk Alias kerana dia amat mengenali Chot. Akhirnya, semua murid diarahkan untuk beredar dan Cikgu Sunan meminta Som menunjukkan rumah Alias pada hari esok atau lusa.

#### Salah Sangka

- Alias dan Chot tidak kelihatan di rumah menyebabkan ibunya tertanya-tanya akan ketiadaan anaknya itu. Kebiasaannya, Alias akan memberitahu ibunya apabila hendak ke mana-mana.
- Mak Su Kiah datang membawa nasi dan gulai untuk mereka. Tiba-tiba Miah dan Budin datang ke rumah Alias dengan membawa setandan pisang emas yang sudah rosak.
- Dalam keadaan marah-marah, Miah menuduh Chot telah merosakkan pisang di kebunnya lalu meminta ganti rugi.
- Ibu Alias berasa sedih dan mempertahankan Chot yang tidak akan melakukan perkara itu. Pak Din juga datang ke rumah Alias dan cuba untuk mententeramkan keadaan. Dia berjanji untuk menggantikan pisang yang rosak itu.
- Alias baru sahaja pulang setelah membeli ubat sakit telinganya di pekan. Dia tidak menyangka rantai Chot akan putus sekali lagi.
- Tiba-tiba, Kamal, iaitu rakan Budin muncul dan memberitahu tentang beruk yang merosakkan pisang itu telah mati ditembak.
- Alias terkejut mendengar berita itu dan terus berlari untuk mendapatkan kepastian tentang hal tersebut.
- Di pertengahan jalan, Alias terserempak dengan Som yang memberitahunya bahawa beruk yang mati ditembak itu bukannya Chot.

#### Chot Sudah Balik

- Pada malam itu, Som sahaja yang mengaji, manakala Alias masih berdukacita atas kehilangan Chot buat kali kedua.
- Alias sedar akan kesalahannya yang terlupa memberikan pisang kepada Chot semasa dia pergi ke pekan. Alias memikirkan sudah tentu dia akan mengalami kesusahan kerana ketiadaan Chot.
- Som meminta Alias membantunya membuat latihan Matematik. Som tahu jika Alias tidak mahu ke sekolah, sudah pasti dia tidak akan menduduki peperiksaan akhir nanti. Som cuba untuk memujuk Alias ke sekolah tetapi dia enggan kerana mahu mencari Chot.
- Bau busuk dari telinga Alias yang bermanah menyebabkan Som berasa kurang selesa. Alias berasa tersinggung apabila merasakan seolah-olah Som menghinanya.
- Alias menuruni tangga rumah untuk memanggil Pak Din kerana Som mahu pulang ke rumahnya.
- Tiba-tiba mereka terdengar suara Chot di atas pokok langsung. Alias berasa sangat gembira kerana Chot sudah pulang.

#### Cikgu Sunan Tunjuk Baik

- Tempat duduk Alias telah lama kosong sejak peristiwa dia jatuh terlentang di dalam kelas beberapa hari yang lalu.
- Som bimbang akan dimarahi oleh Cikgu Sunan sekiranya dia tidak dapat menjawab soalan Matematik yang ditanya oleh Cikgu Sunan.
- Som turut bimbang sekiranya Cikgu Sunan bertanya tentang ketidakhadiran Alias kepadanya kerana dia tinggal berdekatan dengan rumah Alias.
- Som telah menyuruh Alias menulis surat untuk mengatakan bahawa dia sakit tetapi tidak dipedulikan oleh Alias. Cikgu Sunan telah memuji-muji Som kerana berjaya membuat latihan yang telah diberikan.
- Cikgu Sunan meninggalkan kelas darjah lima kerana mahu berjumpa dengan Guru Besar. Som diejek oleh rakan-rakannya di dalam kelas yang mengatakan bahawa Som dapat menjawab soalan Matematik disebabkan Som berkawan dengan Alias.
- Som pergi ke tandas kerana berasa malu. Cikgu Sunan menunggu Som di luar tandas dan memintanya untuk menunjukkan rumah Alias selepas tamat waktu persekolahan nanti.

- Som berasa serba salah kerana takut akan dimarahi oleh Alias dan bimbang perkara yang tidak diingini berlaku.
- Cikgu Sunan tidak dapat mengajar seperti biasa kerana ada sesuatu yang merungsingkan fikirannya. Dia juga mendapat tahu bahawa telinga Alias bengkok dan bermanah.

#### Demi Kesayangan...

- Som pulang dari sekolah dengan menumpang kereta Volvo Cikgu Sunan kerana cikgunya itu mahu ke rumah Alias.
- Dalam perjalanan ke rumah Alias, Cikgu Sunan telah mengetahui latar belakang Alias yang tinggal bersama-sama dengan ibunya yang lumpuh dan seekor beruk bernama Chot daripada Som.
- Som tidak mahu ke rumah Alias bersama-sama dengan Cikgu Sunan kerana bimbang akan dimarahi oleh Alias lalu mengambil keputusan untuk turun di suatu titi.
- Setelah sampai di rumah Alias, Cikgu Sunan melihat keadaan kehidupan Alias dan ibunya.
- Cikgu Sunan memberitahu tentang kedatangannya kepada ibu Alias adalah untuk bertanya sebab Alias tidak hadir ke sekolah sedangkan peperiksaan sudah semakin hampir.
- Cikgu Sunan berasa bersalah kerana telah menengking Alias sehingga menyebabkan Alias jatuh terlentang di dalam kelas dan menyebabkan telinga kanan Alias bengkok dan bermanah.
- Dia berasa menyesal kerana tidak memasukkan nama Alias dalam senarai penerima bantuan pakaian juga.
- Alias pulang ke rumah sambil membawa dua biji kelapa tua dan sebuah buku kerja. Alias menghulurkan tangannya untuk bersalaman dengan Cikgu Sunan.
- Cikgu Sunan ingin melihat telinga Alias yang bengkok dan bermanah itu.
- Chot berang melihat keadaan itu lalu menerkam dan menggigit lengan Cikgu Sunan.
- Alias yang terkejut cuba mententeramkan Chot dan melepaskan gigitannya pada lengan Cikgu Sunan tetapi tidak berjaya.
- Alias mengambil lembing lalu merodok lembing itu pada perut Chot menyebabkan Chot terkulai dan mati.
- Alias berasa sangat sedih lalu memeluk Chot. Dia mengatakan bahawa dia tidak mampu lagi untuk bersekolah kerana dia tidak dapat menyara kehidupannya dan ibunya tanpa bantuan Chot.
- Cikgu Sunan berjanji akan membiayai persekolahan Alias sehingga Alias memasuki universiti.

#### Penghormatan Terakhir

- Alias telah mengorek lubang sedalam kira-kira dua kaki untuk menanam Chot yang telah dibalut dengan kain buruk.
- Ibu Alias, Pak Din, Mak Su Kiah, dan Som berasa sedih melihat Alias yang menanam Chot di bawah pokok langsung, tempat Chot ditambat sewaktu Chot hidup.
- Alias mengambil papan sepanjang satu kaki lalu mencacakkannya seperti batu nisan. Pada papan itu tertulis, "Tunggu aku di pintu universiti, Chot". Alias memberitahu ibunya tentang hasratnya untuk ke sekolah pada hari esok.

#### Tema

Kasih sayang yang terjalin sesama makhluk ciptaan Tuhan.

#### Persoalan

- Tanggungjawab seorang anak terhadap ibu.
- Ketaatan terhadap agama.
- Sikap telalu mengikut emosi membawa keburukan.
- Simpati terhadap nasib orang lain.
- Kesetiaan dalam persahabatan.
- Kesungguhan dalam menuntut ilmu.
- Penyesalan atas kesilapan yang telah dilakukan.

#### Watak dan Perwatakan

##### Alias

- Berumur 11 tahun.
- Tinggal bersama-sama dengan ibunya yang lumpuh di Kampung Dingin.
- Bijak.
- Sayang akan haiwan peliharaan.
- Tidak berendam.
- Bertanggungjawab.
- Sanggup berkorban.
- Mementingkan pelajaran.

##### Chot

- Seekor beruk peliharaan Alias.
- Bermata bening, berbulu cering, berekor pendek, dan bergigi putih tajam.
- Tinggal di dalam kotak sabun di atas pokok langsung.
- Beruk yang bijak.
- Takut akan air.
- Setia pada tuannya.
- Beruk yang garang dan ganas.

##### Som

- Berumur 11 tahun.
- Anak bongsu Pak Din.
- Mementingkan persahabatan.
- Pandai menyimpan rahsia.
- Tekun belajar.
- Simpati terhadap rakan.
- Bijak mengawal perasaan.

##### Cikgu Sunan

- Cikgu Sunan memiliki tubuh yang tinggi dan bermisai.
- Dia mempunyai sebuah kereta Volvo.
- Cikgu Sunan berasal dari bandar.
- Dia sudah lima tahun mengajar di sekolah Alias.
- Seorang yang tegas.
- Seorang yang panas baran.
- Seorang guru yang rajin.
- Seorang yang memandang hina terhadap orang lain.
- Seorang yang menghargai jasa orang lain.
- Seorang yang sedar akan kesilapan.

##### Plot

##### Binaan Plot

- Permulaan – Alias merupakan seorang kanak-kanak yang berumur 11 tahun dan tinggal bersama-sama ibunya yang lumpuh. Sebelum pergi ke sekolah, Alias menapis air ketul-ke-tul ubi kayu. Jika tidak membawa bekal, dia hanya membawa air kopi sahaja. Kehidupan Alias sangat miskin. Dia hanya memiliki sebuah beg yang telah koyak dan lusuh yang dihadiahkan oleh Tok Penghulu tiga tahun yang lalu. Alias memiliki seekor beruk kesayangan yang bernama Chot.
- Perkembangan – Semasa Alias hendak ke sekolah, dia mendapati Chot hilang lalu mengambil keputusan untuk mencari Chot di sekeliling kampung. Dia menyedari bahawa dia akan lewat datang ke sekolah dan dimarahi oleh Cikgu Sunan. Usahanya untuk mengesan Chot pada pagi itu telah gagal.
- Perumitan/Konflik – peristiwa bermula semasa Alias berada di sekolahnya. Oleh sebab Alias lewat datang ke sekolah, dia telah dipanggil oleh Cikgu Sunan yang bertanyakan sebab kelewatannya itu. Semasa ditanya, Alias hanya mendiamkan diri kerana takut untuk menjawab pertanyaan Cikgu Sunan. Namun setelah didesak, Alias mengatakan bahawa dia mencari beruknya yang hilang. Jawapan tersebut telah menyebabkan Cikgu Sunan berasa sangat marah dan menengking Alias. Alias yang terkejut telah terjatuh dan telinga kanan Alias terkena bucu meja rakannya sebelum dia jatuh terlentang di atas lantai.
- Klimaks – Cikgu Sunan datang ke rumah Alias dengan bantuan Som. Semasa sedang memeriksa telinga Alias, Chot yang berada di atas dahan pokok langsung telah merontar-ronta hingga rantainya putus lalu menerkam dan menggigit lengan Cikgu Sunan. Alias mengambil lembing, kemudian merodok perut Chot. Chot terkulai dan mati dalam pelukan Alias.
- Peleraian – Cikgu Sunan berjanji untuk membiayai Alias sehingga ke universiti. Alias menguburkan Chot di tepi pokok langsung dan mencacakkan papan yang tertulis, "Tunggu aku di pintu universiti, Chot". Alias bertekad untuk ke sekolah.

##### Teknik Plot

- Dialog. Contohnya, perbualan antara Alias dengan ibunya yang mengadu Chot, iaitu beruk peliharaannya hilang ketika Alias ingin ke sekolah. Ibu Alias menasihatnya agar dia tidak risau akan beruknya itu dan segera pergi ke sekolah sebelum terlewat. Ibunya juga bimbang Som akan menunggunya lama di persimpangan jalan.

- (b) Monolog. Contohnya, Alias bermonolog sewaktu dia tidak mahu ke sekolah kerana berbelah bahagi untuk memberitahu ibunya tentang telinganya yang sakit selepas peristiwa dia dimarahi oleh Cikgu Sunan. Alias membatalkan niatnya untuk memberitahu perkara itu kerana bimbang ibunya akan mengatakan bahawa dia murid yang nakal dan malas.
- (c) Imbas kembali. Contohnya, Alias teringat semula tentang pesanan yang disampaikan oleh Som pada tiga hari lalu, iaitu Pak Din menyuruhnya memetik buah kelapa sebanyak yang mungkin.
- (d) Imbas muka. Contohnya, Som membayangkan perkara yang akan dilakukan oleh rakan-rakan sekelasnya kepada Alias apabila tamatnya waktu rehat selepas peristiwa Alias ditengking oleh Cikgu Sunan.
- (e) Saspens. Contohnya, peristiwa seekor beruk yang merosakkan kebun pisang Budin telah ditembak mati. Badan Alias menjadi lemah kerana menyangkakan beruk yang ditembak mati itu ialah Chot. Pembaca tertanya-tanya sama ada beruk yang ditembak itu Chot ataupun bukan.
- (f) Kejutan. Contohnya, peristiwa Alias yang lewat datang ke sekolah kerana mencari beruknya yang hilang. Cikgu Sunan telah menengking Alias kerana berasa marah apabila Alias memberikan alasan bahawa dia mencari beruknya yang hilang hingga dia lewat datang ke sekolah. Pembaca tidak menyangka bahawa Cikgu Sunan akan menengking Alias sehingga menyebabkan Alias terjatuh dan telinganya terkena bucu meja rakannya.

#### Latar

##### Latar Tempat

- (a) Rumah Alias.
- (b) Pokok langsung.
- (c) Kampung Dingin.
- (d) Kebun kelapa Pak Din.
- (e) Sungai.
- (f) Kedai Ah Chai.

##### Latar Masa

- (a) Waktu pagi.
- (b) Waktu tengah hari.
- (c) Waktu petang.
- (d) Lima tahun yang lalu.
- (e) Lapan hari.

##### Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang sayang akan haiwan peliharaan.
- (b) Masyarakat yang terlalu mengikut perasaan.
- (c) Masyarakat yang berdikari.
- (d) Masyarakat yang berjaya sebagai pendidik.
- (e) Masyarakat yang bersimpati terhadap orang lain.
- (f) Masyarakat yang mementingkan pelajaran.

##### Gaya Bahasa

- (a) Bahasa Arab. Contohnya, *qunut; al-Quran; al-Kafirun; assalamualaikum; waalaikumussalam.*
- (b) Bahasa Inggeris. Contohnya, *jeans; netball.*
- (c) Peribahasa. Contohnya, *berat mulut; naik minyak; besar hati.*
- (d) Simile. Contohnya, *Jiwa Cikgu Sunan tersentak bagai ditikam lembing yang berkarat.*
- (e) Sinkope. Contohnya, *"Kenapa kamu tak datang kelmarin?" herdik Cikgu Sunan.*
- (f) Personifikasi. Contohnya, *Angin malam di kampung itu bagaikan mati.*

##### Nilai

- (a) Kasih sayang. Contohnya, Alias sanggup datang lewat ke sekolah dan dimarahi oleh Cikgu Sunan kerana mencari Chot yang hilang pada pagi itu.
- (b) Bertanggungjawab. Contohnya, Alias merupakan seorang anak yang bertanggungjawab.
- (c) Simpati. Contohnya, Mak Su Kiah amat simpati akan nasib keluarga Alias.
- (d) Kesabaran. Contohnya, Alias sabar apabila diherdik oleh Cikgu Sunan dan diejek oleh rakan-rakannya.
- (e) Rasional. Contohnya, Pak Din bertindak secara rasional dalam menyelesaikan masalah Miah dan Budin yang menuduh Chot merosakkan setandan pisang mereka.
- (f) Kebijaksanaan. Contohnya, Alias seorang pelajar yang bijak

terutamanya dalam mata pelajaran Matematik. Selepas mengaji, Som akan meminta bantuan Alias untuk menjawab soalan Matematik yang tidak diketahuinya.

- (g) Berdikari. Contohnya, Alias mencari duit untuk membeli barangan dapur, ubat batuk ibunya, dan pisang untuk Chot dengan bekerja sebagai pemetik buah kelapa.

#### Pengajaran

- (a) Kita haruslah bersikap jujur supaya tidak berlakunya salah faham. Contohnya, Alias berterus-terang kepada Cikgu Sunan dengan mengatakan bahawa dia mencari beruknya yang hilang sehingga menyebabkan dia lewat datang ke sekolah.
- (b) Kita tidak sepatutnya bertindak mengikut kata hati dan perlulah mengawal emosi. Contohnya, Cikgu Sunan telah memarahi Alias di hadapan rakan-rakan Alias apabila dia tidak dapat mengawal perasaan marahnya terhadap Alias.
- (c) Kita perlulah sedar dan insaf akan kesilapan yang dilakukan. Contohnya, Cikgu Sunan sedar dan insaf atas tindakannya yang telah memarahi Alias sehingga menyebabkan Alias tidak mahu ke sekolah kerana telinganya bermanah dan berbau busuk.
- (d) Kita hendaklah mengutamakan pendidikan dalam kehidupan. Contohnya, ibu Alias mahu anaknya lebih mengutamakan pelajaran walaupun menyedari Alias perlu memetik buah kelapa untuk menyara kehidupan mereka.
- (e) Kita tidak seharusnya menyimpan perasaan dendam. Contohnya, Alias tidak pernah berdendam dengan Cikgu Sunan walaupun telinganya sakit kerana jatuh dan terkena bucu meja akibat dimarahi oleh Cikgu Sunan.
- (f) Kita hendaklah mengamalkan sikap tolong-menolong antara satu dengan yang lain. Contohnya, Mak Su Kiah selalu menolong Alias dan ibunya dengan menghantar makanan ke rumah mereka.
- (g) Kita hendaklah berdikari dan tidak mengharapkan belas ihsan daripada orang lain. Contohnya, Alias telah mengambil upah memetik buah kelapa di kebun Pak Din untuk menyara kehidupannya dan ibunya yang lumpuh.



### 3 Justeru Impian di Jaring (Zaid Akhtar)

Edisi: Perlis, Kedah, Pulau Pinang, dan Perak.

#### Sinopsis

Novel *Justeru Impian di Jaring* mengisahkan perjalanan hidup seorang pemain badminton skuad kebangsaan bernama Syahir. Dia merupakan pemain yang bercita-cita tinggi dan dapat mewakili negara dalam Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta. Namun, dia menghadapi rintangan untuk merealisasikan matlamatnya itu apabila pihak Persatuan Bulu Tangkis Se-Malaysia (PBSM) telah membuat keputusan mengejut, iaitu semua pemain perlu menyertai Kejohanan Terbuka Johor sebelum layak mewakili negara ke Jakarta. Hal ini bertentangan dengan peraturan sedia ada sebelum ini, iaitu pemain yang mewakili negara akan ditentukan berdasarkan *ranking* dunia. Oleh itu, para pemain akan bersaing sesama sendiri bagi melayakkan diri ke Jakarta nanti. Keputusan pihak PBSM ini bertentangan dengan kenyataan Engku Aiman dalam laporan akhbar perdana pada minggu lepas. Beliau tidak mahu peristiwa di Birmingham dan di Tokyo berulang sekali lagi.

Haji Marzuki dan Mas Suparman adalah antara jurulatih yang banyak terlibat dalam melatih para pemain skuad kebangsaan. Haji Marzuki banyak memahami masalah yang terpaksa dihadapi oleh Syahir. Jurulatih ini telah banyak memberikan kata-kata perangsang kepada Syahir agar dia terus bersemangat untuk berlatih dan berjaya mewakili negara. Walaupun Haji Marzuki tidak bersetuju dengan keputusan pihak PBSM yang mengamalkan sikap pilih kasih, tetapi dia masih yakin para pemainnya seperti Syahir, Bernard, Gopinath, Kam Heng, dan Wan Najlan dapat menerima hakikat tersebut dengan tenang, rasional, dan tidak mengambil keputusan yang terburu-buru.

Syed Amiri merupakan rakan Syahir dalam skuad kebangsaan yang sering menyindir Syahir dengan gelaran 'ustaz selebriti'. Panggilan itu kurang disenangi oleh Syahir tetapi dia tetap tabah menerima hakikat tersebut. Pada masa



yang sama, Syed Amiri sering memandang rendah terhadap keupayaan Syahir untuk melayakkan diri ke Jakarta. Mujurlah Haji Marzuki selalu menenangkan Syahir agar sentiasa berpandangan positif kerana dia yakin Syahir memiliki kelebihan yang jarang-jarang dimiliki oleh pemain lain.

Tindakan Engku Aiman mengungkit kekalahannya kepada pemain China suatu masa dahulu di hadapan teman-teman selatihan dan pengurus pasukan negara, Dr. Asyraf terang-terangan menzahirkan sikapnya yang sebenar terhadap Syahir. Engku Aiman kerap memuji Syed Amiri yang disifatkan paling meningkat kebelakangan itu berbanding dengan pemain-pemain lain. Semasa pulang ke rumahnya di Bandar Baru Bangi, Syahir sempat menemani emaknya ke pasar malam untuk membeli juadah berbuka puasa. Pada malam itu, keadaan menjadi cemas apabila Syahir mendapati emaknya terbaring lemah dalam keadaan masih bertelekung di atas katil.

Pemergian Syahir ke Johor penuh dengan cabaran. Dia sentiasa terfikir akan kesihatan emaknya, namun mujur ada Kak Uda yang memberikan jaminan bahawa emaknya cuma lemah sedikit dan tidak perlu dirisaukan. Haji Marzuki pula tidak dapat bersama-sama pergi ke Johor kerana belum pulih daripada demam selesema. Pada masa itu juga Syahir telah dikejutkan dengan tersiarnya gambar dia bersama-sama dengan Ratna yang dikatakan ada hubungan istimewa dengannya. Syahir terkejut kerana pada masa itu, mereka bergambar beramai-ramai dan bukannya berdua.

Pada peringkat suku akhir, Syahir telah bertemu dengan Syed Amiri. Pada masa itu, dia mendapat tentangan yang cukup hebat daripada Syed Amiri di samping sorakan penyokong Syed Amiri yang hebat kerana Syed Amiri ialah pemain dari negeri itu. Dalam perlawanan itu, beberapa keputusan pengadil perlawanan lebih berpihak kepada Syed Amiri menyebabkan Syahir berasa tertekan dan tidak boleh mengawal permainannya. Akhirnya, Syahir tewas di tangan Syed Amiri dan dia gagal mewakili negara ke Jakarta.

Syahir dibenarkan pulang ke rumah. Emaknya meminta dia menemaninya untuk pergi ke rumah Mak Usu Sapiah di Seremban. Semasa di Seremban, Haji Marzuki menelefon Syahir lalu mengatakan bahawa Gopinath terlibat dalam kemalangan dan mengarahkan Syahir segera kembali ke kem latihan. Syahir dipilih untuk menggantikan Gopinath untuk bersaing di Jakarta. Syed Amiri menyindir Syahir dengan mengatakan bahawa Syahir perlu sujud syukur kerana dapat mewakili negara.

Sebelum pergi ke Jakarta, sekali lagi Syahir berhadapan dengan dugaan apabila, dia telah menerima berita tentang emaknya yang terlantar di hospital kerana menghidap strok. Hatinya berbelah bahagi sama ada hendak meneruskan hasrat ke Jakarta ataupun menjaga emaknya yang sakit. Pada masa yang sama, sakit pada bahagian perutnya semakin kerap terasa. Syahir melakukan solat hajat dan solat istikharah agar diberi petunjuk dalam membuat keputusan pada detik-detik getir itu. Kak Uda memberitahu bahawa emaknya sudah beransur pulih dan menasihatinya agar pergi ke Jakarta. Sebelum berangkat, Syahir sempat singgah di hospital untuk menjenguk emaknya.

Di Jakarta, Syahir dapat mengharungi cabaran pada peringkat awal apabila berjaya mengalahkan pemain dari Korea Selatan, iaitu Kim Joo Hyun. Seterusnya, dia menewaskan pemain muda dari China, Xiang Yimou. Menjelang tengah hari semua pemain diwajibkan menjalani ujian air kencing yang diadakan secara tiba-tiba. Pada peringkat ketiga, Syahir juga berjaya menundukkan Eddy Heryanto, pilihan ketiga belas yang juga pemain tuan rumah. Akhirnya, Syahir berjaya mara ke peringkat akhir setelah berjaya menumpaskan pemain dari China. Syed Amiri yang dicanangkan sebagai juara itu telah kecundang pada peringkat separuh akhir.

Saat yang ditunggu-tunggu telah tiba apabila Syahir berjaya melangkah ke peringkat akhir dan dijadualkan bertemu dengan pemain tuan rumah, iaitu Andri Mirnawan. Haji Marzuki dan Mas Suparman mempunyai perancangan tersendiri kerana mengakui memang sukar untuk menumpaskan pemain tuan rumah tersebut. Akhirnya, Syahir berjaya menundukkan Andri Mirnawan.

Semasa majlis penyampaian hadiah, Syahir hampir rebah lalu dikejarkan ke hospital. Dia telah disahkan menghidap

radang apendiks dan dibedah di sana. Setelah pulang ke Malaysia, Syahir ke hospital untuk menemui emaknya. Kini, dia telah bergelar juara dunia dan berazam untuk mewakili negara ke Sukan Olimpik.

## Inti Pati Bab

### Prolog

- Syahir telah diminta untuk mendokumentasikan cerita dirinya.
- Mungkin ada yang menganggap cerita ini adalah angan-angan, tetapi bagi dirinya cerita itu adalah impiannya sebagai manusia biasa yang mahu menjadi orang yang ternama.
- Syahir berdoa kepada Tuhan agar diberi petunjuk dan catatan itu bukan bertujuan untuk menunjuk-nunjuk tetapi sekadar dokumentasi.
- Syahir sedar setiap perjuangan itu memerlukan pengorbanan dan setiap ujian yang menghalang ada nikmat yang menanti di hujung destinasi.

### Bab 1: Ranjau Masih Berliku

- Syahir berada di luar dewan dan sedang ditemu ramah oleh rakan baiknya yang juga seorang wartawan, iaitu Azmie.
- Syahir mengharapkan agar kawannya itu tidak menulis sesuatu yang bukan-bukan. Syahir berasa amat risau kerana seboleholehnya masalah yang sedia ada tidak bertambah dan berlarutan.
- Setelah ditemu ramah, Syahir masuk ke dalam dewan dan terpancang tiga orang lelaki yang berdiri di tepi gelanggang di tengah-tengah dewan sambil dikelilingi oleh sepuluh orang yang lain.
- Syahir bertanya kepada Boon Lee mengenai perjumpaan itu namun tidak dijawab, sebaliknya Boon Lee bertanya sebab dia lewat masuk.
- Boon Lee menjelaskan bahawa mereka terpaksa menyertai Kejohanan Terbuka Johor kerana prestasi pemain bukannya diukur dari segi *ranking* dunia tetapi dari segi prestasi semasa dan itu adalah kehendak pihak atasan PBSM.
- Keputusan itu sama sekali bertentangan dengan kenyataan Engku Aiman dalam akhbar perdana pada minggu lepas.
- Alasan Engku Imran berbuat demikian adalah kerana bimbang peristiwa yang berlaku di Birmingham dan Tokyo berulang sekali lagi.
- Syahir tidak bersetuju dan berasa kecewa dengan keputusan itu yang dianggapnya sebagai pilih kasih. Dia terpaksa bersaing dengan teman-teman senegarannya sebelum menyertai kejohanan di Jakarta.
- Engku Aiman menyindir Syahir yang dikatakan seperti artis sehingga ramai wartawan mencarinya sambil menyindirnya bahawa *ranking* dunia tidak menjamin prestasi semasa seperti yang terjadi di kejohanan Piala Liga dan Piala Antarabangsa dahulu.
- Kata-kata itu amat menyakitkan hati Syahir. Syahir akur lalu memohon diri sambil sempat melihat senyuman sinis daripada bibir Syed Amiri.

### Bab 2: Tidak Seindah Mimpi

- Kak Uda Syahrizah bertanya tentang keberangkatan Syahir ke Jakarta kerana dia ada terbaca bahawa nama adiknya itu ada tersenarai sebagai pemain yang terpilih ke kejohanan dunia.
- Namun, Syahir menerangkan bahawa ada perubahan drastik, iaitu dia mesti memenangi kejohanan Terbuka Johor pada hujung minggu depan sebelum terpilih ke Jakarta.
- Syahir pernah menolak tawaran menyambung pelajaran di Universiti Sains Malaysia dan memilih untuk melanjutkan pengajian di UPM kerana lebih dekat dengan pusat latihan. Emak Syahir bertanya mengenai pengajian Syahir di UPM yang tertunda.
- Emak Syahir mengingatkan dia agar sentiasa mengutamakan kejayaan dalam pelajaran di samping bidang sukan yang diceburinya. Syahir berjanji akan mengharumkan nama negara dan itulah janjinya kepada arwah ayahnya.
- Syahir menatap potret keluarganya sambil mengimbas kembali kemarahan ayahnya apabila dia menjadi johan negeri kategori perseorangan bawah lima belas tahun ketika di tingkatan tiga.
- Ayahnya telah mematahkan raket dan menghempas piala kemenangannya kerana mahu mengendurkan semangatnya. Namun, keputusan PMR Syahir yang cemerlang telah memadamkan kemarahan ayahnya.

- Setahun kemudian, dia telah menjuarai kategori perseorangan bawah lapan belas tahun sekali gus bergelar juara remaja kebangsaan.
- Dia pernah menolak tawaran ke sekolah berasrama penuh di utara semata-mata kerana mahu kekal di sekolah lama untuk mengasah bakat dan kemahirannya di bawah bimbingan Cikgu Kamaludin.
- Ketika ayahnya menjalani rawatan kemoterapi untuk melawan barah prostat tahap tiga, ayahnya telah merestui impiannya dan berpesan supaya Syahir memberikan sumbangan kepada bangsa dan agama serta memelihara syariat agama semasa bersukan.

### Bab 3: Aku Bukan Ustaz

- Haji Marzuki dan Mas Suparman sedang melatih Bernard dan Kam Heng. Haji Marzuki bertanya kepada Syahir tentang persediaannya ke Kejohanan Terbuka Johor.
- Syahir amat tidak berpuas hati kerana menganggap tidak ada gunanya mata yang dikutip dalam kejohanan-kejohanan terbuka antarabangsa jika *ranking* dunia BWF masih tidak digunakan untuk menentukan wakil negara ke kejohanan di Jakarta.
- Haji Marzuki bersetuju dengan pendapat Syahir kerana itu adalah kelemahan pihak atasan. Hal ini demikian kerana jika mengikut *ranking* yang dikeluarkan oleh Persekutuan Badminton Antarabangsa, Syahir, Kam Heng, dan Bernard sudah layak bertanding secara automatik. Namun keputusan PBSM telah menyebabkan mereka terpaksa bersaing antara satu dengan yang lain.
- Haji Marzuki menasihati Syahir agar bertenang, bersikap rasional, dan tidak mengambil keputusan dengan terburu-buru.
- Syahir dan Wan Najhan singgah di Restoran 48 Jam. Mereka dikejutkan dengan kehadiran Wan Najlah yang datang untuk membeli nasi ayam.
- Wan Najlah telah mengusik Syahir dengan meminta autografnya kerana nama dan wajah Syahir tersiar dalam *Mingguan Riadah* dengan tajuk "Ustaz Syahir Tetap akan Pertahan Syariat dalam Bersukan".

### Bab 4: Meneka Resah di Wajahmu

- Syahir membelek-belek *Mingguan Riadah* yang memaparkan cerita tentang dirinya. Dalam wawancara itu, Syahir mengimbas kembali sahsiahnya yang memakai seluar ketat panjang yang menutup aurat.
- Syahir pernah mencetuskan kontroversi apabila membawa imej soleh. Dalam wawancara itu juga, Syahir mahu bergelar juara dunia dan memenangi pingat emas dalam Sukan Antara Benua. Dia juga digelar 'ustaz' kerana penampilannya.
- Namun begitu, bagi Syahir itu adalah amanat arwah ayahnya agar menjunjung syariat agama. Ada yang menganggapnya 'kepala batu dari hulu' tetapi dibaikannya.
- Wan Najlah juga pernah mengajukan persoalan yang sama tetapi dia tidak kisah asalkan dapat melaksanakan perintah Islam.
- Perasaan bersalah terhadap Wan Najlah menggamitnya untuk menelefon gadis itu tetapi niatnya terbantut apabila melihat jam sudah menghampiri tengah malam.

### Bab 5: Aku Bukan Selebriti

- Syahir digelar oleh Syed Amiri sebagai 'ustaz selebriti'. Panggilan ini tidak disukai oleh Syahir. Syahir cuba untuk membetulkan tanggapan tersebut.
- Pada masa yang sama, Syahir telah disindir oleh Syed Amiri tentang kelayakannya untuk menyertai kejohanan di Jakarta.
- Haji Marzuki memberitahu bahawa ada berita kurang baik, iaitu berdasarkan undian kejohanan nanti, Syahir akan bertemu dengan rakan sepasukannya, iaitu Syed Amiri.
- Berita itu telah menggusarkan hati Syahir kerana mereka pernah bertemu dan sudah memahami corak permainan masing-masing.
- Haji Marzuki mententeramkan Syahir. Tambahan pula dia berasa yakin bahawa Syahir dan Bernard akan ke Jakarta.
- Syahir memiliki beberapa kelebihan yang dicemburui oleh kawan dan lawannya, iaitu pukulan pancung yang dikatakan hampir menyerupai teknik legenda badminton negara.
- Syahir mengimbas kembali semasa dia mula bermain badminton di bawah bimbingan Cikgu Suhaimi dan seterusnya Cikgu Kamaludin. Dia pernah digandingkan dengan Syed Amiri tetapi tidak serasi.

- Prestasi Syahir lebih baik sehingga terpilih menyertai skuad kebangsaan, mungkin sebab itulah Syed Amiri sering menyakiti hatinya.
- Walau bagaimanapun, Syahir amat menghormati Syed Amiri kerana baginya sukan dapat merapatkan ukhuwah dan membajakan semangat perpaduan.

### Bab 6: Seindah Akhlak Semanis Senyuman

- Syahir, Wan Najhan, dan Nik Syahnizam sampai ke rumah hampir pukul 11:00 malam setelah selesai menjalani latihan.
- Syahir menerima panggilan telefon daripada Wan Najlah. Wan Najlah memberitahu tujuannya menelefon adalah untuk meminta maaf atas sikap emosionalnya tempoh hari dan mengakui bahawa kata-kata Syahir adalah benar.
- Wan Najlah berasa kagum akan Syahir dalam mempertahankan prinsip berpakaian menutup aurat ketika bermain.
- Dia meluahkan perasaan dan keinginannya untuk menjadi seperti Syahir tetapi dia berasa takut.
- Syahir memberikan dorongan kepada Wan Najlah dengan mengaitkan dengan pelari pecut wanita Bahrian yang memenangi pingat emas dalam acara 200 meter di Sukan Asia di Doha.
- Syahir mengharapkan agar Wan Najlah dapat menguatkan semangatnya untuk merealisasikan niatnya itu.

### Bab 7: Hidayah Itu Milik Allah

- Syahir menunggang motosikal untuk pergi ke Taman Shamelin Perkasa di Cheras. Kehadirannya telah disambut oleh Azmie di perkarangan pejabatnya.
- Tindakan Azmie menggelarnya ustaz dalam akhbar menyebabkan Syahir berasa geram atas gurauan tersebut.
- Syahir mengimbas kembali peristiwa perkenalannya dengan Azmie semasa di Kejohanan Terbuka Kelantan.
- Syahir tinggal sebilik dengan Azmie. Sambil menunggu Azmie menyiapkan kerjanya, Syahir telah didatangi oleh empat orang gadis yang ingin bersalaman dengannya hingga menyebabkan Syahir berasa kurang selesa.
- Tiba-tiba Syahir menerima panggilan telefon daripada Wan Najhan yang mengatakan bahawa kem latihan pemain wanita menjadi gempar apabila Wan Najlah memakai tudung dan seluar trek panjang. Berita ini amat menggembirakan Syahir dan dia tidak menjangkakan.
- Empat orang gadis tadi menghampiri Syahir dan meminta kebenaran untuk bergambar bersama-sama dengannya dan Ratna, iaitu juara program *Akademi Impiana* musim lepas. Atas permintaan mereka, akhirnya Syahir bersetuju untuk bergambar beramai-ramai.

### Bab 8: Jangan Ada Pilih Kasih

- Syahir cuba mengawal emosinya apabila Engku Aiman menyelar permainannya yang dikatakan tidak konsisten, kelam-kabut, dan mudah terikut-ikut rentak lawan.
- Syahir mengambil positif komentar itu walaupun selama ini dia mempunyai rekod yang cemerlang ketika berdepan dengan pasukan China kerana tiga daripada empat pemain utamanya pernah ditewaskan oleh Syahir.
- Engku Aiman telah mengungkit kekalahan Syahir kepada Han Xuanze dari China. Ketiadaan Haji Marzuki yang sakit telah memberi peluang kepada ketua jurulatih itu untuk mengutuk Syahir.
- Syed Amiri pula dipuji-puji sebagai pemain yang paling meningkat belakangan ini berbanding pemain-pemain lain.
- Sikap pilih kasih Engku Aiman itu telah menguatkan azam Syahir untuk membuktikan bahawa tindakan PBSM yang mewajibkan penyertaan pemain-pemain utama dalam kejohanan Terbuka Johor adalah satu kesilapan.
- Syahir pulang ke Bandar Baru Bangi kerana sesi latihan telah dibatalkan. Dia mahu meluangkan masa bersama-sama dengan emaknya pada petang dan malam itu.
- Selepas solat maghrib, Syahir tertidur di atas sofa di hadapan televisyen. Dia terjaga semula setelah hampir pukul 10:00 malam.
- Selepas solat isyak, Syahir mahu mengejutkan emaknya, tetapi dia mendapati emaknya terbaring dengan masih memakai telekung di atas katil. Hal ini menyebabkan Syahir berasa sangat cemas.

### Bab 9: Hijrah Najlah

- Pemergian Syahir ke Johor Bharu direstui oleh emaknya walaupun dia berasa serba salah kerana terpaksa meninggalkan emaknya yang sedang sakit itu.

- Penyakit darah tinggi emaknya amat merisaukannya. Begitu juga tanpa kehadiran jurulatihnya, Haji Marzuki yang belum pulih daripada demam selesema.
- Dalam kejohanan Terbuka Johor, semua pemain skuad kebangsaan mendapat *bye* pada pusingan pertama.
- Syahir telah berjaya menewaskan Zainuz Zamani dari Pahang, Jaya Rangga dari Sarawak, dan layak ke peringkat suku akhir.
- Syed Amiri bermain dengan agak lincah, sangat agresif, dan bertenaga, tambahan pula dia bermain di hadapan penyokong-penyokongnya.
- Syahir sempat meninjau gelanggang paling kanan dan melihat Wan Najlah yang tampil bertudung sedang menentang pemain kebangsaan Cina dalam kejohanan itu.
- Syahir bersyukur atas perubahan itu dan mengharapkan agar perubahan itu berkekalan.
- Dalam perjalanan pulang ke hotel, Dr. Asyraf telah memanggilnya. Dia mendapat tahu bahawa Syahir ada hubungan dengan artis terkenal sambil menunjukkan berita itu dalam tabloid hiburan yang terpampang gambar Syahir dan Ratna.
- Syahir amat terkejut dan kehairanan kerana mereka tidak pernah bergambar berdua tetapi berenam. Dr. Asyraf menasihati Syahir agar tidak mengabaikan karier sebagai pemain badminton.

#### **Bab 10: Selamat Tinggal Jakarta**

- Perlawanan antara Syahir dengan Syed Amiri berlanjutan sehingga ke set penentuan.
- Syahir menang tipis dalam set pertama namun tewas dalam set kedua.
- Syahir bertungkus-lumus untuk menundukkan Syed Amiri, namun keputusan pengadil perlawanan yang berat sebelah telah menjelaskan lagi tumpuannya dan akhirnya dia kecundang.
- Usai perlawanan, mereka berjabat tangan, namun Syed Amiri sengaja menyindirnya kerana tidak dapat bersama-sama menyertai kejohanan di Jakarta.
- Syahir reda dan memohon kepada Allah agar menguatkan dirinya daripada menyerah pegawai-pegawai kejohanan yang bersekongkol untuk memenangkan Syed Amiri. Impian Syahir untuk pergi ke Jakarta telah musnah.

#### **Bab 11: Tuhan, Berilah Aku Kekuatan**

- Setelah pulang dari Johor, Syahir menjalani latihan seperti biasa meskipun dia tidak berjaya ke Jakarta.
- Wan Najlah yang menyaksikan kejohanan di Johor mengakui bahawa perlawanan tersebut berat sebelah, tetapi bagi Syahir itu adalah rezeki Syed Amiri.
- Gosip cinta antara Syahir dengan Ratna menyebabkan Wan Najlah seakan-akan cemburu walaupun Syahir sudah memberikan penjelasan.
- Haji Marzuki memberikan kata-kata semangat kepada Syahir agar tidak patah semangat dengan melupakan kekalannya itu dan mengabaikan fitnah mengenai dirinya.
- Syahir berasa benci terhadap kebejatan birokrasi, politik dalaman yang sering mengganggu kemajuan sukan negara.
- Jelas sekali, selain gilakan nama dan pangkat, mereka kerap mengambil kesempatan atas kekayaan yang dimiliki oleh persatuan.
- Haji Marzuki amat mengharapkan agar Syahir tidak mengulangi kesilapannya yang tidak dapat mengawal kesabarannya hingga hilang konsentrasi lalu terlepas set kedua.
- Perkara itulah yang menyebabkan dia terlepas peluang untuk beraksi dalam Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta.
- Haji Marzuki memberikan keizinan kepada Syahir untuk bercuti selama beberapa hari dan pulang untuk menenangkan fikirannya.
- Syahir pulang ke Bandar Baru Bangi. Emaknya mengajaknya pergi ke rumah Mak Usu Sapiyah yang baru empat bulan kematian suami.
- Syahir memandu ke Seremban. Dalam perjalanan, emaknya menyindir Syahir bahawa dia tidak mahu bermenantikan artis.
- Kak Uda pula mengusik Syahir dengan pemain badminton wanita yang bertudung, iaitu Wan Najlah.
- Syahir tertidur kerana terlalu penat memandu. Kak Uda mengejutkan Syahir apabila telefonnya berbunyi.
- Panggilan telefon daripada Haji Marzuki yang memberitahu bahawa Gopinath mengalami kemalangan amat mengejutkan Syahir.

#### **Bab 12: Sabar Masih Bersisa**

- Rancangan Syahir bersama-sama keluarganya untuk pergi ke Selatan dan kemudian singgah di rumah Mak Alang serta menziarahi pusara arwah datuk dan opah di Segamat terpaksa dibatalkan.
- Dia terpaksa balik semula ke Kuala Lumpur atas permintaan Haji Marzuki. Syahir sempat menziarahi Gopinath di Hospital Kuala Lumpur.
- Persoalan dalam fikiran Syahir terjawab apabila Haji Marzuki menerangkan bahawa dia berkeras dengan pihak atasan semata-mata mahu Syahir menggantikan tempat Gopinath.
- Berita itu sangat mengejutkan Syahir. Haji Marzuki amat berharap agar Syahir bermain dengan bersungguh-sungguh kerana dia telah berjanji kepada pihak PBSM, malah dia menyasarkan Syahir atau Bernard sekurang-kurangnya akan ke peringkat separuh akhir.
- Syahir meneruskan latihan dengan penuh semangat bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain.
- Kehebatan Syed Amiri yang luar biasa semasa di kejohanan Terbuka Johor telah menyebabkan namanya disebut-sebut sebagai bintang yang bakal menyinar dalam kejohanan di Jakarta pada minggu depan.
- Engku Aiman masih dengan sikap yang sama, iaitu selalu mengungkit kekalahan mereka. Syahir juga tidak dapat melupakan peristiwa dia tewas di Tokyo. Dia telah dipersalahkan dan dihentam teruk selama sehari-hari kerana dikatakan sebagai punca kekalahan skuad negara.
- Setelah tamat latihan dan taklimat, Syed Amiri sempat menyindir Syahir agar membuat sujud syukur kerana berpeluang pergi ke Jakarta.
- Syahir cuba bertenang dan berdoa kepada Tuhan agar dikuatkan hatinya.

#### **Bab 13: Panggilan Menjelang Dinihari**

- Keputusan undian untuk kejohanan di Jakarta tidak menyebelahi Syahir berbanding dengan rakan-rakan sepasukannya yang lain.
- Dia terpaksa berhadapan dengan para pemain muda dari Korea Selatan, Indonesia, dan China yang tidak pernah ditentangnya sebelum ini.
- Haji Marzuki menasihatinya agar tidak memikirkan tentang undian tersebut. Haji Marzuki meyakinkan Syahir bahawa dia perlu bertenang dan yakin kerana setiap orang ada kekuatan dan kelemahan masing-masing.
- Kekuatan Syahir ialah kemampuan untuk mempengaruhi lawannya mengikut rentaknya dan pukulan junam serta pancung yang sukar diatasi oleh pihak lawan. Manakala kelemahan Syahir pula ialah dia sering bermain mengikut emosi, cepat hilang sabar serta gagal mengawal emosi.
- Keyakinan dalam diri Syahir semakin bertambah dengan kata-kata semangat daripada Haji Marzuki.
- Pada masa yang sama, dia telah bertemu Dr. Haikal, iaitu kaunselor psikologi yang ditugaskan untuk meningkatkan psikologi pemain.
- Syahir mengambil angin malam di sekitar taman tasik untuk mencari ketenangan. Syahir duduk di sebuah bangku kosong berhampiran dengan tebing.
- Tiba-tiba telefonnya berdering. Dia menerima satu panggilan yang mengejutkan daripada Kak Uda yang mengatakan bahawa emaknya pitam di rumah Abang Long.

#### **Bab 14: Istikharah Sebelum Keberangkatan**

- Jam sudah menunjukkan pukul 3:00 pagi, namun Syahir masih belum membuat keputusan sama ada mahu pergi ke Jakarta atau tidak.
- Dia mengimbas kembali pelbagai rintangan dan cabaran yang perlu dihadapinya sebelum dia layak ke Jakarta. Bermula dengan keputusan kontroversi pihak atasan, kesihatan emaknya yang membimbangkan, dan terpaksa menahan malu akibat fitnah wanita yang mencemarkan imej baiknya di akhbar.
- Abang Long seolah-olah tidak membenarkannya pergi kerana emaknya sedang sakit. Begitu juga dengan Kak Ngah.
- Tiba-tiba dia berasa sakit pada bahagian tengah perut, lantas dia merapatkan lututnya ke dada. Dia berasa seperti mahu putus asa.
- Rakan-rakannya berasa hairan apabila melihat Syahir masih belum bersiap. Mereka mengatakan bahawa mereka sudah banyak kali menghubungi Syahir tetapi tidak dijawab. Syahir mengatakan bahawa dia mahu ke hospital untuk melawat emaknya yang mengalami strok.



- Syahir berwuduk lalu menunaikan solat hajat dan solat istikharah. Dia juga berdoa agar emaknya dipanjangkan umur dan dikembalikan kesihatannya serta dia diberi pilihan yang tepat dalam membuat keputusan.
- Syahir menelefon Kak Uda. Kak Uda membenarkan Syahir pergi ke Jakarta dan mengatakan bahawa dia sudahpun mengambil cuti untuk menjaga emaknya.
- Berita itu amat menggembirakan hati Syahir. Syahir sempat menziarahi emaknya sebelum berangkat ke Jakarta.
- Dia meminta ampun serta restu daripada emaknya dan mengatakan bahawa pemergiannya adalah untuk mengharumkan nama negara dan bangsa.
- Walaupun emak Syahir tidak berdaya untuk menjawab, namun daripada kerlipan mata emaknya, Syahir yakin emaknya merestui.

### Bab 15: Sehangat Jakarta

- Ini adalah kali keempat Syahir menjejakkan kaki di bumi Indonesia.
- Haji Marzuki membisikkan kata-kata semangat agar Syahir membawa pulang pingat emas dalam kejohanan itu.
- Berdasarkan undian yang dibuat oleh Persekutuan Badminton Antarabangsa, Syahir diletakkan sebagai pilihan kedua belas, Kam Heng pilihan keenam, Bernard dan Syed Amiri masing-masing sebagai pilihan kesepuluh dan kedua puluh empat.
- Syahir berjaya menewaskan pemain muda dari Korea Selatan walaupun berasa agak gugup.
- Pada pusingan kedua, Syahir bertemu dengan pemain muda dari China, iaitu Xiang Yimou yang menggantikan Lee Kang kerana tercedera.
- Syahir telah berjaya melepasi pusingan ini. Ujian air kencing diadakan secara tiba-tiba pada waktu tengah hari.
- Haji Marzuki mengarahkan Syahir pulang ke hotel untuk berehat.
- Pada hari Khamis malam Jumaat, Syahir telah menentang Eddy Heryanto yang merupakan pilihan ketiga belas dalam kejohanan itu.
- Sorakan penyokong Indonesia menggamatkan keadaan. Ternyata perancangan Haji Marzuki menjadi lalu Syahir berjaya melepasi halangan itu.
- Teman-teman seperjuangan mengucapkan tahniah kepada Syahir termasuklah Syed Amiri dengan wajah yang kurang ceria. Syahir tidak pernah lupa untuk menelefon emaknya dan bertanyakan khabar.
- Dia berdoa kepada Tuhan agar emaknya pulih seperti sedia kala.

### Bab 16: Sejarah Bakal Tercipta

- Syahir terkejut apabila mengetahui bahawa Syed Amiri telah kecundang pada peringkat separuh akhir.
- Syahir berjaya menundukkan Han Xuanze dan akhirnya berjaya melangkah ke peringkat akhir dan bertemu pula dengan Andri Mirnawan dari Indonesia.
- Selesai solat maghrib, Syahir menghubungi Kak Uda untuk mengetahui tahap kesihatan emaknya.
- Kak Uda mengharapkan agar Syahir tidak terlalu risau dan mendoakan kejayaan adiknya itu.
- Kak Uda memaklumkan bahawa emaknya sudah boleh menggerakkan tangan dan gembira apabila melihat gambar kemenangan Syahir pada peringkat separuh akhir.
- Perlawanan akhir perseorangan wanita berlangsung lebih dahulu dan lazimnya pemain-pemain China yang mendominasi kategori tersebut.
- Haji Marzuki mengatakan bahawa sebenarnya dia sudah berjanji akan meletakkan jawatan sebagai jurulatih kecuali jika Syahir menjuarai kejohanan antarabangsa itu.
- Syahir berasa terharu lalu berjanji akan bermain dengan bersungguh-sungguh dan berharap agar Haji Marzuki akan kekal menjadi jurulatihnya.

### Bab 17: Tidak Pernah Menyerah

- Tepat pukul 8:20 malam waktu tempatan, Syahir turun ke gelanggang. Haji Marzuki sempat berpesan kepada Syahir agar dia terus berselawat untuk meredakan gemuruh. Syahir kagum akan Andri Mirnawan.
- Pada pukul 8:30 malam, perlawanan telah dimulakan. Sorakan penonton daripada penyokong Indonesia menjadikan suasana gegak-gempita.
- Pada mulanya Syahir gagal mencari rentak apabila ketinggalan dengan mata 8 –12. Haji Marzuki sempat memberitahunya agar Syahir menyerang di sebelah kiri Andri.

- Akhirnya, dia dapat memperlancarkan tempo permainan. Taktik Haji Marzuki menjadi apabila Syahir berjaya menamatkan set pertama dengan kemenangan 21–16.
- Pada set kedua, penguasaan Syahir jelas kelihatan. Tekanan tiba-tiba dirasai apabila pengadil perlawanan menimbulkan kontroversi dan menjejaskan prestasi Syahir.
- Syahir agak goyah dan acap kali melakukan kesilapan dan konsentrasinya terjejas. Dia memandang Haji Marzuki di luar gelanggang. Dia faham akan isyarat itu yang mahu dia bersabar dan tidak menurut emosi.
- Syahir berzikir untuk menenangkan diri. Dia menjeling Haji Marzuki yang mengarahkannya yang bermain di jaring dan menggunakan teknik pukulan junam.
- Taktiknya menjadi sehinggalah berjaya mengikat kedudukan menjadi 19 –19. Syahir dapat mengutip mata yang terakhir apabila pukulan kilas Andri terkandas di jaring.
- Akhirnya, Syahir berjaya menumpaskan Andri Mirnawan. Syahir berlari lalu memeluk Haji Marzuki dan Mas Suparman yang kegirangan di tepi gelanggang. Teman-temannya juga meluru memeluk Syahir.
- Semasa majlis penyampaian hadiah berlangsung, Syahir mengalami kesakitan di bahagian bawah kanan abdomen lagi.
- Syahir hilang suara dan dayaimbangan, mujurlah Andri Mirnawan sempat menahan tubuhnya yang hampir rebah.

### Epilog

- Sebelum pulang ke Malaysia, Syahir dibedah di Jakarta dan terlantar di hospital selama beberapa hari.
- Dia didapati menghidap *apendisitis* atau radang apendiks. Sebelum ini, dia memang sudah mengalami kesakitan tetapi sengaja dirahsiakan kerana mahu memburu impian untuk meraih gelaran juara dalam sukan badminton.
- Syahir pulang dengan kejayaan, iaitu daripada seorang pemain biasa, kini bergelar juara dunia.
- Syahir pergi ke hospital dan melihat Kak Uda, Kak Ngah, dan Abang Long sudah menanti. Syahir memeluk emaknya.
- Medial emas yang dimenangnya diserahkan ke jemari emak yang masih lemah. Ahli keluarganya berasa bangga akan kejayaan Syahir. Selepas itu, Syahir berazam untuk mewakili negara ke Sukan Olimpik.

### Tema

Ketabahan seorang pemain badminton dalam menghadapi segala dugaan dan rintangan sebelum bergelar juara dunia.

### Persoalan

- Ketaatan terhadap pesanan yang telah diamanahkan.
- Keberanian untuk menyatakan pendapat.
- Sikap pilih kasih dalam sesuatu tindakan.
- Perasaan simpati terhadap nasib orang lain.
- Sikap memandang rendah terhadap keupayaan orang lain.
- Kasih sayang seorang anak terhadap ibu.
- Kesabaran dalam mengharungi cabaran ketika menjalankan tugas.

### Watak dan Perwatakan

#### Syahir

- Pemain badminton skuad kebangsaan.
- Anak bongsu daripada lima orang adik beradik.
- Mahasiswa di Jabatan Pengajian Sukan, UPM Serdang.
- Seorang yang tabah menghadapi dugaan hidup.
- Seorang yang tetap pendirian.
- Penyayang.
- Penyabar.
- Taat akan pesanan.
- Menurut tunjuk ajar dan nasihat.

#### Kak Uda Syahrizah/Kak Uda

- Kak Uda Syahrizah ialah kakak kepada Syahir.
- Dia merupakan pegawai perubatan di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Seorang yang penyayang.
- Seorang yang memahami.
- Seorang yang suka mengusik.

#### Haji Marzuki

- Jurulatih perseorangan badminton skuad kebangsaan.
- Berpandangan positif.
- Pandai menyelami perasaan orang lain.
- Berani mengambil keputusan.
- Bertanggungjawab.

### Syed Amiri

- (a) Pemain badminton skuad kebangsaan.
- (b) Seorang yang suka menyindir.
- (c) Seorang yang memandang rendah kebolehan orang lain.

### Plot

#### Binaan Plot

- (a) Permulaan – Syahir merupakan salah seorang pemain badminton skuad kebangsaan. Dia ditemu ramah oleh rakan baiknya, iaitu Azmie. Perbualan antara mereka berdua agak lama hingga menyebabkan dia lewat masuk ke dalam dewan untuk mendengar taklimat yang disampaikan oleh ketua jurulatih, iaitu Engku Aiman. Syahir diberitahu bahawa mereka terpaksa menyertai Kejohanan Terbuka Johor. Peraturan dan kehendak Persatuan Bulu Tangkis Se-Malaysia (PBSM) mewajibkan mereka menyertai kejohanan tersebut terlebih dahulu untuk menentukan sama ada mereka layak mewakili negara ke Jakarta atau tidak.
- (b) Perkembangan – Syahir sebagai seorang pemain badminton menjalani kehidupan yang penuh liku dan cabaran sebelum layak ke Jakarta. Berita kurang menyenangkan daripada pihak PBSM telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan pemain, terutamanya Syahir. Hal ini demikian kerana, mereka terpaksa bersaing sesama sendiri. Dalam peraturan baru itu, Engku Aiman mengatakan bahawa *ranking* dunia tidak akan menjamin prestasi semasa.
- (c) Perumitan/Konflik – Haji Marzuki dan Mas Suparman terpaksa akur dengan keputusan PBSM dan terus melatih pemain skuad kebangsaan, terutamanya Syahir dan Bernard yang dikatakan memiliki potensi dalam permainan. Syahir sering menjadi bahan sindiran dan ejekan oleh Syed Amiri dan Engku Aiman tidak menyukainya. Pada suatu hari, Syahir pergi ke pejabat rakan baiknya, Azmie di Taman Shamelin Perkasa. Di sana, dia didatangi oleh empat orang gadis dan Ratna, iaitu juara program *Akademi Impiana* untuk bergambar bersama-sama. Pada mulanya dia menolak, tetapi Syahir terpaksa akur apabila diberi alasan untuk bergambar beramai-ramai. Kesan daripada peristiwa itu, Syahir digosipkan bercinta dengan Ratna apabila gambar mereka berdua tersiar dalam akhbar. Perjalanan Syahir untuk mewakili negara ke Jakarta semakin rumit apabila dia berhadapan dengan masalah emaknya yang sakit sebelum dia ke Johor. Semasa Kejohanan Terbuka Johor, Syahir telah ditewaskan oleh Syed Amiri menyebabkan harapannya untuk menyertai Kejohanan Dunia di Jakarta tidak kesampaian.
- (d) Klimaks – Syahir dikehendaki menggantikan Gopinath ke Jakarta kerana rakannya itu terlibat dalam kemalangan jalan raya. Walaupun dia terpaksa menghadapi rintangan apabila diberitahu bahawa emaknya menghidap strok, Syahir tabah melangkah kaki ke Jakarta bagi memikul harapan jurulatih dan negara. Syahir yang berjaya ke peringkat akhir akan bertemu dengan Andri Mirnawan, iaitu wakil tuan rumah. Akhirnya, Syahir berjaya menundukkan wakil Indonesia itu walaupun menghadapi kesukaran seperti keputusan pengadil yang berat sebelah, sokongan padu daripada para penyokong Andri, dan kesakitan pada bahagian perut yang dialaminya.
- (e) Peleraian – Syahir hampir rebah semasa majlis penyampaian hadiah dan segera dikejarkan ke hospital. Syahir telah disahkan menghidap *Apendisitis* atau radang apendiks dan telah dibedah di Jakarta sebelum dibawa pulang ke Malaysia. Syahir amat bersyukur dan menganggap bahawa kemenangan itu adalah untuk bangsa, agama, dan negara. Sebaik-baik tiba di Malaysia, Syahir melawat emaknya di hospital dan menyerahkan pingat yang dimenangnya kepada emaknya. Azam Syahir yang seterusnya ialah mewakili negara ke Sukan Olimpik pula.

#### Teknik Plot

- (a) Dialog. Contohnya, perbualan antara Syahir dengan Azmie. Syahir meminta rakan baiknya itu agar tidak menulis perkara yang tidak sepatutnya dalam *Mingguan Riadah* itu nanti.
- (b) Monolog. Contohnya, Syahir bermonolog mempertikaikan kemenangan Syed Amiri dalam kejohanan Terbuka Johor adalah kerana pengadil perlawanan turut bersekongkol untuk memberikan kemenangan kepada Syed Amiri.
- (c) Imbas Kembali. Contohnya, emak telah mengingatkan semula tentang pesanan arwah ayah Syahir kepada Syahir.
- (d) Imbas muka. Syahir berasa serba salah untuk meneruskan perjuangannya di Jakarta setelah mendapat berita bahawa

emaknya diserang strok. Syahir mula membayangkan keadaan yang akan berlaku sekiranya emaknya meninggal dunia semasa dia berada di Jakarta.

- (e) Saspens. Contohnya, semasa pertarungan antara Syahir dengan Syed Amiri, pembaca tertanya-tanya pemain yang akan memenangi perlawanan badminton tersebut. Hal ini demikian kerana pertarungan antara mereka sangat sengit, ditambah pula dengan beberapa keputusan pengadil yang berat sebelah.

### Latar

#### Latar Tempat

- (a) Bandar Baru Bangi.
- (b) Jabatan Pengajian Sukan, UPM Serdang.
- (c) Gelanggang latihan badminton.
- (d) Restoran 48 jam.
- (e) Taman Shamelin Perkasa.
- (f) Dewan Badminton Tanjung Puteri Utama.

#### Latar Masa

- (a) Waktu pagi.
- (b) Waktu malam.
- (c) 8.30 pagi.
- (d) 11.10 malam.
- (e) Selepas solat maghrib.
- (f) Selepas waktu asar.

#### Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang tabah mengharungi liku-liku kehidupan.
- (b) Masyarakat yang sentiasa ingat akan pesanan.
- (c) Masyarakat yang berani mengemukakan pendapat.
- (d) Masyarakat yang gigih berusaha.
- (e) Masyarakat yang bersikap pilih kasih.
- (f) Masyarakat yang sabar menghadapi dugaan.

### Gaya Bahasa

- (a) Metafora. Contohnya, *Tidak semena-mena wajah arwah abah pula yang hadir di layar minda.*
- (b) Peribahasa. Contohnya, *datang tidak bersambut, pulang biarlah berhantar; berpeluk tubuh; makan hati; kepala batu.*
- (c) Simile. Contohnya, *"Kadang-kadang terasa macam bola, disepak dilambung ke sana ke mari."*
- (d) Sinkope. Contohnya, *"Saya tak sedap hati nak pergi, kak."*
- (e) Personifikasi. Contohnya, *Ada keresahan mengintai dalam nubari.*
- (f) Hiperbola. Contohnya, *Peluang kini terbuka luas untuk saya mematikan bulu tangkis dengan smash tajam membunuh ke lantai kejat gelanggangnya.*

### Nilai

- (a) Kegigihan. Contohnya, Syahir dan rakan-rakannya gigih berlatih untuk mengharungi kejohanan Terbuka Johor dan Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta.
- (b) Bertanggungjawab. Contohnya, Haji Marzuki dan Mas Suparman telah melatih pemain badminton skuad kebangsaan dengan penuh tanggungjawab.
- (c) Keberanian. Contohnya, tindakan Wan Najlah memakai tudung dan seluar panjang semasa berlatih di kem latihan wanita telah membuktikan bahawa dia berani melakukan perubahan untuk menutup aurat seperti yang pernah dikatakan kepada Syahir.
- (d) Kasih sayang. Contohnya, Kak Uda sanggup menjaga emak yang menghidap strok dengan mengambil cuti.
- (e) Simpati. Contohnya, Syahir bersimpati terhadap nasib rakyat Palestin yang ditindas oleh Amerika Syarikat dan sekutunya, Israel.
- (f) Keyakinan. Contohnya, Haji Marzuki telah berjanji kepada pihak PBSM bahawa dia akan meletakkan jawatan sebagai jurulatih sekiranya Syahir gagal menjuarai kejohanan dunia kerana dia yakin Syahir akan berjaya memenangnya.
- (g) Ketegasan. Contohnya, Syahir tetap dengan pendiriannya untuk menutup aurat semasa bermain badminton walaupun sesetengah pihak tidak bersetuju pada mulanya dan ada yang melabelkan dia sebagai muslim yang konservatif serta 'kepala batu dari hulu.'

### Pengajaran

- (a) Kita hendaklah mengingati pesanan yang baik yang disampaikan oleh seseorang. Contohnya, Syahir sentiasa mengingati pesanan arwah ayahnya agar memberikan sumbangan kepada bangsa dan negara serta memelihara syariat dalam bersukan.

- (b) Kita haruslah berani untuk menyatakan pendapat. Contohnya, Syahir berani menyatakan pendapatnya bahawa dia tidak bersetuju dengan tindakan pihak PBSM yang tidak menggunakan *ranking* dunia dalam pemilihan pemain bagi kejohanan dunia di Jakarta. PBSM telah menukarkannya kepada prestasi semasa Kejohanan Terbuka Johor untuk pemilihan mewakili negara.
- (c) Kita mestilah berpendirian teguh dalam melakukan sesuatu. Contohnya, Syahir tetap dengan pendiriannya untuk menutup aurat semasa bermain badminton walaupun sesetengah pihak tidak bersetuju pada mulanya dan ada yang melabelkan dia sebagai muslim yang konservatif serta 'kepala batu dari hulu.'
- (d) Kita hendaklah berfikir positif terhadap sesuatu perkara. Contohnya, Syahir hanya tersenyum dan mengambil positif kritikan Engku Aiman yang mempertikaikan permainannya yang dikatakan agak lembap, kelim-kabut, dan mudah terikut-ikut rentak lawan. Engku Aiman menganggap Syahir tidak mampu melawan pemain dari China.
- (e) Kita tidak seharusnya memandang rendah terhadap orang lain. Contohnya, Engku Aiman dan Syed Amiri telah memandang rendah akan keupayaan Syahir untuk mara ke Kejohanan Badminton Kebangsaan di Jakarta.
- (f) Kita tidak seharusnya bersikap pilih kasih dalam kehidupan. Contohnya, Engku Aiman menganggap Syed Amiri sebagai anak emas dan sentiasa memuji keupayaan pemain itu manakala pemain-pemain badminton yang lain dianggap tidak sehebat Syed Amiri, terutamanya Syahir.

#### 4 Hempasan Ombak (Zailiani Taslim)

*Edisi: Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan*

##### Sinopsis

Farid yang baru berusia 19 tahun terpaksa menerajui Perusahaan Syarikat Batik Nusantara yang telah diusahakan selama 20 tahun apabila pemiliknya, Haji Badrul meninggal dunia akibat barah dalam perut. Ibunya, Hajah Zaoyah terpaksa menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada Farid kerana anak-anaknya yang lain tidak mampu memikul tugas tersebut. Farid menerima tugas itu dengan penuh tanggungjawab. Sebagai tugas pertama, Farid melawat bengkel untuk melihat kerja-kerja mengecap batik. Pak Nik, pekerja syarikat itu menerangkan keadaan syarikat, iaitu batik keluaran syarikat tidak laku dan wujudnya sebuah syarikat yang mahu menggerhanakan syarikat mereka. Untuk mengukuhkan kewangan syarikat, Hajah Zaoyah bercadang mahu menggadaikan emas dan tanah miliknya. Seterusnya, Farid meluahkan keinginannya untuk membesarkan bengkel sekiranya kewangan syarikat semakin kukuh.

Farid mengadakan mesyuarat syarikat buat kali yang pertama dengan pekerja-pekerjanya. Dalam mesyuarat tersebut, Farid mahu syarikat menjual batik dalam bentuk pakaian siap dengan jenama tersendiri dan Farid mencadangkan bengkel diperbesar dan mesin baharu perlu dibeli. Pada satu hari, Farid mengunjungi pejabat pemborong binaan Nadi Zaman kepunyaan Mokhsein, bekas pekerja ayahnya satu ketika dahulu. Mokhsein memaklumkan, terdapat sebuah syarikat pesaing di Kuala Terengganu yang mahu memonopoli pengeluaran batik dengan menjual batik dengan harga yang murah untuk memastikan syarikat yang sedia ada mufli. Mokhsein kemudian menerangkan akan perlunya Farid menjalankan "strategi terkunci" jika mahu syarikatnya kukuh kembali.

Zuraida berniaga pakaian di bazar MARA di Jalan Banggol sejak tujuh tahun lalu. Farid, rakan sekelasnya ketika berada di tingkatan satu hingga tingkatan lima di Sekolah Menengah Seri Budiman datang berkunjung untuk bertanya khabar. Dalam pertemuan yang lain, Zuraida berjanji mahu membantu Farid dengan menjual batik di gerainya tanpa mengenakan sebarang komisen, namun dia mencadangkan Farid mengeluarkan batik corak baharu untuk menarik perhatian pembeli. Farid bertemu Mokhsein untuk mendapatkan pandangannya. Hasilnya dia dapat menyiapkan kertas kerja "Projek Pembesaran Keupayaan Pengeluaran Batik Cap dan Perintis Batik Lukis Syarikat Batik Nusantara" dan

seterusnya, Farid membina bengkel tambahan dengan modal sebanyak RM75 ribu. Hal berkaitan tenaga pengajar batik moden akan diuruskan oleh Mokhsein. Sebagai seorang usahawan yang berjaya, Mokhsein diundang untuk merasmikan bangunan bengkel batik moden. Pada hari tersebut, Hartini Noor, adik sepupu Mokhsein datang. Zuraida melahirkan rasa cemburu terhadap kehadiran Hartini Noor. Farid mengunjungi Zuraida di gerainya. Farid menjelaskan bahawa Hartini Noor sudah bertunang dengan pereka bentuk dalaman dan bekerja selama sebulan sahaja di syarikatnya. Zuraida melihat kerja-kerja mencanting di bengkel.

Selanjutnya, pemilik Syarikat Batik Rajawali, Mukhtar begitu marah apabila batik keluaran syarikatnya tidak mendapat sambutan dengan alasan batik keluarannya bercorak lama. Mukhtar yakin, batik pilihan pengguna sekarang adalah keluaran syarikat pesaingnya, Syarikat Batik Nusantara. Mukhtar kemudiannya pergi ke gerai anak saudaranya, Zuraida dan mendapati batik bercorak baharu dijual di gerai Zuraida. Mukhtar memberi amaran agar Zuraida tidak menjual batik itu dan jika masih degil, dia akan merobohkan gerai Zuraida. Farid pula menerima amaran keras dalam bentuk surat layang. Dia diingatkan agar memutuskan hubungannya dengan Zuraida dan memastikan batik keluarannya tidak menguasai pasaran. Jika amaran tersebut tidak dipandang serius, padah yang lebih besar akan menanti. Hajah Zaoyah mahu perkara itu dilaporkan kepada pihak polis.

Farid mendapat panggilan telefon daripada Zuraida. Zuraida menjelaskan akan larangan bapa saudaranya agar tidak menjual batik moden yang dikeluarkan oleh syarikat Farid. Di bengkel membuat batik moden kepunyaan Farid, Mahmood, pekerja Mukhtar mencari Azmi dan Masri. Mahmood tidak berpuas hati kerana dua-dua lelaki itu telah meninggalkan Syarikat Batik Rajawali. Azmi dan Masri memberi alasan meninggalkan syarikat kerana tidak dibayar gaji walaupun sudah bekerja selama dua bulan. Berlaku pertengkaran. Mahmood yang hilang sabar kemudiannya mencekik leher baju Azmi. Disebabkan Masri tiada pilihan lain untuk menyelamatkan Azmi, dia menerpa ke arah Mahmood lalu mencurahkan lilin panas dari canting ke muka Mahmood.

Ketika jam menunjukkan pukul 2:00 pagi, seisi rumah Hajah Zaoyah dikejutkan dengan bunyi letupan yang kuat. Alangkah terkejutnya mereka apabila mendapati bengkel tempat pengeluaran batik moden dijilat api. Bengkel tersebut tinggal rangka. Lebih 75 peratus peralatan dan bahan mentah untuk membuat batik musnah. Farid menerima dugaan yang menimpanya sebagai takdir. Pihak polis yakin kebakaran bermotifkan jenayah lalu meminta Farid mengikutnya ke balai polis untuk diambil keterangan. Di balai polis, Inspektor Rusman menjelaskan, pihaknya telah memberkas Mahmood di sebuah klinik ketika lelaki itu sedang menerima rawatan kerana tersiram lilin batik. Mahmood mempunyai rekod jenayah dan merupakan pekerja Syarikat Batik Rajawali. Pemilik syarikat tersebut ialah Mukhtar bin Yusof dan kini pihak polis berusaha untuk memberkasnya.

Tiga hari selepas peristiwa kebakaran bengkel, Mokhsein datang ke bengkel Farid sekembalinya dari Singapura. Mokhsein berjanji akan membantu Farid menjadi pembekal pakaian siap. Kata-kata itu memberi semangat semula ke dalam jiwa Farid. Zuraida pula menjelaskan, kerana kekurangan ilmu dalam bidang perniagaan, dia mengikuti kursus luar kampus dalam bidang Pentadbiran Perniagaan di UiTM. Zuraida mencadangkan Farid menimba ilmu lagi kerana terdapat banyak kolej di Kuala Terengganu. Mukhtar kini berada di Penjara Marang dan dijatuhi hukuman penjara selama tiga tahun atas kesalahannya mengupah tiga orang samseng untuk membakar bengkel perusahaan batik Farid. Kemudian Farid dan Zuraida mengikuti Mokhsein serta isterinya menghadiri majlis perkahwinan Hartini Noor di Kuantan.

#### Inti Pati Bab

##### Bab 1: Warisan?

- Apabila Haji Badrul meninggal dunia akibat barah dalam perut, Farid yang baru berusia 19 tahun terpaksa menerajui Perusahaan Batik Nusantara.
- Ibunya, Hajah Zaoyah terpaksa menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada Farid kerana kakak sulungnya Latifah yang



beranak lima tidak dilatih untuk mewarisi perniagaan ayahnya, Lotfi sudah 10 tahun hidup di atas kerusi roda kerana lumpuh dari paras pinggang ke bawah setelah terlibat dalam kemalangan jalan raya, manakala Farhan meninggal dunia, juga terlibat dalam kemalangan jalan raya.

- Hari pertama masuk ke pejabat syarikat yang terletak tidak jauh dari rumah, Farid sudah berasa risau. Fail menimbun, kewangan syarikat tidak kukuh, dan terdapat ejen yang tidak mahu membayar hutang.
- Tomsiah, kerani syarikat yang bekerja lebih 10 tahun menerangkan kedudukan syarikat. Menurut Tomsiah, kewangan syarikat masih mampu membayar gaji pekerja, tetapi pengeluaran batik dikurangkan kerana permintaan yang semakin kurang.
- Tomsiah kemudiannya menyerahkan nombor telefon kepada Farid. Farid segera menghubungi lelaki itu menerusi telefon untuk meminta pandangan daripadanya.

### Bab 2: Menggapai Awan

- Bagi Farid, kematian ayahnya kerana ketentuan Allah, bukan kerana buatan orang yang dengki terhadap syarikat.
- Dia kemudian melawat bengkel untuk melihat kerja-kerja mengecap batik. Pak Nik, pekerja syarikat itu menerangkan keadaan syarikat batik keluaran syarikat tidak laku dan wujudnya sebuah syarikat yang mahu menggerhanakan syarikat mereka, tetapi Pak Nik tidak menjelaskan syarikat pesaing tersebut.
- Kemudian Tomsiah menunjukkan kepada Farid akan bil hutang yang perlu dijelaskan segera untuk mengelakkan saman daripada mahkamah.
- Memikirkan hutang syarikat yang banyak, Farid memikirkan kemungkinan menjual untuk harta syarikat seperti lori dan dua buah van.

### Bab 3: Titian Niaga

- Kedudukan syarikat yang tidak stabil telah menghilangkan selera Farid untuk makan. Masalah syarikat diluahkan kepada ibunya.
- Bagi Farid, syarikat tidak akan mampu membayar hutang kepada ejen pembekal bahan-bahan mentah sekiranya gagal mengutip hutang daripada ejen yang menjual batik syarikat.
- Lotfi menyalahkan dirinya yang lumpuh hingga menyebabkan dia tidak mampu membantu menguruskan syarikat.
- Pada malam hari, Farid berbincang dengan ahli keluarganya untuk menyelesaikan masalah syarikat. Farid tidak mahu syarikat ditutup kerana akan menyebabkan kakitangan yang setia seperti Tomsiah dan Pak Nik kehilangan mata pencarian.
- Untuk mengukuhkan kewangan syarikat, Hajah Zaoyah bercadang mahu menggadaikan emas dan tanah miliknya. Baginya, tidak ada maknanya jika harta tersebut disimpan jika masalah syarikat tidak dapat diselesaikan.

### Bab 4: Azam Usahawan Muda

- Sejak jam 7:00 pagi lagi Farid sudah berada di pejabat. Kemudian dia meninjau bengkel batik. Diperhatikan sekitar bengkel masih luas, keseluruhannya seluas dua hektar.
- Apabila Pak Nik tiba, diluahkan keinginannya untuk membesarkan bengkel sekiranya kewangan syarikat semakin kukuh.
- Kemudian, dia teringat rakannya Abdul Kabeer dan Chew Teck yang gigih menghadapi cabaran dalam dunia perniagaan. Kejayaan mereka berdua memberi kekuatan kepada Farid untuk memajukan syarikat.
- Pada jam 9:00 pagi, Farid mengadakan mesyuarat syarikat buat kali yang pertama. Selain Farid, Tomsiah, dan Pak Nik, lima orang yang hadir dalam mesyuarat tersebut termasuk drebar, dua orang jurujual, dan ketua pembatik.
- Tujuan penubuhan syarikat pada peringkat awal adalah untuk membekalkan batik ke kedai kecil, gerai pakaian, arked di Pantai Timur, serta memenuhi permintaan pemborong batik untuk dibekalkan kepada badan-badan pertubuhan.
- Bagi Farid, jika tujuan penubuhan tidak diubah, jumlah pengeluaran tidak akan bertambah. Farid mencadangkan pengeluaran batik dalam bentuk pakaian siap dengan jenama tersendiri dan dijual melalui peruncit di bandar besar di Pantai Barat, selain menyertai pelbagai pameran dan ekspo.
- Farid mencadangkan bengkel diperbesar dan mesin baharu perlu dibeli. Usaha tersebut melibatkan kewangan yang besar dan masalah tersebut dapat diatasi dengan bantuan ibunya yang sanggup menggadaikan emas dan tanah.

### Bab 5: Langkah Pertama

- Farid mengunjungi pejabat pemborong binaan Nadi Zaman kepunyaan Mokhsein, bekas pekerja ayahnya satu ketika dahulu. Mokhsein pernah bekerja dengan Haji Badrul lebih 10 tahun dan terutang budi kepada Haji Badrul kerana mendidiknya dalam dunia perniagaan.
- Beliau meninggalkan Syarikat Batik Nusantara untuk memulakan perniagaan sendiri ketika syarikat dalam kedudukan kewangannya yang mantap dan terkenal. Farid menceritakan keadaan aliran tunai syarikatnya yang tidak lancar.
- Mokhsein memaklumkan, terdapat sebuah syarikat pesaing di Kuala Terengganu yang mahu memonopoli pengeluaran batik dengan menjual batik dengan harga yang murah untuk memastikan syarikat yang sedia ada muflis.
- Mokhsein kemudian menerangkan akan perlunya Farid menjalankan "strategi terkunci" jika mahu syarikatnya kukuh kembali, iaitu mengadakan promosi dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, mengadakan demonstrasi batik di Kuala Lumpur, mendapatkan kontrak dengan agensi kerajaan yang bertujuan membekalkan pakaian rasmi persatuan atau pertubuhan, dan akhir sekali mengadakan pameran bertaraf antarabangsa.
- Seterusnya, Mokhsein berjanji untuk membantu Farid jika dia menghadapi masalah.

### Bab 6: Ilham daripada Zuraida

- Zuraida berniaga pakaian di bazar MARA di Jalan Banggol sejak tujuh tahun lalu. Sejak bangun sekolah lagi dia berniaga untuk membantu ibunya, seorang janda anak lima. Sebelum mendapat gerai, selama tiga tahun dia berniaga menjual minuman dan makanan ringan tanpa lesen sehinggakan sering diburu oleh penguat kuasa.
- Kini dia mengetuai pengurusan gerai tersebut dengan dibantu adik-adiknya. Farid, rakan sekelasnya ketika berada di tingkatan satu hingga tingkatan lima di Sekolah Menengah Seri Budiman datang berkunjung untuk bertanya khabar.
- Zuraida menjelaskan bahawa ibunya mengajar supaya menggunakan modal semula jadi untuk menjalankan perniagaan, iaitu kesabaran dan bermanis muka ketika melayan pelanggan. Setelah tiga jam bersembang, Farid kembali ke pejabatnya.

### Bab 7: Batik, Cinta

- Seminggu kemudian, Farid berkunjung lagi di gerai Zuraida. Dia mengajak gadis itu makan tengah hari. Ketika mereka berdua makan, gerai tersebut dijaga oleh adik Zuraida, Zaharah.
- Sewaktu bersembang, Zuraida melahirkan rasa bangga terhadap Farid kerana daripada seramai 40 orang murid Tingkatan 5 Sastera 1, Farid sahaja yang menjadi pengarah syarikat.
- Seterusnya, Zuraida berjanji mahu membantu Farid dengan menjualkan batik di gerainya tanpa mengenakan sebarang komisen. Pakaian di gerainya berjaya dijual lebih daripada 400 helai pada hari biasa, namun dia mencadangkan Farid mengeluarkan batik corak baharu untuk menarik perhatian pembeli.
- Pelancong yang berkunjung ke Kuala Terengganu juga boleh singgah untuk melihat proses menghasilkan batik, seiring dengan minat pelancong.

### Bab 8: Corak Baharu

- Farid membelek-belek batik asli Cap Sarang keluaran syarikatnya di pejabatnya. Dia juga mengakui kehebatan batik asli, namun kemahuan pelanggan juga harus diutamakan.
- Dalam pertemuan ketiga dengan Zuraida, gadis itu mencadangkan dia mengeluarkan batik canting (batik lukis). Idea tersebut mendapat respons baik daripada Tomsiah.
- Masalahnya kos pengeluaran agak tinggi kerana batik itu perlu dibuat di atas kain sutera. Farid bertemu Mokhsein untuk meminta pandangannya.
- Farid menyiapkan kertas kerja "Projek Pembesaran Keupayaan Pengeluaran Batik Cap dan Perintis Batik Lukis Syarikat Batik Nusantara".
- Seterusnya, setelah meneliti penyata akaun Syarikat Batik Nusantara, Mokhsein mengagumi usaha yang dilakukan oleh Farid kerana hutang-hutang dapat dikutip secara maksimum dan modal meningkat hasil jualan kenderaan, gadaian tanah, dan barang kemas.
- Mokhsein meyakini usaha Farid akan membuahkan hasil. Projek itu kelak akan menjadi rantai ekonomi dan seterusnya meningkatkan martabat industri kampung. Pengetahuan untuk mengembangkan projek boleh diperolehi menerusi khidmat nasihat daripada MARA dan MIDA.

- Mokhsein berjanji akan membantu Farid daripada aspek pemasaran. Seterusnya, Farid membina bengkel tambahan dengan modal sebanyak RM75 ribu. Hal berkaitan tenaga pengajar batik moden akan diuruskan oleh Mokhsein.

#### Bab 9: Batik Sumber Rezeki

- Sebagai seorang usahawan yang berjaya, Mokhsein diundang untuk merasmikan bangunan bengkel batik moden. Majlis dijalankan secara sederhana dengan doa selamat dan jamuan makan yang turut dihadiri oleh 200 orang penduduk kampung. Pada hari tersebut, Hartini Noor, adik sepupu Mokhsein datang. Hartini Noor diberi tanggungjawab untuk mereka corak batik, selain membimbing pekerja baharu berkaitan batik canting.
- Zuraida melahirkan rasa cemburu terhadap kehadiran Hartini Noor.
- Seterusnya, Mokhsein mencadangkan kepada Farid agar mencari pekerja tempatan, sebagai tambahan kepada 50 orang pekerjanya yang sedia ada.
- Pada hari yang lain, Farid meninjau kerja-kerja di bengkel. Dia berasa kagum melihat hasil lukis yang dibuat oleh Hartini Noor. Menurut Hartini Noor, kerja-kerja mencanting oleh pekerja baharu seramai tujuh orang itu amat membanggakan.
- Pak Nik pula mengingatkan Farid tentang gaji Hartini Noor yang sewajarnya setimpal dengan usaha yang dilakukan.
- Hartini Noor menghabiskan masa selama lapan jam di bengkel. Banyak corak batik moden telah dihasilkan. Lima orang pekerja ditambah. Farid mahu memasarkan batik tersebut menerusi ejen baharu.

#### Bab 10: Maafkan Aku, Eda

- Farid mengunjungi Zuraida di gerainya untuk menghilangkan rasa cemburu di jiwa rakannya itu. Farid menjelaskan bahawa Hartini Noor sudah bertunang dengan pereka bentuk dalam dan bekerja selama sebulan sahaja di syarikatnya.
- Kemudian Farid mengajak Zuraida mengelilingi beberapa negeri untuk memperkenalkan dan seterusnya melantik ejen baharu untuk memasarkan batik keluaran syarikatnya.
- Pada hari yang lain, jam 5:00 petang, Zuraida melihat kerja-kerja mencanting di bengkel. Dia menutup gerainya pada hari itu. Pada kesempatan itu, Zuraida bersembang dengan Hartini Noor. Zuraida berasa kagum melihat hasil kerja seni Hartini Noor yang pelbagai corak untuk pelbagai kegunaan seperti skarf, sapu tangan, alas meja, dan sarung kusyen.
- Selepas itu, Zuraida berkenal mesra dengan keluarga Farid. Lewat petang, Farid menghantar Zuraida balik dengan kereta Peugeot peninggalan arwah ayahnya.

#### Bab 11: Bara Dendam

- Mukhtar berasa marah apabila mendapat laporan daripada ejennya di Seremban bahawa batik keluaran syarikatnya, Syarikat Batik Rajawali tidak mendapat sambutan dengan alasan batik keluarannya bercorak lama. Sebelum ini dilaporkan batiknya tidak dapat dijual di Johor Bahru.
- Modal sudah banyak dikeluarkan, stok batik masih banyak yang tidak dijual, dan ejen pula diberi keuntungan jualan sebanyak 35 peratus. Jika masalah itu tidak diselesaikan, Syarikat Batik Rajawali boleh bankrap.
- Selama ini dia berjaya memecahkan monopoli batik keluaran Syarikat Batik Nusantara. Menurut seorang ejennya, jika syarikat memberi komisen 50 peratus sekalipun, batik tidak dapat dijual kerana pengguna lebih tertarik dengan batik bercorak baharu.
- Mukhtar yakin, batik pilihan pengguna sekarang adalah keluaran pesaingnya, Syarikat Batik Nusantara.
- Mukhtar kemudiannya pergi ke gerai anak saudaranya, Zuraida. Dia mendapati terdapat batik bercorak baharu dijual di gerai Zuraida. Setelah didesak, akhirnya Zuraida mengakui bahawa dia menjadi ejen menjual batik syarikat Farid.
- Mukhtar melarang Zuraida menjual batik tersebut. Berlaku pertengkaran. Akhirnya, Mukhtar memberi amaran agar Zuraida tidak menjual batik itu dan jika masih degil, dia akan merobohkan gerai Zuraida.
- Farid pula menerima amaran keras dalam bentuk surat layang. Dia diingatkan agar memutuskan hubungannya dengan Zuraida dan memastikan batik keluarannya tidak menguasai pasaran. Diingatkan juga, jika amaran tersebut tidak dipandang serius, padah yang lebih besar akan menanti.
- Surat layang tersebut kemudian ditunjukkan kepada ibu dan abangnya. Hajah Zaoyah mahu perkara itu dilaporkan kepada pihak polis.

#### Bab 12: Samseng

- Farid mendapat panggilan telefon daripada Zuraida yang meminta Farid segera ke gerainya. Ada hal mustahak untuk dibincangkan. Apabila Farid tiba di gerai Zuraida, gadis itu meminta Farid ke rumahnya. Farid dalam keadaan tertanya-tanya akur mengikut cadangan Zuraida ke rumahnya di Kampung Tanjung.
- Setelah menikmati hidangan yang ala kadar, Zuraida menceritakan larangan bapa saudaranya agar tidak menjual batik moden yang dikeluarkan oleh syarikat Farid. Zuraida menjelaskan perasaan serba salahnya.
- Di bengkel membuat batik moden kepunyaan Farid, Mahmood, pekerja Mukhtar mencari Azmi dan Masri. Mahmood tidak berpuas hati kerana dua lelaki itu telah meninggalkan Syarikat Batik Rajawali.
- Apabila dua lelaki itu ditemui, Mahmood memarahi Azmi dan Masri. Namun Azmi dan Masri memberi alasan meninggalkan syarikat kerana tidak dibayar gaji walaupun sudah bekerja selama dua bulan. Berlaku pertengkaran antara mereka.
- Hartini Noor meminta Mahmood meninggalkan tempat itu jika mahu membuat kacau, namun Mahmood tidak berganjak. Hartini Noor mencari Farid kerana bimbang berlaku sesuatu yang buruk, tetapi Farid tidak ditemui.
- Apabila bertemu Pak Nik, Hartini Noor menjelaskan kejadian yang berlaku. Apabila Pak Nik bertemu Mahmood, Mahmood dengan lagak samseng memarahi Pak Nik kerana mencuri pekerja syarikat milik majikannya.
- Mahmood yang hilang sabar kemudiannya mencekik leher baju Azmi. Mahmood yang seakan-akan hilang akal mahu memasukkan kepala Azmi ke dalam kawah yang mengandungi lilin panas.
- Disebabkan Masri tiada pilihan lain untuk menyelamatkan Azmi, dia menerpa ke arah Mahmood lalu mencurahkan lilin panas dari canting ke muka Mahmood. Mahmood menjerit kepanasan.
- Pak Nik mahu menangkap Mahmood tetapi lelaki itu berlari menuju ke pintu pagar untuk menyelamatkan diri. Apabila Farid pulang, Pak Nik segera menceritakan kejadian yang baru berlaku.

#### Bab 13: Api

- Ketika jam menunjukkan pukul 2:00 pagi, seisi rumah Hajah Zaoyah dikejutkan dengan bunyi letupan yang kuat. Penghuni rumah terjaga. Alangkah terkejutnya mereka apabila mendapati bengkel tempat pengeluaran batik moden dijilat api.
- Farid berusaha memadamkan kemaraan api dengan alat pemadam api, tetapi gagal. Jiran tetangga datang dan cuba membantu. Menurut Farid, terdapat banyak tong gas di dalam bengkel itu.
- Pasukan Bomba dan Penyelamat datang memadamkan api tersebut. Kakitangan Tenaga Nasional juga datang untuk memutuskan bekalan elektrik untuk mengelakkan api merebak ke seluruh bangunan. Akhirnya, bengkel tersebut tinggal rangka. Lebih 75 peratus peralatan dan bahan mentah untuk membuat batik musnah.
- Farid terpaku di hadapan bengkel hingga azan subuh berkumandang. Farid menerima dugaan yang menyimpannya sebagai takdir.
- Apabila pekerja tiba, Farid mengarahkan pekerja batik asli bekerja seperti biasa kerana bengkel batik asli tidak terjejas. Sementara itu, mereka yang bekerja di bengkel batik moden diarahkan membantu mana-mana kerja yang perlu.
- Pasukan polis, Pasukan Bomba dan Penyelamat, dan kakitangan Bahagian Forensik dari Jabatan Kimia Malaysia datang untuk menyiasat. Kemudian pegawai penyiasat daripada Pasukan Bomba dan Penyelamat merumuskan bahawa kebakaran berlaku angkara perbuatan sabotaj.
- Ketika itu, Farid teringat surat layang dan ancaman daripada lelaki yang membuat kacau di bengkelnya. Pihak polis yakin kebakaran itu bermotifkan jenayah lalu meminta Farid mengikutnya ke balai polis untuk diambil keterangan.
- Di balai polis, Inspektor Rusman menjelaskan, pihaknya telah memberkas Mahmood di sebuah klinik ketika lelaki itu sedang menerima rawatan kerana tersiram lilin batik.
- Mahmood mempunyai rekod jenayah dan merupakan pekerja Syarikat Batik Rajawali. Pemilik syarikat tersebut ialah, Mukhtar bin Yusof dan kini pihak polis berusaha untuk memberkasnya.
- Pulang dari balai polis, Zuraida sudah berada di rumahnya. Apabila Farid memaklumkan kebakaran dirancang oleh Mukhtar, ibunya dan Zuraida amat terkejut.

## Bab 14: Ombak

- Penangkapan Mukhtar atas tuduhan membakar bengkel kepunyaan Farid telah disiarkan oleh akhbar. Mukhtar didakwa mengupah tiga orang samseng untuk melakukan perbuatan tersebut. Rayuan Mukhtar untuk diikat jamin telah ditolak oleh hakim.
- Tiga hari selepas peristiwa kebakaran bengkel, Mokhsein datang ke bengkel Farid sekembalinya dari Singapura. Mokhsein memberitahu bahawa dia juga menerima surat ugutan daripada Mukhtar agar tidak membantu perniagaan Farid.
- Kemudian Mokhsein memberitahu khabar gembira, iaitu dua buah butik di Singapura dan Ampang Park mahu melangani batik moden keluaran Farid. Mokhsein berjanji akan membantu Farid menjadi pembekal pakaian siap.
- Kata-kata itu memberi semangat semula ke dalam jiwa Farid. Zuraida pula menjelaskan, kerana kekurangan ilmu dalam bidang perniagaan, dia mengikuti kursus luar kampus dalam bidang Pentadbiran Perniagaan di UiTM Dungun pada setiap hujung minggu.
- Zuraida mencadangkan, agar Farid menimba ilmu lagi memandangkan terdapat banyak kolej di Kuala Terengganu.
- Seterusnya, ketika Farid tertidur pada siang hari, dia bermimpi Mahkamah Rendah Kuala Terengganu menjatuhkan hukuman terhadap Mukhtar. Farid pula membeli syarikat kepunyaan Mukhtar yang hampir dilelong oleh bank. Kemudian Farid menemui Mukhtar dan memaafkan kesalahan lelaki itu.
- Apabila dia terjaga, ibunya memaklumkan bahawa Mukhtar kini berada di Penjara Marang dan dijatuhi hukuman penjara selama tiga tahun.
- Kemudian Farid dan Zuraida mengikuti Mokhsein serta isterinya menghadiri majlis perkahwinan Hartini Noor di Kuantan.

## Tema

Kegigihan remaja dalam usaha untuk memajukan syarikat.

## Persoalan

- Jatuh bangun dalam mengharungi dunia perniagaan.
- Kegigihan dalam memajukan dunia perniagaan.
- Kesederhanaan dalam kehidupan.
- Kasih sayang seorang ibu terhadap anak dan warisan keluarga.
- Sikap manusia yang sanggup membantu orang lain tanpa mengharap balasan.
- Ketaatan dan kepatuhan seorang anak terhadap ibu dan ajaran agama.

## Watak dan Perwatakan

### Farid

- Berusia 19 tahun dan bertubuh sederhana.
- Bertanggungjawab menerajui Syarikat Batik Nusantara.
- Bersikap sederhana.
- Penyayang terhadap ahli keluarga dan rakan baik.
- Bersikap rasional dalam mengambil tindakan.
- Mengamalkan semangat bermasyarakat.
- Rajin berusaha untuk memajukan syarikat.
- Taat pada ajaran agama.
- Berani dalam membuat tindakan.
- Bersifat tabah dan penyabar.

### Mokhsein

- Bertubuh gelap, berwajah bulat dan tampan.
- Pemilik Syarikat Nadi Zaman.
- Mengenal budi.
- Baik hati dan berhemah tinggi.
- Bijak dalam menyusun strategi pemasaran perniagaan.

### Hajah Zaoyah

- Hajah Zaoyah berusia 56 tahun dan balu kepada Allahyarham Haji Badrul, pemilik Syarikat Batik Nusantara.
- Dia mempunyai enam orang anak.
- Seorang ibu yang penyayang.
- Seorang yang gigih dalam mengharungi cabaran dan masalah dalam perniagaan.
- Seorang yang berani menanggung risiko dalam menguruskan perniagaan.
- Seorang ibu yang sanggup berkorban untuk memajukan perniagaan.
- Seorang yang bijak dan rasional dalam membuat tindakan.

## Zuraida

- Zuraida berusia 19 tahun dan merupakan rakan sekelas Farid dari tingkatan satu hingga tingkatan lima di Sekolah Menengah Seri Budiman.
- Dia berniaga pakaian di bazar MARA di Jalan Banggol sejak tujuh tahun lalu dengan dibantu oleh adik-adiknya.
- Seorang yang gigih dalam perniagaan.
- Seorang yang mudah cemburu.
- Seorang yang berpandangan jauh dalam mencorak masa depan.

## Plot

### Binaan Plot

- Permulaan – Farid yang baru berusia 19 tahun terpaksa menerajui Perusahaan Batik Nusantara yang telah diusahakan selama 20 tahun. Ibunya, Hajah Zaoyah menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada Farid. Farid mengadakan mesyuarat syarikat buat kali yang pertama dengan pekerja-pekerjanya.
- Perkembangan – Zuraida berjanji mahu membantu Farid dengan menjualkan batik di gerainya tanpa mengenakan sebarang komisen, namun dia mencadangkan Farid mengeluarkan batik bercorak baharu untuk menarik perhatian pembeli. Farid bertemu Mokhsein untuk meminta pandangannya. Mokhsein diundang untuk merasmikan bangunan bengkel batik moden. Pada hari tersebut, Hartini Noor, jurulukis batik datang. Zuraida melahirkan rasa cemburu terhadap kehadiran Hartini Noor. Farid mengunjungi Zuraida di gerainya untuk menjelaskan keadaan yang sebenar.
- Perumitan – Pemilik Syarikat Batik Rajawali, Mukhtar begitu marah apabila batik keluaran syarikatnya tidak mendapat sambutan dengan alasan batik keluarannya bercorak lama. Mukhtar yakin, batik pilihan pengguna sekarang adalah keluaran pesaingnya, Syarikat Batik Nusantara. Mukhtar memberi amaran agar Zuraida tidak menjual batik itu dan jika masih degil, dia akan merobohkan gerai Zuraida. Farid pula menerima amaran keras dalam bentuk surat layang agar memutuskan hubungannya dengan Zuraida dan memastikan batik keluarannya tidak menguasai pasaran. Di bengkel membuat batik moden kepunyaan Farid, Mahmood, pekerja Mukhtar mencari Azmi dan Masri. Berlaku pertengkaran antara mereka.
- Klimaks – Berlaku kebakaran di bengkel tempat pengeluaran batik moden. Farid menerima dugaan yang menimpanya sebagai takdir. Pihak polis yakin kebakaran itu bermotifkan jenayah lalu meminta Farid mengikutnya ke balai polis untuk diambil keterangan. Di balai polis, Inspektor Rusman menjelaskan, pihaknya telah memberkas Mahmood di sebuah klinik ketika lelaki itu sedang menerima rawatan kerana tersiram lilin batik. Mahmood mempunyai rekod jenayah dan merupakan pekerja Syarikat Batik Rajawali. Pemilik syarikat tersebut ialah Mukhtar bin Yusof dan kini pihak polis berusaha untuk memberkasnya.
- Peleraian – Tiga hari selepas peristiwa kebakaran bengkel, Mokhsein datang ke bengkel Farid sekembalinya dari Singapura. Mokhsein berjanji akan membantu Farid menjadi pembekal pakaian siap. Kata-kata itu memberi semangat semula ke dalam jiwa Farid iaitu Mukhtar kini berada di Penjara Marang dan dijatuhi hukuman penjara selama tiga tahun. Kemudian Farid dan Zuraida mengikuti Mokhsein serta isterinya menghadiri majlis perkahwinan Hartini Noor di Kuantan.

### Teknik Plot

- Pemerian. Contohnya, pengarang menggambarkan aktiviti yang dilakukan oleh keluarga Hajah Zaoyah pada waktu malam.
- Dialog. Contohnya, perbualan antara Farid dengan Tomsiah mengenai kedudukan kewangan Syarikat Batik Nusantara yang bergerak perlahan dan kurang memberangsangkan.
- Imbas kembali. Contohnya, Farid teringat kembali akan kata-kata bapanya bahawa dunia perniagaan tidak ubah seperti gelanggang persilatan yang dipenuhi dengan sekap terajang dan dipenuhi faktor politik dalam mengaut laba.
- Imbas muka. Contohnya, Mukhtar membayangkan wajah Farid yang hanya menangis ketika berdepan dengan masalah kurangnya pengalaman dan ilmu pengurusan perniagaan dalam menguruskan perniagaan batik milik keluarganya itu.
- Suspens. Contohnya, pembaca tertanya-tanya dan ingin mengetahui pemilik nombor telefon yang diberikan oleh



Tomsiah kepada Farid. Pembaca juga tertanya-tanya sebab Tomsiah memberikan nombor telefon itu kepada Farid.

- (f) Kejutan. Contohnya, pembaca terkejut dan tidak menyangka Masri akan bertindak menerpa ke arah Mahmood dan mencurahkan lilin panas dari cacing batik ke muka Mahmood yang sedang mencekik leher baju Azmi untuk membenamkan kepalanya ke dalam kawah lilin yang panas itu.
- (g) Monolog. Contohnya, Farid bermonolog sendirian apabila memikirkan tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakan setelah dia dilantik untuk menerajui Syarikat Batik Nusantara yang sedang berhadapan dengan masalah kewangan.

#### Latar

##### Latar Tempat

- (a) Kampung Losong, Kuala Terengganu.
- (b) Pejabat Pemborong Binaan Nadi Zaman.
- (c) Pejabat Syarikat Batik Nusantara.
- (d) Bangunan bengkel batik moden baharu.
- (e) Balai Polis Daerah Kuala Terengganu.
- (f) Pekarangan rumah keluarga Farid.
- (g) Sebuah gerai di bazar MARA di Jalan Banggol.

##### Latar Masa

- (a) Waktu subuh.
- (b) Waktu pagi.
- (c) Waktu tengah hari.
- (d) Waktu petang.
- (e) Waktu malam.
- (f) Pada hujung tahun 60-an.
- (g) Sejak tiga bulan yang lalu.
- (h) Lebih 20 tahun yang lalu.

##### Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang menjalankan perniagaan.
- (b) Masyarakat yang menyayangi ahli keluarga.
- (c) Masyarakat yang bertanggungjawab dalam menguruskan syarikat.
- (d) Masyarakat yang baik hati dan berhati mulia.
- (e) Masyarakat yang mengenang budi.
- (f) Masyarakat yang saling bekerjasama dalam memajukan syarikat.
- (g) Masyarakat yang penyabar berdepan dengan pelbagai kerenah manusia.
- (h) Masyarakat yang berani menghadapi cabaran dalam perniagaan.

##### Gaya Bahasa

- (a) Bahasa Arab. Contohnya, *Assalamualaikum; Astaghfirullah.*
- (b) Bahasa Inggeris. Contohnya, *window shopping; classmate.*
- (c) Hiperbola. Contohnya, *Lidah api menjilat ganas apa-apa sahaja yang tercapai.*
- (d) Personifikasi. Contohnya, *Rasa serba salah mula mencekik dirinya.*
- (e) Repetisi. Contohnya, *"Kerja, kerja. Makan, makan," ujar Hajah Zaoyah tegas.*
- (f) Simile. Contohnya, *Syarikat yang ditubuhkan sejak hujung 60-an itu bagai pelita yang meliuk-liuk apinya.*
- (g) Sinkope. Contohnya, *"Tak kisahlah tu," tangkis Farid, tersenyum.*
- (h) Peribahasa. Contohnya, *putih mata; gulung tikar; genggam bara api biar sampai jadi arang; diluah mati emak, ditelan mati bapa; kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.*

#### Nilai

- (a) Baik hati. Contohnya, Mokhsein bersikap murah hati apabila bersedia membantu Farid memajukan Syarikat Batik Nusantara dan menerangkan perlunya Farid menjalankan "strategi terkunci" jika mahu syarikatnya kukuh kembali.
- (b) Hormat-menghormati. Contohnya, Farid selaku pengurus Syarikat Batik Nusantara dan para pekerjanya seramai 57 orang saling menghormati antara satu dengan yang lain ketika sama-sama memajukan perniagaan batik di syarikatnya itu.
- (c) Kasih sayang. Contohnya, Hajah Zaoyah amat menyayangi anak-anaknya. Sebagai ibu, dia sanggup berkorban menjaga anaknya, Lotfi yang sudah 10 tahun hidup di atas kerusi roda kerana lumpuh dari paras pinggang ke bawah setelah terlibat dalam kemalangan jalan raya.
- (d) Keberanian. Contohnya, Farid berani menanggung risiko untuk mengembangkan pemasaran syarikat batiknya dengan membina bengkel baharu yang bermodalkan RM75 ribu.
- (e) Ketaatan. Contohnya, sebagai seorang muslim yang taat akan ajaran agama Islam, Farid tidak pernah mengabaikan solat lima waktu.
- (f) Ketabahan. Contohnya, Farid tabah menerima dugaan kebakaran bengkel batik moden baharu itu dan menganggapnya sebagai takdir.
- (g) Semangat bermasyarakat. Contohnya, Farid telah mengundang 200 orang penduduk kampung untuk merapatkan hubungan silaturahim dengan masyarakat setempat ketika perasmian bengkel batik moden baharu.
- (h) Tanggungjawab. Contohnya, Farid menjalankan tanggungjawabnya menguruskan Syarikat Batik Nusantara dengan begitu baik setelah ibunya, Hajah Zaoyah meletakkan kepercayaan kepadanya untuk menguruskan syarikat tersebut selepas kematian bapa mereka.

#### Pengajaran

- (a) Kita perlulah bersikap sederhana dalam menjalani kehidupan. Contohnya, Farid bersederhana dalam menjalani kehidupannya walaupun dia memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan Syarikat Batik Nusantara.
- (b) Kita hendaklah mencurahkan kasih sayang terhadap ahli keluarga. Contohnya, sebagai seorang ibu, Hajah Zaoyah sanggup berkorban menjaga anaknya, Lotfi yang sudah 10 tahun hidup di atas kerusi roda kerana lumpuh dari paras pinggang ke bawah setelah terlibat dalam kemalangan jalan raya.
- (c) Kita mestilah bersikap baik hati dengan membantu orang yang memerlukan. Contohnya, Mokhsein bersikap baik hati apabila bersedia membantu Farid untuk memajukan Syarikat Batik Nusantara. Dia menyarankan agar Farid melaksanakan "strategi terkunci" untuk membaik pulih keadaan syarikatnya.
- (d) Kita mestilah mengamalkan semangat bermasyarakat. Contohnya, Farid telah mengundang 200 orang penduduk kampung semasa majlis perasmian bengkel batik moden yang baharu bagi merapatkan hubungan silaturahim dengan masyarakat setempat.
- (e) Kita hendaklah tabah apabila diuji dengan musibah dan masalah. Contohnya, Farid tabah menerima dugaan apabila bengkel batik moden baharunya terbakar dan menganggapnya sebagai takdir Tuhan.
- (f) Kita hendaklah bersabar apabila berdepan dengan pelanggan yang berbagai-bagai ragam. Contohnya, Farid kagum akan kesabaran Zuraida melayani pelanggan yang pelbagai kerenah ketika berurus niaga di gerai pakaiannya di bazar MARA, Jalan Banggol.